


[TELAH DISEMAK]


Jilid 1
Bil. 70

Khamis
11 Januari 1996



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN DEWAN RAKYAT



PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KHAS

KANDUNGAN

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Ruangan 1]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada [Ruangan 46]
Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI
DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).
- .. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR
BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N.
(Permatang Pauh).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).
- .. Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J.,
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- .. Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).
- .. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK,
P.N.B.S. (Kanowit).
- .. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- .. Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI
DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).
- .. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S.
(Kuala Selangor).
- .. Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,
D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).
- .. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulau).
- .. Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN
CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- .. Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T.,
J.P. (Bentong).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN
DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N.
(Kuala Rajang).
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING,
P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW
PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- .. Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR,
D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- .. Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- .. Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- .. Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- .. Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- .. Menteri Kesihatan, DATUK CHUA JUI MENG, D.I.M.P., P.I.S. (Bakri).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- .. Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN' ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- .. Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- .. Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- .. Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- .. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL P.J.K. (Hulu Selangor).
- .. TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- .. TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- .. TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- .. TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- .. TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- .. TUAN ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- .. DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- .. DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- .. TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, A.M.N. (Kuala Pilah).
- .. TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).

- Yang Berhormat TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).
- .. DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).
- .. PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- .. TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- .. TUAN AMIHAMZAH BIN AHMAD (Lipis).
- .. DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).
- .. TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- .. DATO HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan).
- .. TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ, A.S.A. (Hulu Langat).
- .. TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- .. TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- .. TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timur).
- .. CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- .. TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- .. DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).
- .. PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- .. TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- .. TUAN FU AH KIW (Mentakab).
- .. TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- .. DATO' HAJI HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).
- .. TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).
- .. TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).
- .. DATO' HEW SEE TONG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).
- .. TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).
- .. DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).
- .. TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- .. TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- .. PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- .. TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).
- .. DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARIIS, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin).
- .. TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- .. TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- .. TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- .. TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- .. DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- .. DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju).

- Yang Berhormat TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- .. TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).
- .. TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K. (Sandakan).
- .. DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- .. DR. G. LEELAVATHI, A.M.N. (Kapar).
- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- .. PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).
- .. TUAN LIM SI CHENG, P.I.S. (Senai).
- .. TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- .. DATO' HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- .. DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI, A.S.D.K., J.P. (Bandau).
- .. TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- .. TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S. (Bukit Mas).
- .. TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- .. TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- .. DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K. (Kota Belud).
- .. DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- .. TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- .. TUAN HAJI MUSTAPHA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).
- .. TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- .. TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K. (Tanjong Karang).
- .. DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- .. DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- .. TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. DATO' OTHMAN BIN ABDUL, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- .. DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- .. TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K. (Penampang).
- .. TUAN PHILIP YONG CHEW LIP, A.D.K. (Gaya).

- Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,
B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- .. TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- .. DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- .. MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- .. TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- .. TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- .. PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).
- .. TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).
- .. DATO' SALAMON BIN SELAMAT, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah
Alam).
- .. DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- .. PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- .. DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).
- .. DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- .. CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- .. DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).
- .. DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- .. DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- .. TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- .. DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- .. TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- .. TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).
- .. WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).
- .. WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).
- .. TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- .. TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).
- .. DATO' YAP PIAN HON, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).
- .. DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).
- .. DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- .. TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- .. TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- .. TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- .. DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).
- .. TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- .. TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasir Mas).
- .. DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.
(Kuala Kedah).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik.
Pmk. Ketua Penolong Setiausaha:	Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah.
Pelapor Perbincangan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin. Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop. Hajah Supiah binti Dewak. Mohamed bin Osman. Hajah Norishah binti Mohd. Thani. Zaharah binti Naim. Norwahidah binti Azizi. Jainah binti Sakimin. Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop. Shamsina binti Janor.

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib.
--------------------	--

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 11hb Januari, 1996

*Mesyuarat dimulakan pada pukul
2.30 petang*

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG
INSTITUSI PENDIDIKAN
TINGGI SWASTA 1996

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (10hb. Januari, 1996)

Tuan Yang di-Pertua: Minta Ahli Yang Berhormat dari Sibu sila sambung. Yang Berhormat ada 10 minit lagi untuk berucap.

2.33 ptg.

Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, kuasa untuk menentukan cukupnya kemudahan pendidikan dan jaminan kualiti kursus-kursus pengajian di bawah seksyen 39 adalah tidak terang. Yang Berhormat Menteri Pendidikan sila jelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah seksyen 41(1) semua IPTS mestilah mengadakan kursus mereka dengan

menggunakan Bahasa Kebangsaan. tetapi bahasa Inggeris untuk mengajar mata pelajaran teknikal dan bahasa Arab untuk pengajian agama Islam dapat digunakan selepas diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, sama ada semua pelajar Malaysia mesti belajar bahasa Malaysia yang mana tidak dapat dinafikan lagi. Saya dengan ikhlas mencadangkan agar mata pelajaran lain seperti bahasa Mandarin, Jepun, Perancis, Jerman dan lain-lain boleh dibenarkan digunakan untuk bahasa pengantar asing masing-masing di IPTS.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah seksyen 43(1)(b) dan (c) mengenai pengajaran agama Islam untuk pelajar-pelajar Islam dan pendidikan moral untuk pelajar-pelajar bukan Islam. Saya dengan ikhlas mencadangkan pelajar-pelajar bukan Islam disediakan dengan pendidikan agama lain dan bukan hanya pendidikan moral yang mana harus diberikan kepada semua pelajar di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 47 melarang pelajar, organisasi atau badan dan kumpulan yang berkaitan dengan masyarakat, parti politik, kesatuan sekerja atau mana-mana organisasi sama ada didaftar atau tidak di Malaysia atau di luar Malaysia. Tetapi saya berpuas hati nampaknya Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah membuat pindaan kepada seksyen ini. Ini ialah satu bukti bahawa Kerajaan Barisan Nasional sentiasa terima teguran-teguran dari pihak-pihak tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 68 dan 69 memberi kuasa kepada pegawai penyiasatan untuk mencari dan merampas harta IPTS tanpa waran adalah amat keras. Saya dengan ikhlas merayu kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk mempertimbangkan mengambil langkah-langkah bagi memastikan bahawa

pegawai penyiasat tidak menyalahgunakan kuasa mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan sepenuhnya cadangan daripada rakan-rakan saya dari Barisan Nasional supaya kerajaan perlu mewujudkan satu tabung pendidikan atau 'equivalent system', dengan izin, untuk memberi bantuan kewangan kepada mahasiswa-mahasiswa khasnya dari golongan miskin supaya mereka boleh menyertai IPTS.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan fakta-fakta di atas dengan ikhlas berserta niat baik dan berharap Yang Berhormat Menteri Pendidikan akan mempertimbangkan fakta-fakta saya dengan objektif yang saksama untuk memperbaiki operasi IPTS di negara kita demi untuk kemudahan semua. Dengan kesimpulan ini, saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Gelang Patah.

2.40 ptg.

Tuan Chang See Ten (Gelang Patah): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak kerajaan dan Yang Berhormat Dato' Menteri Pendidikan kerana dapat mewujudkan Rang Undang-undang IPTS yang mana saya yakin, ia akan dapat mengawal penyalahgunaan kuasa daripada pihak luar untuk mendapatkan keuntungan. Ia adalah satu langkah yang sangat bijak supaya dapat menyelaraskan IPTS di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pengwujudan IPTS ini, semua universiti swasta dari negara luar yang mahu

menubuhkan cawangan mereka di negara kita perlu mendapat kelulusan daripada Menteri Pendidikan terlebih dahulu. Ini akan dapat menjamin kepentingan pelajar-pelajar kita yang mahu mengikut pengajian mereka di universiti-universiti swasta.

Seperti yang dikatakan oleh Menteri Pendidikan, IPTS akan dapat meningkatkan lagi usaha Malaysia untuk menjadi pusat pendidikan ulung di rantau ini apabila penekanan diberikan kepada bidang sains, teknologi dan pengurusan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, sejak 10 tahun kebelakangan ini, penubuhan kolej-kolej swasta di Malaysia boleh diibaratkan sebagai cendawan yang tumbuh selepas hujan. Ini menandakan bahawa bangsa Malaysia sentiasa sedar tentang betapa pentingnya pendidikan dalam pembentukan sebuah masyarakat yang maju serta makmur.

Sesungguhnya penubuhan kolej-kolej swasta akan dapat menampung sebahagian daripada lepasan sekolah menengah yang gagal ditawarkan tempat pengajian di universiti tempatan serta kurang berkemampuan untuk melanjutkan pelajaran ke seberang laut.

Tuan Yang di-Pertua, akan tetapi, demi menghasilkan generasi terdidik yang mempunyai aspirasi negara, sanggup melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan berkesan dan selaras dengan keperluan dan kehendak negara, maka pihak kerajaan harus menentukan haluan serta falsafah pendidikan sesuatu kolej.

Kita tidak mahu melihat keadaan di mana graduan kolej swasta yang dilahirkan kelak tidak seiring atau tidak mampu menyumbang mengikut rentak pembangunan yang dirancang oleh kerajaan. Sebaliknya, kita mahu

melahirkan sekumpulan tenaga mahir manusia yang berilmu, sentiasa berfikiran matang dan bertindak cepat dalam apa jua perkara yang dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita sedia maklum, negara kita mengamalkan sistem pendidikan pelbagai aliran di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Maka, sesetengah kolej swasta seperti Kolej Selatan di Johor Bahru dan Kolej Era Baru di Kajang yang bakal diwujudkan, yang masih tunggu kelulusan daripada Kementerian Pendidikan adalah berfungsi untuk melatih dan mendidik lepasan sekolah menengah jenis kebangsaan dan sekolah menengah persendirian Cina.

Penubuhan dua buah kolej yang disebutkan di atas, walaupun pada namanya adalah kolej swasta tetapi ianya ditubuhkan atas inisiatif dan sokongan kewangan masyarakat Cina di Malaysia serta langsung bukan untuk mencari keuntungan. Di sini, saya mencadangkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pendidikan diberi kuasa mutlak untuk memberi peruntukan atau bantuan modal secara terus-menerus kepada kolej-kolej swasta yang dijayakan bersama oleh masyarakat umum tanpa sebarang untung.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bahasa pengantar di kolej-kolej swasta. Usaha mendaulatkan serta memperluaskan penggunaan Bahasa Malaysia tidak akan dipertikaikan oleh sesiapa yang menyintai tanah air ini. Di samping kita memberi penekanan kepada penggunaan Bahasa Malaysia, saya turut berharap agar pihak kerajaan tidak menghadkan penggunaan bahasa Inggeris di kolej-kolej swasta kerana bahasa Inggeris telah diakui sebagai bahasa yang diterima dan digunakan di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam proses pemindahan teknologi, lebih daripada 95% buku teknikal di pasaran ditulis dalam bahasa Inggeris. Belum sempat Dewan Bahasa dan Pustaka menubuhkan pasukan pakar bagi menterjemahkan buku teknikal dan karya teknologi edisi baru yang merupakan pembaikan daripada yang terdahulu pula muncul di pasaran. Oleh yang demikian, penguasaan bahasa Inggeris merupakan satu faktor yang mendorong atau sebagai katalis atau mangkin proses pemindahan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyanjung tinggi usaha kerajaan untuk memajukan Malaysia sebagai satu pusat pendidikan antarabangsa yang terkemuka di rantau ini. Saya percaya dengan tertubuhnya kampus cawangan universiti luar negeri di Malaysia, cita-cita tersebut pasti akan tercapai. Nampaknya kampus-kampus cawangan yang dikendalikan oleh universiti luar negeri pasti menggunakan bahasa Inggeris dalam pembelajarannya dan adalah satu reality.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar, saya berharap agar kerajaan turut berfikiran terbuka terhadap penggunaan bahasa Jepun, Jerman, Mandarin, Russia di kolej-kolej swasta sekiranya perlu. Memang tidak dapat dinafikan bahawa sebahagian karya teknologi canggih diterbitkan di dalam bahasa-bahasa ini. Maka, kita harus berpendirian bahawa selagi kedudukan Bahasa Malaysia tidak digugat, penggunaan bahasa-bahasa lain yang berleluasa turut dibenarkan kerana ianya merupakan aset tambahan atau satu kelebihan dalam proses perolehan ilmu pengetahuan dan teknologi baru.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya pun ingin ambil kesempatan ini menyeru kepada pihak-pihak pecinta bahasa baik Bahasa Melayu, bahasa Cina, bahasa

Inggeris atau bahasa-bahasa lain, janganlah terbelenggu dengan fikiran bahawa untuk memperkukuhkan bahasa yang dicintai, kita terpaksa menjatuhkan bahasa lain.

Daripada pengalaman ekonomi, kita telah belajar bahawa industri kita tidak akan tegap dengan dasar perlindungan. Begitu juga dengan soal bahasa dan pendidikan. Sesuatu bahasa tidak akan unggul dengan dasar perlindungan bahasa. Kemajuan pendidikan negara kita akan tergugat dan mundur dengan dasar perlindungan pendidikan dengan sistem kuota.

Kita harus menumpukan lebih tenaga dan usaha untuk memperkembangkan lebih peluang pendidikan untuk rakyat jelata berbilang kaum demi kepentingan negara dan perpaduan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya pun ingin mengkritik pihak pembangkang terutama Yang Berhormat dari Tanjong. Sebelum ini, beliau banyak mengkritik tentang kelambatan rang undang-undang ini disedia dan diedarkan tetapi saya nampak, bila rang undang-undang ini dikemukakan untuk dibahas, beliau tidak ambil berat langsung dari semalam untuk membahas rang undang-undang ini. Ini boleh membayangkan bahawa beliau cuma pura-pura hendak mempertahankan Institut Pendidikan Tinggi Swasta sahaja tetapi sebenarnya dia tidak ambil berat langsung.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya pun ingin mengkritik isu kuota yang pernah disebutkan oleh beberapa ahli. Saya harap, isu kuota IPTS kemungkinan akan menjejaskan semangat keharmonian dan perpaduan kaum dalam negara kita. Apa yang penting adalah pengwujudan peluang-peluang pendidikan kepada pemuda-pemudi berbilang kaum. There should be no separation of education to the citizen. It will be a loss to the nation, to the development of human resources, dengan izin.

Kita sudah ada kuota dalam Institut Pengajian Tinggi Awam. Kita harap, kita lebih utamakan kepentingan semua kaum daripada kepentingan sebilang kecil kaum sahaja. Kita kena ambil langkah yang lebih terbuka dalam pembangunan pendidikan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu saranan lagi. Saya harap sebuah badan khas seperti Lembaga Akreditasi Negara perlu diberi peranan penting dalam mengawal kedudukan IPTS supaya IPTS tidak mencari keuntungan semata-mata.

Dengan kata-kata yang demikian, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab ramai, saya terpaksa minta Yang Berhormat berucap selama 20 minit. Tidak boleh lebih daripada itu. Kelang.

2.55 ptg.

Dr. Tan Yee Kew (Kelang): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan satu rang undang-undang yang begitu penting.

Pendidikan tinggi diberi penekanan yang semakin serius dewasa ini sebab ia bukan sahaja membolehkan seseorang memperoleh ilmu pengetahuan sahaja tetapi ia juga membolehkan seseorang melanjutkan kariernya, meningkatkan kedudukan sosial dan kewangannya.

Kejayaan negara kita dalam pendidikan umum atau mass education, dengan izin, telah membawa kemakmuran dan kejayaan ekonomi negara kita. Kesedaran kepentingan pendidikan tinggi bersama-sama dengan kejayaan pendidikan umum dan kenaikan pendapatan orang ramai telah menyebabkan orang yang ingin melanjutkan pelajaran mereka di institusi pendidikan tinggi semakin bertambah.

Walaupun kita mempunyai 8 universiti dan beberapa kolej teknikal, IPT Awam itu tidak lagi dapat memenuhi permintaan yang semakin meningkat. Tiap-tiap tahun, beribu-ribu pelajar yang layak masuk ke IPT tetapi ditolak sebab keterbatasan IPT sektor awam. Selain daripada keperluan individu, negara kita yang sedang menuju ke arah perindustrian pula memerlukan lebih banyak sumber tenaga manusia yang mempunyai kemahiran teknikal dan teknologi maju.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memenuhi keperluan yang baru ini dan untuk mencipta dan memupuk tenaga kerja yang sedemikian, kita perlulah melibatkan sektor swasta dalam usaha penubuhan IPT dan pembangunan sumber tenaga manusia. Dengan meliberalkan dasar IPT swasta dan membenarkan pertumbuhan IPT swasta, kita bukan sahaja membolehkan semua pelajar yang layak melanjutkan pelajarannya, kita juga boleh menjadikan negara kita satu pusat pendidikan cemerlang di wilayah ini.

Pendidikan sudah menjadi satu industri yang boleh membawa keuntungan. Walaupun tujuan utama pendidikan ini ialah untuk menyampaikan ilmu pengetahuan dan melahirkan pelajar-pelajar yang berintelekt tetapi apakah salahnya kalau kita dapat pertukaran asing pada masa yang sama? Tidak siapa pun dapat menafikan bahawa ilmu pengetahuan sudah menjadi satu komoditi yang permintaannya besar.

Tiap-tiap tahun, berjuta-juta ringgit telah digunakan untuk membiayai perbelanjaan pelajar kita di kolej dan di IPT tempatan atau luar negara. Kita menggalakkan industri pelancongan sebab ia merupakan suatu industri yang bersih dan tidak mencemarkan alam sekitar kita, sama juga boleh dikatakan dengan industri pendidikan. Industri pendidikan bukan sahaja tidak akan mencemarkan alam sekitar kita, ia juga membantu dunia ketiga dalam usaha membangunkan sumber tenaga manusia.

Oleh kerana kos kehidupan kita lebih murah dibandingkan dengan negara-negara maju, seperti Amerika Syarikat, negara Britain, Australia dan New Zealand, IPTS kita akan menjadi satu alternatif untuk pelajar-pelajar daripada dunia ketiga yang tidak mampu membiayai kos yang tinggi di negara-negara tersebut untuk melanjutkan pelajarannya.

Ini pada pendapat saya adalah suatu perkhidmatan yang murni kepada penduduk-penduduk di dunia ketiga. Hasrat kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan IPTS adalah selaras dengan Wawasan 2020 dan satu langkah yang berpandangan jauh. Menggalakkan pembangunan IPTS bukan bermakna kita akan mengabaikan mutu dan taraf pendidikan ataupun membenarkan eksploitasi di IPTS.

Bagi tujuan menjamin mutu dan taraf akademi, kualiti pengajaran dan yuran yang berpatutan, kita memerlukan suatu akta untuk mengawal kegiatan dan pembangunan IPTS itu.

Oleh itu, Akta ini sepatutnya dipandang sebagai tindakan kerajaan yang positif untuk membantu dan memandu pembangunan IPTS. Namun begitu, terdapat beberapa fasal dalam Akta ini perlu dipertimbangkan semula.

Fasal 41(1) memperuntukkan bahawa semua institusi pengajian tinggi swasta hendaklah mengendalikan kursus pengajarannya dalam Bahasa Kebangsaan. Pada setakat ini, kebanyakan IPTS, khususnya kolej swasta adalah bergabung dengan universiti dari luar negara. Kebanyakan kursus dan program yang dikendalikan oleh kolej-kolej swasta itu adalah kursus profesional yang memerlukan pelajar mengambil peperiksaan yang disediakan di luar negara ataupun kursus prauniversiti dan program berkembar dan program pengalihan kredit yang hanya menjadi sebahagian kursus ditawarkan oleh universiti di luar negara.

Untuk menjamin bahawa IPTS yang telah selama ini memberi sumbangan yang begitu penting dalam pembangunan sumber-sumber tenaga manusia di negara kita tidak akan terjejas sehingga tidak dapat dijalankan lagi, maka Fasal 41(3)(a) telah memperuntukkan bahawa institusi pendidikan tinggi swasta boleh, dengan kelulusan menteri mengendalikan suatu kursus pengajian atau sebahagian yang substantial suatu kursus pengajian dalam bahasa Inggeris. Tetapi, oleh sebab kebenaran untuk mengendalikan kursus pengajian dalam bahasa selain daripada Bahasa Kebangsaan perlu dipohon, maka saya harap bila Akta ini diluluskan, pihak kolej swasta itu tidak akan menghadapi kesulitan pentadbiran ataupun administrative red tapes, dengan izin, untuk memperolehi kebenaran daripada menteri dan urusan kolej swasta itu dapat diteruskan tanpa masalah.

Fasal 41(4) memperuntukkan bahawa Bahasa Kebangsaan diajarkan sebagai mata pelajaran wajib bagi pelajar yang mengikuti kursus pengajian dalam bahasa Inggeris atau Arab dan Fasal 41(5) memperuntukkan bahawa suatu pencapaian dalam Bahasa Kebangsaan pada tahap yang ditentukan oleh pihak berkuasa hendak menjadi prasyarat bagi penganugerahan sijil, diploma atau ijazah IPT itu.

Saya rasa, syarat-syarat itu tidak tepat dikenakan di peringkat IPT. Apakah intipati universiti? Apakah perbezaannya antara universiti dan sekolah? Universiti ada dua ciri asas. Yang pertama, ia adalah suatu tempat untuk memperolehi satu cabang ilmu pengetahuan yang tertentu supaya graduan yang keluar dari universiti itu mempunyai satu cabang ilmu pengetahuan yang mendalam dan mahir.

Ciri asas yang kedua, ia adalah suatu tempat yang mana pelajar dapat dilatih untuk memikir dan menganalisa

dengan cara rasional dan kritis. Sebaliknya, bahasa merupakan suatu alat untuk mencapai ilmu pengetahuan dan memikir. Oleh itu, kecekapan dan kebolehan dalam sesuatu bahasa sepatutnya diperolehi di sekolah dan bukan di universiti, kecuali yang mana mereka itu adalah pelajar asing.

Kita tidak boleh menafikan bahawa kita mempunyai pakar di bidang yang berbeza. Ada yang bagus dalam bahasa, ada yang bagus dalam anggaran dan matematik. Kita tidak boleh menafsirkan dan menilaikan kebolehan seseorang pelajar perubatan atau kejuruteraan dengan kebolehannya menggunakan sesuatu bahasa. Oleh itu, saya harap fasal ini akan dilaksanakan dengan lebih fleksibel supaya pelajar-pelajar yang mencapai kecemerlangan dalam bidang yang lain, tetapi bahasanya lemah tidak akan menjadi mangsa di bawah fasal ini.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 43 memperuntukkan bahawa semua IPTS hendaklah mengajar subjek Pendidikan Moral bagi pelajar bukan Islam. Kita mengakui kepentingan untuk IPT mengeluarkan pelajar-pelajar yang mempunyai, bukan sahaja ilmu pengetahuan dan kebolehan yang cemerlang, tetapi juga mempunyai nilai-nilai moral yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah sistem pendidikan kebangsaan, pendidikan moral diajar bermula dari sekolah rendah hingga sekolah menengah selama 11 tahun. Kalau sampai ke peringkat universiti pelajar masih perlu diberi pendidikan moral, kita sepatutnya mengkaji semula pendidikan moral di sekolah rendah dan sekolah menengah supaya memahami sebab mengapakah kita gagal memelihara pelajar yang bermoral baik setelah menerima pendidikan moral 11 tahun di sekolah. Di mana yang tidak mencukupi? Kalau kita tidak berjaya dalam usaha

memelihara murid yang bermoral dalam tempoh masa 11 tahun semasa ia masih muda, apakah gunanya menambahkan 3 tahun pendidikan moral di universiti apabila fikiran dan peribadi pelajar itu sudah dianggap matang?

Tuan Yang di-Pertua, sifat, peribadi dan kelakuan seseorang dibentuk semasa dia masih muda dan semasa dia berada di tadika dan sekolah. Di tadika dan sekolah rendah, kita mengajar kanak-kanak nilai-nilai yang baik seperti kejujuran, jangan mencuri, kerja bersungguh-sungguh, menghormati ibu bapa dan sebagainya. Apabila mereka berada di sekolah menengah, kita mengajar mereka supaya mereka mematuhi norma-norma masyarakat kita atau conform to our social norms, dengan izin. Misalnya, bertaat setia kepada negara, berkorban untuk negara dan keluarga, jangan mengadakan perhubungan seks sebelum kahwin dan sebagainya.

Tetapi di universiti, pelajar didedahkan kepada idea-idea yang baru dan mereka tidak lagi menerima apa sahaja maklumat dan ajaran yang diberikan kepadanya. Mereka terpaksa memikir, menyoal dan bertanya mengapa pembentukan peribadi seseorang pada peringkat ini tidak boleh disampaikan melalui satu set nilai moral ditetapkan dalam mata pelajaran wajib. Pendidikan moral di universiti sewajarnya disampaikan melalui cara kehidupan pelajar.

Baru-baru ini, suatu cadangan telah dibangkitkan untuk memendekkan pendidikan universiti dari 4 tahun kepada 3 tahun melalui sistem pengalihan kredit dengan tujuan melahirkan lebih ramai graduan untuk memenuhi permintaan dalam proses perindustrian. Tetapi sekarang mata pelajaran wajib yang tidak ada kaitan langsung dengan kursus utama, tetapi perlu diluluskan, misalnya, Pengajian Malaysia, pendidikan

Moral dan bahasa Malaysia telah ditambahkan. Mata pelajaran ini akan memakan masa pengajaran yang substantial. Ini sudah tentu akan menimbulkan soalan iaitu adakah pelajar mendapat masa yang cukup untuk belajar mata pelajaran utama?

Saya harap apa yang saya bangkitkan di Dewan ini dapat diberi perhatian dan pertimbangan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Walaupun saya merasa agak ragu terhadap fasal-fasal yang disebutkan, tetapi pada keseluruhannya, akta ini adalah bersesuaian dan tepat dan sangat diperlukan pada masa kini apabila IPTS sedang berkembang secara pesat di negara ini.

Oleh itu, saya memohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tanjong.

3.10 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Ada sesetengah Ahli Parlimen dari MCA ada mengecam saya oleh kerana saya tidak mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 semalam, sungguhpun mereka tahu sebabnya. Khasnya tadi saya dengar Yang Berhormat dari Gelang Patah mengulangi kecaman itu. Semalam beliau ada mengecam saya dalam kalangan pemberita dan beliau tahu sebabnya. Oleh kerana abang saya meninggal dunia dan saya menghadiri upacara pengkebumian.

Mungkin ini adalah perbezaan antara Ahli-ahli Parlimen di sini dan Ahli-ahli Parlimen MCA yang sudah hilang kebudayaan. Mungkin mereka tidak akan menghadiri pengkebumian ibu bapa, abang, adik mereka. Kalau mereka tidak tahu, saya faham, mereka tahu dan ini sangat tidak berasas dan saya mahu mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas nota takziah tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mulakan ucapan saya, sebenarnya apabila kita berucap di sini, bukan saya seorang tetapi sebagai satu parti dan kita ada Ahli-ahli Parlimen yang lain yang juga ada ambil bahagian dan saya harap bahawa cara buat kecaman semacam ini tidak akan berulang kali di masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang mengalu-alukan Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi 1996 ini kerana pada 18 tahun yang lepas, saya pernah mengemukakan satu usul di Parlimen untuk memperkenalkan satu rang undang-undang yang dibawa oleh ahli-ahli bukan ahli kerajaan meminta supaya dibenarkan penubuhan universiti-universiti dan kolej-kolej universiti swasta.

Perkara ini berlaku pada 10 Oktober, 1978 di mana saya telah mengemukakan satu usul di Dewan Rakyat untuk memperkenalkan satu Private Members' Bill untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 supaya membolehkan penubuhan universiti-universiti dan kolej-kolej universiti swasta di negara ini.

Di dalam ucapan saya hampir dua dekad yang lepas, saya berkata bahawa satu-satunya isu paling memecah belahkan di Malaysia adalah masalah pengurangan peluang-peluang pendidikan tinggi para pelajar Malaysia. Pada masa berkenaan lebih dari 20,000 pelajar kita telah ditolak dari lima universiti tempatan walaupun pencapaian akademik mereka memadai. Mereka yang kaya berupaya menghantar anak-anak mereka ke negara-negera asing untuk melanjutkan pendidikan tinggi, tetapi majoriti dari mereka yang terdiri dari golongan miskin terpaksa melihat kebolehan dan potensi anak-anak mereka disia-siakan begitu sahaja.

Dan saya telah memberitahu Parlimen bahawa perasaan pahit adalah berleluasa di kalangan rakyat Malaysia yang mana

peluang anak-anak mereka untuk mendapatkan peluang pendidikan tinggi telah ditolak dan saya membuat cadangan supaya kerajaan dengan jelasnya mengizinkan rakyat sendiri menubuhkan universiti-universiti dan kolej-kolej universiti swasta berpandukan sumbangan kewangan mereka sendiri, demi melengkapkan dan membantu usaha pendidikan kerajaan untuk melatih lebih ramai tenaga kerja yang berkelulusan di samping membawa negara kita ke tahap pembangunan yang lebih maju dan pembahagian kekayaan yang lebih adil dan saksama.

Dan dalam ucapan saya, saya telah menekankan bahawa "pembangunan sesebuah negara adalah ditentukan oleh rakyatnya dan bukannya oleh wang ataupun lain-lain sumber material dan pelaburan modal manusia, sama ada oleh kerajaan mahupun oleh pihak swasta, adalah suatu pelaburan yang berfaedah yang akan mendatangkan dividen lumayan kepada negara."

Kepada mereka yang membantah penubuhan universiti-universiti dan kolej-kolej universiti swasta di negara ini demi menambahkan peluang pendidikan tinggi rakyat Malaysia, saya ingin mengulangi apa yang pernah saya ucap semasa memperkenalkan rang undang-undang yang dibawa oleh ahli-ahli bukan ahli kerajaan di Parlimen 18 tahun yang lepas:

"Saya menyeru bahawa masalah memperluaskan peluang pendidikan tinggi sehaluan dengan permintaan dan aspirasi yang pernah para ibu bapa rakyat Malaysia serta anak-anak mereka harus dilihat dari perspektif nasional dan bukannya dari sudut perkauman. Kriteria penting harus ditumpukan ke atas persoalan bagaimanakah lebih peluang pendidikan boleh dibekalkan kepada para pelajar Malaysia, tanpa mengira latar belakang kaum mereka. Rakyat Malaysia semua kaum, terutama sekali yang bukan Melayu, sedar bahawa kaum Melayu masih

ketinggalan dalam segi pendidikan dan mereka menyokong semua bantuan yang disediakan oleh kerana untuk membetulkan ketidakseimbangan segi sejarah ini. Bagaimanapun, saya tidak percaya manamana satu pemimpin Malaysia yang berfikiran waras akan menyokong bahawa kaum bukan Melayu harus ditahan dan ditolak peluang mereka untuk mendapatkan peluang pendidikan tinggi khas untuk membetulkan ketidakseimbangan segi sejarah ini, sebab ini bukan sahaja akan menjejaskan para pelajar bukan Melayu, tetapi akan menjejaskan negara Malaysia pada keseluruhannya yang meliputi Melayu dan bukan Melayu, menyaringkan kesedaran dan kepahitan perkauman serta dengan seriusnya menggalakkan polarisasi perkauman di negara ini."

Tuan Yang di-Pertua, usul rang undang-undang yang dibawa oleh ahli-ahli Private Members' Bill saya pada tahun 1978 telah ditolak oleh para Ahli Parlimen Barisan Nasional iaitu dari UMNO, MCA, MIC, Gerakan dan lain-lain. Rang undang-undang yang dibawa oleh ahli-ahli bukan ahli kerajaan DAP pada tahun 1978 ini bukannya insiden kali pertama DAP membangkitkan isu ini di Parlimen dan saya merasa gembira kerana selepas perjuangan DAP selama tiga dekad, akhirnya kerajaan sendiri telah memperkenalkan satu rang undang-undang untuk membolehkan universiti-universiti dan kolej-kolej universiti swasta ditubuhkan di negara kita. (*Tepuk*)

DAP menganggap Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 ini sebagai satu langkah yang betul, walaupun kami tidak menyetujuinya secara in-toto. Dari ucapan-ucapan semasa membahaskan rang undang-undang ini, adalah jelas ada yang mengkhawatiri mengenai rang undang-undang ini yang akan membenarkan penubuhan universiti-universiti dan kolej-kolej universiti swasta.

Pertama sekali, ada yang khuatir bahawa universiti-universiti awam yang sedia ada, sungguhpun selepas dikorporatkan akan menjadi universiti-universiti "kelas kedua" bila dibandingkan dengan universiti-universiti dan kolej-kolej universiti swasta yang akan ditubuhkan berikutan dengan kelulusan undang-undang baru ini dalam segi kecemerlangan akademi dan pengambilan kakitangan akademi. Perkara ini tidak memberikan gambaran yang baik untuk tradisi akademi universiti-universiti sedia ada yang tidak mendapatkan keyakinan kukuh dari orang awam. Adakah universiti-universiti awam akhirnya akan ketinggalan di belakang universiti-universiti swasta dari segi kecemerlangan akademi?

Perkara ini tidak patut berlaku oleh kerana di negara Jepun yang mempunyai lebih dari 500 universiti dan IPT, yang mana dibahagikan kepada tiga kategori iaitu universiti-universiti kebangsaan, awam dan swasta dan kita tahu masyarakat di Jepun pada tradisinya dikenali sebagai masyarakat "gakureki" atau bermakna peluang dan prospek pekerjaan seseorang amat bergantung ke atas prestij universiti kelulusan beliau. Institusi-institusi yang mengeluarkan ijazah disusun mengikut prestij. Persaingan yang hebat wujud dalam peperiksaan untuk memasuki universiti-universiti yang lebih baik. Pelajar-pelajar yang gagal dalam peperiksaan terpaksa belajar lebih tekun untuk menduduki peperiksaan berkenaan berulang kali dan bukannya berpuas hati dengan universiti yang kurang diminati dan dari segi susunan prestij, Universiti Tokyo yang merupakan sebuah universiti nasional menduduki tempat pertama mendahului lain-lain universiti di Jepun termasuk universiti-universiti swasta.

Penubuhan universiti-universiti dan kolej-kolej universiti di Malaysia harus dilihat sebagai cabaran kepada universiti-universiti awam yang sedia

wujud, sama ada dengan ataupun tanpa pengkorporatan, untuk mempertingkatkan standard akademik mereka supaya universiti-universiti awam ataupun yang telah dikorporatkan, bersama-sama dengan universiti-universiti swasta di Malaysia dapat diiktiraf oleh seluruh dunia sebagai IPT yang cemerlang dan bertaraf antarabangsa. Ini adalah sekiranya kita memang serius hendak menjadikan Malaysia sebuah pusat pendidikan tinggi cemerlang kelas antarabangsa (world class) dan menarik pelajar-pelajar asing untuk melanjutkan pengajian tinggi mereka di Malaysia.

Majlis Pendidikan Tinggi Negara yang akan ditubuhkan untuk merancang, membentuk dan menentukan dasar-dasar dan strategi-strategi kebangsaan harus memastikan bahawa antara fungsi utamanya adalah supaya lapan universiti yang sedia wujud akan mencapai taraf cemerlang kelas antarabangsa bukannya melalui penambahan sekatan-sekatan ke atas universiti-universiti dan kolej-kolej universiti swasta dari membekalkan pendidikan yang berkualiti tetapi melalui pembaharuan pendidikan mereka sendiri yang inovatif.

Mungkin adalah significant bahawa sungguhpun Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi 1996 bermula dengan mukadimah yang menegaskan peranan penting pendidikan tinggi dalam merealisasikan visi ke arah kecemerlangan akademi serta memperkukuhkan taraf profesional dan teknikal sementara memenuhi keperluan tenaga manusia negara dan pembekalan pendidikan berkualiti oleh IPT swasta, tetapi kenyataan, pengiktirafan, komitmen ataupun misi sebegini langsung tidak wujud di dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti yang mengawal lapan universiti tempatan yang sedia wujud.

Kedua, ada yang khuatir bahawa dengan pengkorporatan universiti-

universiti awam mengakibatkan kenaikan besar dari segi yuran dan penubuhan IPT swasta, maka pelajar bumiputera akan dikorbankan dan ini menyebabkan wujudnya seruan supaya sistem kuota dikenakan ke atas IPTS juga. Tindakan ini bagaikan membalikkan usaha pembinaan negara.

Pada hakikatnya, sistem kuota bukan sahaja tidak harus dikenakan ke atas IPTS, malah sistem kuota untuk universiti-universiti awam juga harus dihapuskan dan digantikan dengan satu skim merit yang berpandukan keperluan sosio-ekonomi.

Demi kepentingan dan keadilan, masyarakat mesti memastikan bahawa golongan yang kurang berupaya dari segi sosio-ekonomi tanpa kira kaum tidak dirampas peluang mereka untuk mendapatkan pendidikan tinggi. Tidak ada sebarang alasan yang dapat menjustifikasi terus wujudnya sistem kuota yang memberikan biasiswa kepada golongan kaya dan bumiputera super rich di samping mengorbankan golongan bumiputera dan bukan bumiputera miskin.

Selepas 39 tahun merdeka dan 24 tahun ke arah Wawasan 2020 dengan matlamatnya mewujudkan satu bangsa Malaysia, adalah amat sedih bahawa Rang Undang-undang ini masih memaktubkan seksyen 89(1). Walaupun margin seksyen ini berbunyi "membezakan antara ras dan kepercayaan dilarang", tetapi kandungan bukanlah begini kerana dalam seksyen 89(1) ia sebenarnya berbunyi "tertakluk kepada peruntukan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan, keanggotaan institusi pendidikan tinggi swasta, sama ada sebagai pegawai, guru atau pelajar, hendaklah dibuka kepada semua orang tanpa mengira jantina, ras, agama, bangsa atau kelas".

Dalam tahun 1996 ini, kita harus memberikan lebih penekanan ke atas

kesepaduan semua rakyat Malaysia, tanpa kira kaum atau agama, terutama sekali selepas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan lain-lain pemimpin UMNO telah berkata dalam tempoh pilihanraya umum bahawa "kita adalah sekeluarga" atau dengan izin "wo-men dou xhi yi jia ren". Kita harus berusaha menuju objektif bangsa Malaysia di mana rakyat Malaysia tidak lagi berpecah belah, dan tidak lagi dibahagikan kepada bumiputera dan bukan bumiputera.

Tetapi, pada hakikatnya kita masih membaca dalam seksyen 89(1) satu lagi penginstitutionan pembahagian rakyat Malaysia kepada bumiputera dan bukan bumiputera dan ini membangkitkan persoalan sama ada objektif Wawasan 2020 mengenai bangsa Malaysia akan juga dibahagikan kepada dua kategori-bangsa Malaysia bumiputera dan bangsa Malaysia bukan bumiputera.

Di sini, biarkan saya menyatakan bahawa sungguhpun saya menyokong pandangan bahawa harus wujudnya lebih ramai pelajar bumiputera di dalam IPTS, kita mesti juga mengiktiraf fakta bahawa bila dibandingkan dengan pelajar-pelajar bukan bumiputera, lebih ramai pelajar bumiputera telah diberikan peluang belajar di universiti-universiti dan kolej-kolej tempatan ataupun diberikan biasiswa untuk belajar di luar negara.

Sungguhpun kerajaan kini mula menjalankan proses pengkorporatan universiti, tetapi kerajaan masih tidak harus mengurangkan peruntukan kepada pendidikan, terutama sekali pendidikan tinggi, di mana kerajaan mesti mengakui bahawa kerajaan memikul tanggungjawab sosial yang penting dalam segi ini dan kerajaan mesti terus membekalkan bantuan kewangan kepada pelajar-pelajar yang memerlukan sama ada yang belajar di IPTS atau IPTA, korporat atau swasta untuk membolehkan mereka melanjutkan pendidikan tinggi yang menyeluruh.

Maka, kerajaan harus membentuk satu sistem bantuan kewangan kepada para pelajar yang memerlukan untuk melanjutkan pendidikan tinggi di dalam IPT swasta, berdasarkan keperluan sosio-ekonomi dan bukannya berdasarkan faktor kaum.

Ketiga, ada yang kluatir dan membantah penggunaan bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa pengantar di dalam IPTS dan Jepun telah pun disebut sebagai contoh di mana universiti-universitinya hanya menggunakan bahasa Jepun sebagai bahasa pengantar.

Dengan bertambahnya pengantara-bangsaan atau internationalisation pendidikan tinggi, kini Jepun juga tidak dapat lari dari hakikat perubahan zaman dan persekitaran dan bahasa Inggeris kini telah juga digunakan dalam pengajaran dan pengajian di peringkat universiti.

Sebagai contoh, Jepun bukan sahaja ada universiti-universiti Katholik, antaranya Universiti Sophia telah memulakan satu kampus di mana Fakulti Budaya Perbandingan (Faculty of Comparative Culture) menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.

Sementara DAP menyokong provisi bahasa Malaysia dijadikan subjek teras di dalam IPTS, tetapi masa juga telah tiba bagi rakyat Malaysia supaya lebih berfikiran luas mengenai isu bahasa, pendidikan dan budaya dan mengiktiraf ciri-ciri keberbilangn negara ini.

Untuk sebab ini saya menyeru supaya Yang Berhormat Menteri Pendidikan memberikan jaminan khas bahawa kerajaan akan meluluskan penubuhan New Era College dan penggunaan bahasa Mandarin serta lain-lain bahasa sebagai bahasa pengantarnya juga akan dibenarkan.

Tambahan lagi kerajaan harus membenarkan agama-agama yang ada di Malaysia sama ada Kristian, Buddhist

ataupun Hindu menubuhkan IPT mereka yang sungguh bertepatan dengan prinsip Rukunegara yang menyatakan "Kepercayaan kepada Tuhan".

Apa yang paling menghampakan di dalam Rang Undang-undang IPT ini adalah sekatan yang dikenakan ke atas kebebasan bersuara dan menyertai pertubuhan para pelajar IPTS. Kerajaan khasnya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah berjanji dalam sepuluh tahun ini bahawa kerajaan akan meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti untuk menghapuskan semua sekatan ke atas kebebasan bersuara dan menyertai pertubuhan para pelajar universiti.

Tetapi, dalam perundangan pendidikan kebelakangan ini, kerajaan bukan sahaja telah memaktubkan sekatan-sekatan yang sama, malah telah mengetatkannya di dalam Rang Undang-undang IPT. Perkara ini harus dibantah dan ia telah jelas bertentangan dengan apa yang diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dua hari yang lepas bahawa Malaysia kini berusaha mencapai demokrasi berfungsi (*functioner democracy*) yang benar-benar sesuai untuk rakyat dan akan juga menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan mempertingkatkan keadilan sosial.

DAP menyeru supaya sekatan-sekatan ke atas kebebasan pelajar dan kakitangan akademik ini dihapuskan melalui pindaan ke atas Rang Undang-undang IPT ini, jika tidak, ia bukan sahaja akan menggagalkan matlamat Malaysia untuk menjadi pusat pendidikan tinggi kecemerlangan di rantau ini, malah juga akan melembabkan persekitaran intelektual kita yang akan membantutkan pencapaian kecemerlangan di dalam pengajian IPT.

Sekiranya pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri digalakkan menyertai kelab-kelab UMNO, maka tiada apa-apa alasan

untuk kita terus menyekat pelajar-pelajar di IPT tempatan, sama ada IPTS, IPTA...

Tuan Noh bin Omar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun, hendak beri jalan?

Tuan Lim Kit Siang: Masa suntuk ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Sama ada awam atau swasta dari mempunyai kesedaran politik sebagai pemimpin masa depan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sungai Petani.

3.30 ptg.

Che Ibrahim bin Mustafa (Sungai Petani): Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya hari ini adalah detik keramat yang wajar dinukilkan dengan tinta emas, betapa Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta telah membuka satu lagi lembaran baru dalam dunia pendidikan tanah air.

Rang Undang-undang ini akan menentukan corak dan arah tuju perkembangan pendidikan tinggi negara di sektor awam dan swasta. Hakikat sejarah telah membuktikan bahawasanya pendidikan terus-menerus menjadi agenda politik sejak merdeka hingga ke hari ini. Isu pendidikan sering dieksploitasi demi untuk meraih laba politik oleh pihak-pihak yang berkepentingan.

Penggubalan akta ini sebenarnya selaras dengan arus perkembangan dan kemajuan negara. Ini jelas kerana tanggungjawab membentuk sebuah masyarakat berpendidikan serta berilmu merupakan tugas paling hakiki untuk muncul sebagai sebuah negara yang berjaya.

Universiti dan IPT tetap menjadi gelandang paling ampuh bagi mempersiapkan, menggilap dan memperlengkap golongan terpilih di dalam sesuatu kelompok masyarakat bagi mengemudi cabaran sebenar sama ada dalam bidang politik, ekonomi dan sosial.

Rang undang-undang ini dengan jelas menggalurkan kedudukan Bahasa Malaysia di IPTS. Dalam situasi ini kedudukan Bahasa Malaysia di IPTS langsung tidak diberi kedudukan yang wajar. Langkah-langkah pengajaran dan pembelajaran yang diambil bagaikan "melepaskan batuk di tangga". Penggunaan Bahasa Malaysia di IPTS bukan sahaja wajar dilaksanakan dengan berkesan, tetapi perlu dinobatkan kedaulatannya dengan penuh kewibawaan.

Kewujudan IPTS perlu disorot dalam perspektif yang lebih wajar terutama dalam konteks memberi peluang yang lebih luas untuk menimba ilmu pengetahuan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri perlu membuktikan tohmahan pembangkang khususnya PAS dan S.46 bahawasanya rang undang-undang ini akan menguburkan Bahasa Malaysia, malah rang undang-undang yang kita bentangkan ini sebenarnya akan menjadi "catalyst" dan pemangkin paling ampuh untuk melonjakkan martabat Bahasa Malaysia, bukan sahaja di negara ini, tetapi di seluruh dunia.

Warganegara seluruh dunia akan tertumpu ke negara ini bukan sahaja untuk menuntut ilmu, tetapi datang untuk memahami hasrat aspirasi dan hati nurani orang Malaysia. Ini sekali gus akan memudahkan kita menempa lebih banyak lagi citra dan legenda kejayaan malah untuk melakukan lebih banyak lompatan-lompatan besar di pentas sejagat.

Perjuangan memartabatkan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi

sebenarnya perjuangan UMNO dan Barisan Nasional. Perjuangan ini tidak boleh diambil kredit oleh orang lain dan sebenarnya UMNO dan Barisan Nasional sendiri telah menjadi tunggak kepada perjuangan ini, perjuangan yang mengorbankan masa, tenaga, emosi dan air mata. Malah perjuangan ini tidak pun pernah memahatkan nama PAS dan S.46 sebagai panglimanya. Benteng paling ampuh ialah para petani, nelayan, rakyat marhaen di desa dan kota, para guru, pendidik serta pejuang politik UMNO itu sendiri.

Perjuangan memartabatkan maruah bangsa menerusi Sistem Pendidikan Kebangsaan ialah perjuangan UMNO. Perjuangan ini tidak berhak menamakan orang lain, hatta PAS dan S.46 sebagai jaguhannya. UMNO dan Barisan Nasional jelas membuktikan segala-galanya, bermula dari Penyata Razak, Penyata Rahman Talib, Laporan Kabinet dan sampai ke tahap reformasi pendidikan Bahasa Malaysia tetap unggul di mata dunia, malah jutaan para teknokrat serta birokrat Melayu yang asalnya anak-anak desa yang tidak punya apa-apa, namun hasil perjuangan berfaedah UMNO, hasil daripada titisan keringat para pemimpin terdahulu, hasil daripada komitmen tanpa batas para pemimpin kerajaan yang telah pergi dan masih ada.

Kini ribuan anak-anak desa yang dahulunya sibuk bergelut dengan lumpur sawah, pacat dan lintah, kini telah mula berkubu di menara-menara gading, sibuk berulit dengan buku-buku tebal dan nota-nota kuliah, memonopoli sektor korporat serta kewangan di samping muncul sebagai pentadbir yang berjaya dan pintar di kementerian-kementerian yang terunggul di ibu kota. Mereka ada di belakang kita ini, tampak segak, tampan, gagah dan bergaya. Apakah ini hasil komitmen tulen parti Semangat 46? Apakah ini hasil ceramah dan syarahan tokoh-tokoh PAS di segenap pelusuk desa saban minggu

untuk membakar semangat rakyat, di samping mempertidakkkan apa yang baik, yang sedang dilakukan oleh kerajaan pada masa yang lepas, pada masa yang kini dan pada yang akan datang?

Citra dan lagenda kejayaan ini adalah citra pengorbanan para pemimpin-pemimpin UMNO terdahulu dan masa kini. Citra kejayaan ini adalah kisah kerja kuat, perancangan dan pandangan proaktif pemimpin-pemimpin kerajaan UMNO dan Barisan Nasional sendiri. Lantaran itulah, Tuan Yang di-Pertua, tidak perlulah parti pembangkang terus-menerus berkokok lantang, kononnya untuk menjadi jaguhan, untuk menjadi champion dan para panglimanya, yang berhak mengekal, mempertahankan dan seterusnya telah pun membuktikan komitmennya tanpa batas kepada rakyat jelata sejak berabad-abad yang lampau, sejak puluhan tahun yang lampau hanya kerajaan yang ada kini UMNO dan juga Barisan Nasional. (*Tepuk*) Paling penting, Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini memberi kuasa kepada Menteri Pendidikan untuk meluluskan penubuhan IPT Swasta yang bertaraf universiti.

Kewujudan IPTS wajarlah dikawal dengan bersungguh-sungguh terutama pengaruh budaya asing yang boleh diterapkan di kalangan para pelajarnya. Dalam keghairahan mengaut seberapa banyak keuntungan dan demi untuk kepentingan para pedagang sijil dan diploma, kita tidak sanggup melihat maruah negara dipergadaikan dengan sewenang-wenangnya. Aspek-aspek pengajian Bahasa Malaysia, pendidikan Agama Islam dan pendidikan Moral sewajarnya menjadi garis panduan dalam setiap bidang kurikulum yang diajar. Dalam konteks ini kita berharap agar Menteri Pendidikan yang diberi kuasa meluluskan penubuhan sebarang IPTS, wajar bertindak tegas tanpa meletakkan sebarang pengecualian bagi memastikan IPTS tidak melanggar sebarang syarat yang telah ditetapkan.

Saya amat optimistik dengan hasrat Akta IPT swasta yang membuka ruang lingkup yang lebih luas kepada penubuhan dan percambahan kolej-kolej dan IPT swasta. Rasa optimistik ini bercampur bimbang dan risau yang sering membaham dalam jiwa. Apakah kita mampu mengawal pertumbuhan serta percambahan kolej-kolej serta institusi swasta kini? Selepas ini Malaysia pasti akan menjadi pasar raya pendidikan yang unggul di Asia, malah di dunia. Pasar raya bebas ini akan menjadi medan dan gelanggang pertembungan para pedagang sijil, para usahawan diploma serta para peraih laba yang sememangnya sentiasa rakus, meraih keuntungan daripada industri pendidikan yang memercup maju ini.

Pendidikan yang selama ini menjadi wasilah penting untuk memupuk perpaduan, keharmonian serta keunggulan insan, akhirnya kian dieksploit sebagai komoditi yang diperdagangkan. Para pedagang sijil dan taukeh-taukeh yang tidak punya kemahiran dalam bidang pendidikan, tetapi telah sekian lama berkubu di sektor-sektor lain sebagai taukeh-taukeh kontraktor, dalam bidang-bidang hartanah, kontraktor besar akan mula menyerbu ke lombong-lombong baru ini, mula menerjun ke lombong emas ini sambil mengaut seberapa banyak laba dan untung tanpa mengambil kira implikasi yang mungkin ditinggalkan kelak. Apa yang berlaku ialah akan wujudnya dualisme dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan, akan wujud pemisahan dan "dichotomy" yang ketara sebagai institusi pendidikan swasta yang lebih elitist sifatnya. Rata-rata pelajar bukan bumiputera yang dari kuota yang kelak bila lulus nanti hanya akan berkubu di sektor swasta dan di satu pihak ialah institusi awam dan kerajaan yang lebih bersifat nasionalis, menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dengan majoriti pelajarnya adalah bumiputera.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Sungai Petani, Kepong bangun, hendak beri jalan atau tidak?

Che Ibrahim bin Mustafa: Fasal masa tidak cukup-terhad, kita jumpa di luar ya! (*Ketawa*) Kerajaan juga wajar bertindak drastik dengan memastikan agar pelajar-pelajar bumiputera juga mendapat peluang belajar di institusi pengajian tinggi swasta.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan yang bersejua dengan cadangan untuk menubuhkan Tabung Pendidikan Nasional yang objektif utamanya untuk membiayai pelajar-pelajar bumiputera di kolej-kolej dan universiti swasta. Peluang yang seimbang untuk semua kaum wajarlah diberikan kepada pelajar-pelajar yang layak. Jika tabung pendidikan nasional dapat benar-benar memainkan peranan yang berkesan, sekurang-kurangnya masalah penempatan pelajar-pelajar bumiputera di kolej swasta akan dapat diatasi.

Dalam apa juga undang-undang pun, yang sering menjadi masalah, Tuan Yang di-Pertua, ialah pengawalseliaan dan penguatkuasaan. Selepas rang undang-undang ini diluluskan, universiti atau kolej swasta serta cawangan-cawangannya akan tumbuh dan muncul dengan banyak seiring dengan keperluan serta tuntutan masyarakat di negara ini. Dalam keadaan sekarang pun kerajaan masih kurang mampu untuk melaksanakan penguatkuasaan yang lebih berkesan ke atas IPTS ini.

Kementerian perlu mengemaskinikan jentera penguatkuasaan, pegawai penyiasat dan pegawai-pegawai yang cukup sensitif dan terlatih. Malah jika perlu, satu jemaah naziran yang hanya bertugas untuk mengawal selia perjalanan IPTS perlu ditubuhkan, macam mana fungsi Jemaah Naziran Persekutuan yang sering melakukan pemeriksaan di sekolah-sekolah rendah dan menengah.

Kawalan wajar dilaksanakan serapi mungkin agar IPTS ini tidak menyeleweng daripada objektif penubuhannya, terutama dari segi kurikulumnya, kegiatan kokurikulumnya, jenis-jenis kursus, pengambilan pelajar, jumlah yuran serta kualiti pensyarahnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak sanggup melihat Kuala Lumpur maju dan berkembang pesat macam New York, London atau Paris yang bersimpang-siur dengan segala onak dan ketempangan. Sebagai pusat ilmu, pusat bertembung antara tamadun Barat dan Timur, kita pastinya mahu Kuala Lumpur mewarisi kejayaan Pasai, Aceh dan Melaka sebagai pusat tamadun ilmu dalam abad yang ke-13 dan ke-14. Kuala Lumpur wajar dijadikan pusat pengkajian ilmiah yang tertinggi untuk mengkaji semua tamadun-tamadun besar di dunia, seperti tamadun Yunani, Islam, Eropah, Cina, India serta agama-agama besar seperti Islam, Kristian, Hindu, Buddha, ajaran Lao Tze, Mao Tze serta Confucius.

Dengan kelulusan akta ini, Kuala Lumpur pasti akan muncul sebagai pusat pendidikan yang terulung, khususnya dalam bidang-bidang perniagaan, perakaunan, kejuruteraan, komputer dan lain-lain. Ini akan lebih bermakna jika fungsinya ditambah sebagai pusat pendidikan di bidang agama, falsafah, pemikiran, kesusasteraan, kebudayaan serta kesenian. Kini Kuala Lumpur sudah pun memiliki IKIM dan juga Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC) yang boleh digembleng ke arah ini. Jika inilah dapat direalisasikan, kedua-dua bidang ini akan dapat dilaksanakan dengan jayanya untuk kita menguasai ilmu-ilmu profesional untuk keperluan mutakhir serta menguasai dan menyebarluaskan bidang-bidang ilmu ketamadunan untuk memperkayakan khazanah tamadun kemanusiaan dan tamadun bangsa kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Kapar.

3.34 *ptg.*

Dr. G. Leelavathi (Kapar): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 adalah akta terbaik setakat ini yang mempunyai falsafah yang kuat lagi, menjayakan wawasan, menuju ke arah kecemerlangan akademik dan peningkatan profesional dan teknikal di samping memenuhi peluang tenaga kerja negara. Akta ini juga adalah pemangkin kepada melahirkan individu atau rakyat Malaysia yang terdidik agar mereka bersedia dengan kekuatan ilmu untuk memikul tanggungjawab dan komitmen untuk mendukung aspirasi negara agar hasrat pembangunan masyarakat dari segi fizikal, material dan spiritual dapat dicapai sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, dahulu isu yang sering dibangkitkan ialah pertumbuhan institusi pengajian swasta semakin di luar kawalan. Mereka menjadikan pendidikan sebagai suatu produk untuk diperdagangkan. Matlamat pengusaha institusi pendidikan swasta ialah keuntungan dan mereka tidak begitu mengambil kira kualiti dan kecemerlangan pelajar mereka.

Tuan Yang di-Pertua, syarat kemasukan ke institusi pendidikan swasta ialah kemampuan kewangan dan ini adalah bercanggah dengan syarat kemasukan di mana-mana institusi pendidikan kerajaan yang lebih mengutamakan kelayakan dan kecemerlangan dalam peperiksaan kebangsaan. Tetapi kita diharapkan IPTS akan dapat membantu pertumbuhan kecemerlangan pendidikan negara dan sekali gus mengikis dakwaan-dakwaan tersebut dan membuktikan kepada mata umum bahawa mereka juga adalah penyumbang kepada aspirasi dan cita-cita murni negara.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali langkah untuk tidak membenarkan pelajar-pelajar IPTS menyertai parti-parti politik juga adalah adil seperti mana yang dikenakan kepada pelajar-pelajar IPT awam. IPT awam dan IPTS sebenarnya boleh dijalinan dan memainkan peranan utama sebagai perunding ataupun konsultan kepada syarikat-syarikat besar dan penjualan hasil-hasil penyelidikan serta memasarkan hasil ciptaan atas "commercial venture," dengan izin, dengan syarikat-syarikat besar merupakan sumber-sumber baru yang harus diterokai dan dimanfaatkan dengan semaksimum mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai hasrat untuk mengurangkan penghantaran pelajar kita ke luar negara pula, peranan IPTS boleh digunakan IPT tempatan mungkin tidak mampu untuk mengambil peratusan kemasukan pelajar baru setiap tahun yang tinggi. Ianya boleh dilaksanakan asalkan IPTS jelas dengan matlamat tersebut dan tidak mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan.

Program-program berkembar, dengan izin, "twinning programme" dengan institusi pengajian tinggi negara luar juga boleh diharapkan kepada beberapa program pengajian yang terpilih seperti bidang perubatan. Program berkembar ini diharapkan juga dapat mengurangkan tempoh pengkajian pelajar kita di luar negara. Ianya juga dapat mengurangkan pengaliran wang ke luar negara.

Mengenai pelajar-pelajar negara asing yang menuntut di negara kita, amat wajar sekali jika kita mengenakan yuran yang tinggi kepada mereka. Ini bukan bermakna kita menyekat peluang pembelajaran pelajar asing di negara kita, tetapi sebagai imbalan kepada penanggung kos penghantaran pelajar kita ke luar negara. Yuran yang tinggi sesungguhnya akan membebaskan mereka yang berpendapatan rendah.

Bagaimanakah hasrat mereka yang ingin melihat anak-anak mereka memasuki universiti jika yuran untuk menampung pembelajaran melebihi pendapatan bulanan. Bagaimanakah nasib anak-anak di ladang, khasnya di estet jika hal ini berlaku untuk memasuki kolej swasta, sememangnya mereka tidak mampu dan juga universiti tempatan juga mengenakan yuran yang tinggi akan lebih menyekat peluang mereka.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali usaha meningkatkan kualiti dalam bidang pendidikan harus dipergiatkan kerana ia adalah sumber utama dan daya bergerak penting ke arah pencapaian matlamat Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ledang.

3.50 ptg.

Tuan Hashim bin Ismail (Ledang):

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya untuk bersama-sama berbahas tentang Rang Undang-undang IPTS ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut serta bersama-sama dengan rakan yang lain menyokong dan mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan di atas pembentangan Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996. Ini adalah satu langkah liberalisasi dan reformasi dalam bidang pendidikan yang cukup radikal, bersejarah dan bermanfaat kepada negara dalam banyak hal.

Rang Undang-undang ini tidak syak lagi akan membuka pintu yang luas untuk menjadikan dunia pendidikan dan bidang keilmuan negara ini lebih segar dan kompetitif dan sekali gus merangsang pertumbuhan dan percambahan ilmu pengetahuan yang lebih

berkualiti dan cemerlang selaras dengan matlamat menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan akademik rantau ini.

Dasar liberalisasi dalam bidang keilmuan yang bersejarah ini akan memungkinkan berlakunya pertukaran dan percambahan ilmu pengetahuan yang pesat, subur dan rancak yang akan menguntungkan negara dan rakyat Malaysia bagi menghadapi cabaran yang lebih sengit di dekad-dekad yang akan datang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 ini yang menyentuh tentang penubuhan institusi pendidikan tinggi swasta seperti yang terkandung di dalam Bahagian III dan penubuhan institusi pendidikan tinggi swasta bertaraf universiti, kolej universiti dan kampus cawangan dalam Bahagian IV Rang Undang-undang ini adalah manifestasi yang jelas tentang kesungguhan kerajaan ke arah matlamat tersebut.

Manakala langkah-langkah kawalan yang rapi dan teliti seperti yang terkandung dalam bahagian-bahagian lain Rang Undang-undang ini menggambarkan kewaspadaan dan keprihatinan pihak kerajaan dalam usaha memastikan negara menerima kemasukan dan pertumbuhan institusi pendidikan tinggi swasta yang benar-benar berkualiti, terkawal dan liberalisasi dalam bidang pendidikan ini tidak disalah gunakan dan tidak pula nanti akan mendatangkan kesan yang negatif kepada negara.

Kita berharap langkah kerajaan membuka pintu kepada penubuhan institusi pendidikan tinggi swasta yang bertaraf universiti atau kolej universiti atau kampus cawangan kedua-duanya atau kampus cawangan universiti atau kolej universiti luar negeri akan menarik banyak institusi pengajian tinggi di seluruh dunia membuka cawangan-cawangan di sini.

Cuma dalam perkara ini, kita berharap pihak kementerian perlu bersikap berhati-hati dan selektif dengan hanya menerima dan meluluskan permohonan daripada pemohon-pemohon atau institusi-institusi pengajian tinggi yang ternama dan mempunyai track record, dengan izin, yang baik. Bukan sahaja untuk memastikan kualiti kelulusan dan kualiti sijil, diploma dan ijazah dan juga untuk meyakinkan penuntut-penuntut daripada dalam dan luar negara tentang jaminan mutu IPTS negara kita. Kita juga perlu bersifat selektif dengan hanya memberi keutamaan kepada pemohon-pemohon yang menawarkan kursus-kursus pengajian atau program-program latihan yang benar-benar relevan dengan keperluan negara sekarang dan di masa-masa yang akan datang.

Cuma dalam konteks ini, saya ingin bertanya, sama ada di bawah akta ini adakah kelulusan Yang Berhormat Menteri bererti Menteri akan menggunakan budi bicaranya sendiri sahaja ataupun beliau dibantu oleh sebuah panel atau jawatankuasa yang bertindak memberikan pandangan atau nasihat kepada Yang Berhormat Menteri tentang latar belakang sesuatu permohonan sebelum kelulusan diberikan bagi penubuhan IPTS ini oleh Yang Berhormat Menteri seperti yang terkandung dalam Fasal 21 Bahagian IV dan Fasal 38(1) Bahagian VII Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga gembira dan berpuas hati kerana di bawah akta ini, semangat dan objektif kurikulum kebangsaan diambil kira oleh pihak kementerian. Di samping itu kedudukan Bahasa Kebangsaan juga berada di satu kedudukan yang cukup terjamin dan istimewa seperti yang terkandung di dalam Fasal 41 subseksyen (1), (2), (3), (4) dan (5), cuma saya ingin menyentuh Fasal 42 subseksyen (2)(a) dan (b), bahawa arahan Yang Berhormat Menteri bagi penggunaan Bahasa Kebangsaan di IPTS hendaklah

terpakai hanya bagi pelajar-pelajar yang menjadi warganegara Malaysia dan tidak terpakai bagi pelajar-pelajar lain yang bukan warganegara.

Saya ingin memberi pandangan supaya pelajar-pelajar bukan warganegara juga dimestikan belajar Bahasa Kebangsaan walaupun tidak diwajibkan lulus bahasa tersebut, supaya dengan ini Bahasa Kebangsaan dapat diangkat ke peringkat antarabangsa selaras dengan hasrat kerajaan untuk memartabat dan mengantarabangsakan Bahasa Kebangsaan.

Ini bukan satu peraturan yang baru dan asing kerana pelajar-pelajar luar negeri yang ingin belajar di Jepun juga disyaratkan belajar bahasa tersebut dan kita yakin arahan ini sudah tentu tidak membebankan dan tidak memudaratkan mereka malah akan menguntungkan mereka kerana dapat sedikit sebanyak menguasai Bahasa Kebangsaan iaitu bahasa yang agak penting di dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Bahagian VIII Fasal 47 subseksyen (1) (a), (b) dan (c), kerajaan juga berlaku adil apabila Perlembagaan IPTS hendaklah mengandungi larangan ke atas pelajar menjadi ahli atau dalam apa-apa cara bersekutu dengan suatu pertubuhan parti politik, kesatuan sekerja atau apa-apa organisasi dan sebagainya. Kerana kerajaan mahu mereka menjadi pelajar-pelajar yang berjaya dan cemerlang dalam pencapaian mereka tanpa diganggu dan diseret ke dalam mana-mana ideologi politik termasuk ideologi parti pemerintah atau diperalatkan oleh mana-mana parti politik atau mana-mana pertubuhan yang boleh memesonkan tumpuan mereka daripada pelajaran mereka. Dalam konteks ini, saya berpendapat perlu juga dinyatakan secara jelas dan khusus larangan ke atas pelajar-pelajar daripada melibatkan diri menyatakan sokongan dan simpati terhadap ajaran-ajaran sesat seperti gerakan atau

kumpulan anti-Hadis dan lain-lain fahaman yang boleh merosakkan dan memesonkan pemikiran mereka kerana gejala seperti ini juga perlu dikawal.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada peruntukan mengadakan Pegawai Penyiasat dengan kuasa tertentu seperti yang terkandung di dalam Bahagian XIII Rang Undang-undang ini, di bawah tajuk 'Penguatkuasaan dan Penyiasatan', saya juga merasa perlu dan bersetuju dengan saranan Yang Berhormat dari Sungai Petani supaya diwujudkan satu mekanisme seperti fungsi jemaah nazir sekarang ini yang bertujuan bukan untuk menyiasat tentang apa-apa kesalahan seperti yang dimaksudkan di bawah Bahagian XIII ini tetapi bertugas melawat, mengawasi dan memastikan institusi-institusi pendidikan tinggi swasta yang sudah tentu akan mencapai satu jumlah yang cukup besar daripada 280 buah yang ada sekarang ini melaksanakan kursus-kursus pengajian atau program-program latihan yang dijalankan di institusi masing-masing selaras dengan kehendak akta dan semangat kurikulum kebangsaan, lebih-lebih lagi tentang pelaksanaan Bahasa Kebangsaan, Pendidikan Agama Islam, Moral dan Pengajian Malaysia yang dikategorikan sebagai mata pelajaran wajib dan perlu diimplementasikan dengan bersungguh-sungguh, sempurna dan berkesan.

Dari segi kandungan pengajarannya, dari segi kaedah dan keberkesanan penyampaiannya dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran yang mungkin tidak ditakrifkan sebagai kesalahan di bawah Akta IPTS ini, kerana kita tidak mahu pihak IPTS mengambil ringan di dalam perkara pelaksanaan mata pelajaran-mata pelajaran ini atau melaksanakannya setakat memenuhi kehendak atau syarat akta yang tersurat sahaja bukan untuk bersama-sama memenuhi dan mencapai hasrat kerajaan yang tersirat iaitu untuk melahirkan insan yang kamil, berilmu pengetahuan, berakhlak dan berbudi pekerti.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali dalam usaha dan keghairahan kita menggalakkan perkembangan pendidikan dan ilmu pengetahuan melalui IPTS ini kita juga jangan sesekali lupa memelihara dan mempertahankan kewibawaan dan kualiti institusi pengajian tinggi awam atau IPTA supaya tidak wujud satu jurang di antara kedua-dua jenis institusi ini sehingga menyebabkan para graduan lulusan IPTA merasa rendah diri, terencil dan dianggap sebagai graduan kelas dua, berbanding dengan lulusan IPTS.

Oleh itu kita berharap pihak kementerian dan pengurusan IPTA sentiasa bersifat proaktif, dinamik dan kompetitif dalam semua aspek supaya benar-benar wujud satu suasana persaingan yang sihat di antara kedua-dua jenis institusi ini, malah kita seharusnya menggalakkan kerjasama dan hubungan yang rapat di antara kedua-duanya dalam usaha kita mempertahankan kualiti dan kewibawaan semua jenis pengajian tinggi di negara kita ini. Lebih-lebih lagi apabila IPTS nanti akan dikaitkan dengan majoriti pelajar-pelajar bukan Melayu dan IPTA akan dikaitkan dengan kebanyakannya pelajar-pelajar Melayu sekaligus mewujudkan jurang antara kaum-satu gejala yang tidak harus lagi menjadi isu bagi negara Malaysia yang kini berada dalam era Wawasan 2020 dan sekali gus kita bersama-sama berazam untuk menjayakan wawasan besar ini. Dengan kata-kata itu, saya ucapkan terima kasih dan menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan.

4.02 ptg.

Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada

Menteri Pendidikan atas usaha kementerian untuk mewujudkan undang-undang yang akan membolehkan institusi pendidikan tinggi swasta ditubuhkan di negara kita ini. Apa yang penting di dalam rang undang-undang ini ialah satu lembaran baru di dalam bidang pendidikan di mana sejarah telah tercatat bukan sahaja bidang pendidikan akan menjadi komoditi untuk dipelajari tetapi juga untuk menjadi satu bidang pelaburan di negara kita ini. Tujuan dan dasar IPTS ini memang kita perlu sokong dan seharusnya telah wujud beberapa tahun yang lalu. Kalau kita tidak terlalu mementingkan pendirian politik, kita tidak perlu tunggu begitu lama untuk mengadakan institusi swasta di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai saya seorang produk dari institusi swasta yang terunggul di England saya merasa bangga dan saya tidak merasa rendah bahkan setanding dengan pelajar-pelajar dari institusi yang lain. Saya sendiri menyaksikan bahawa graduan-graduan yang dihasilkan dari institusi swasta ini boleh bertanding ataupun mengambil pelajaran lanjut Doctorate di Cambridge ataupun di Harvard. Ramai kawan-kawan saya yang telah melanjutkan pelajar ke peringkat Doctorate. Jadi, ini membuktikan bahawa pengwujudan institusi swasta adalah satu arah pendidikan yang baik. Ini adalah juga satu peluang di mana pihak swasta atau sektor swasta boleh memainkan peranan penting ke arah pembangunan pendidikan kita. Di samping itu, ia juga akan membuka lembaran baru untuk pelaburan dan sudah tentu kita akan mendapat manfaat bukan sahaja dari segi pendidikan, tetapi dari segi ekonomi pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin sentuh di sini ialah tentang pengawalan kualiti. Walaupun saya katakan tadi bahawa saya merasa bangga sebagai seorang penuntut awal dari institusi swasta, tetapi kita tidak

harus berpuas hati. Kawalan haruslah dikenakan bukan sahaja dari segi pengambilan penuntut tetapi juga dari segi kurikulum dan guru-guru ataupun pensyarah-pensyarah. Sebelum institusi itu dibenarkan untuk ditubuhkan ataupun bermula, kelayakan para pensyarah haruslah ditentukan. Demikian juga bagi model "minima" untuk mewujudkan institusi itu supaya rakyat tidak akan menjadi mangsa kepada mereka yang ingin mengaut keuntungan melalui keghairahan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi, dengan ada yang menubuhkan institusi hari ini kemudian esok tutup universiti. Jadi, saya berharap kerajaan akan berhati-hati di dalam hal ini.

Di samping itu juga, kita harus menganggap pendidikan ini sebagai bidang pelaburan dan pelabur-pelabur tempatan haruslah, jika mampu, diberi peluang untuk menubuhkan universiti ataupun institusi-institusi tinggi hinggalah ke peringkat universiti.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin sentuh di sini ialah tentang peranan universiti untuk menyatupadukan rakyat. Dari universitilah di mana kita akan mengeluarkan generasi yang berilmu. Dari universitilah di mana kita menimba pelbagai pengetahuan dan bertukar-tukar pendapat untuk membina negara dan kalau boleh mempereratkan hubungan antarabangsa. Jadi, saya harap, kementerian akan memberi keutamaan penubuhan sebuah Universiti ASEAN kelak untuk memupuk perhubungan di antara negara-negara ASEAN supaya kita akan dapat memahami antara satu dengan yang lain di rantau ini, baik dari segi ekonomi ataupun dari segi politik dan ini akan mendatangkan manfaat di mana kestabilan politik juga akan wujud. Jika perlu negara-negara ASEAN haruslah mengemblengkan tenaga dan juga kewangan untuk maksud ini dan saya harap pihak kementerian akan mengambil perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya memang bersetuju bahawa pembelajaran bahasa Malaysia di dalam segala aspek dasar pendidikan kita perkukuhkan tetapi di dalam pengwujudan institusi swasta ini, kita harus berhati-hati. Saya percaya dan cukup yakin bahawa kementerian telah mempertimbangkan semasak-masaknya kenapa mesti kita galakkan universiti-universiti swasta ini, iaitu di samping tempat untuk menimba pengetahuan, tetapi juga untuk membolehkan Malaysia menjadi arena pelaburan di dalam bidang pendidikan.

Di dalam hal ini, kalau kita memaksa para pelabur terutama mereka yang datang dari luar negara untuk menggunakan bahasa pengantar dalam Bahasa Malaysia, sudah tentu mereka akan bertanya, "di manakah pasaran penuntut-penuntut yang saya boleh hasilkan selepas mereka tamat dari universiti yang saya utuhkan kelak kalau sekiranya bahasa pengantar itu dihadkan kepada Bahasa Malaysia sahaja!".

Jadi, di dalam hal yang demikian, kalau kita terlalu meneruskan fikiran yang sempit, politik sempit, kita akan tersepit sendiri. Kita akan gagal untuk mencapai atau menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan tinggi.

Jadi, saya ingin mencadangkan di sini supaya kita jangan terlalu mendesak kementerian di dalam hal ini. Apa yang penting ialah seperti yang dicadangkan oleh seorang Ahli tadi ialah Bahasa Malaysia mestilah diambil sebagai bahasa wajib. Apa yang lebih penting di sini ialah setiap universiti yang ditubuhkan kelak haruslah diwajibkan mengadakan satu jabatan ataupun fakulti Pengajian Bahasa Melayu ataupun Bahasa Kebangsaan supaya Bahasa Kebangsaan akan lebih maju dan walaupun kita menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar, ia tidak semestinya akan mengabaikan Bahasa Kebangsaan.

Saya percaya dan yakin bahawa ahli-ahli korporat atau teknokrat yang ada di dalam kerajaan sekarang ini adalah hasil daripada pendidikan di antara tahun 60-an dan 70-an. Mereka yang di dalam tahun 80-an sangat sedih, Tuan Yang di-Pertua, mereka tidak pun tahu untuk bertutur di dalam Bahasa Malaysia apa lagi di dalam bahasa Inggeris. Jadi, ini membuktikan bahawa kita gagal di dalam segala aspek.

Saya harap kita akan membuka lembaran baru di mana kita akan mempelajari bukan sahaja Bahasa Malaysia tetapi juga bahasa Inggeris. Oleh kerana, ke arah Wawasan 2020, walaupun ekonomi kita mungkin akan maju, tetapi bukanlah bererti bahawa kita hanya menumpukan pasaran tenaga manusia kita di dalam negara kita.

Kita perlu juga untuk mencari bukan sahaja pengalaman tetapi mungkin pekerjaan di luar negara. Di samping itu juga, menurut pengalaman saya sendiri di masa kini, lepasan-lepasan pelajar universiti dari universiti-universiti tempatan, oleh kerana tidak tahu bertutur dengan betul di dalam bahasa Inggeris, maka pihak-pihak majikan ragu-ragu untuk mengambil mereka sebagai kakitangan tinggi. Jadi, inilah masalah kita yang kita harus menghadapi dengan hati yang terbuka.

Saya harap, pihak kementerian ataupun Menteri Pendidikan akan mempunyai iltizam politik menghadapi kenyataan sebenarnya. Kalau kita terlalu terkongkong kepada tekanan politik, maka matlamat kita akan gagal. Justeru itu, saya ingin mencadangkan supaya beberapa peruntukan dalam Akta Pendidikan Tinggi ini dipertimbangkan semula. Sudah memadailah murid-murid sekolah diajar dari peringkat tadika hingga ke tingkatan enam ataupun mungkin hingga ke peringkat diploma, mempelajari segala pelajaran di dalam Bahasa Kebangsaan. Jadi, di peringkat universiti, wajarlah mereka diberi kebebasan di dalam hal ini.

Satu lagi perkara, Tuan Yang di-Pertua, ialah sesudah Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi ini diluluskan, janganlah pula pihak kerajaan akan mengabaikan tanggungjawab di dalam pendidikan di peringkat tinggi seperti yang telah disuarakan oleh ramai Ahli Yang Berhormat yang lain iaitu walaupun kita mempunyai institusi pendidikan swasta, tetapi bukan semestinya kita akan mencapai tempat-tempat yang mencukupi untuk kanak-kanak yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti.

(Timbalan Yang di-Pertua *memperkerusikan Mesyuarat*)

Untuk memenuhi matlamat ini, kerajaan haruslah meneruskan usaha untuk mewujudkan ataupun memperkembangkan universiti-universiti awam yang ada dan janganlah membiarkan universiti-universiti ini terus ada di dalam tangan pihak swasta sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin sentuh di sini ialah mengenai pelaksanaan undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta ini kelak. Jangan kita tergopoh-gapah untuk melaksanakannya. Harus dipertimbangkan dengan sebaik-baiknya segala implikasinya supaya kita tidak akan terjerumus kepada masalah-masalah pendidikan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai beberapa catatan mengenai Akta Pendidikan 1995 yang kita telah luluskan semasa Persidangan yang lalu. Saya tidak tahu sama ada pihak kementerian bercadang lagi untuk memperkenalkan satu Akta Pendidikan baru iaitu Akta Pendidikan 1996 seperti yang dicatat di dalam Akta ini. Banyak dicatat di muka surat 73, 74, 75 dan 79 di beberapa seksyen di mana dikatakan Akta Pendidikan 1996 dan jika ini tidak diperbetulkan dan tidak pula ada undang-undang atau Akta Pendidikan 1996 dibentangkan, maka ia akan menimbulkan kekeliruan.

Jadi, saya setakat minta penjelasan daripada pihak kementerian sama ada ini typing error ataupun betul-betul ada lagi satu Rang Undang-undang Pendidikan 1996 yang akan dibentangkan kelak. Jadi, kalau tidak ada rang undang-undang yang akan dibentangkan, saya harap pihak kementerian akan dapat membuat pembetulan sewajarnya.

Jadi, dengan kata-kata yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya saya memang menyokong Rang Undang-undang Institusi Pendidikan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ramai lagi yang hendak bercakap. Yang Berhormat, saya terpaksa menghadkan bilangan Ahli Yang Berhormat yang akan berbahas kepada dua orang sebelum Menteri menjawab. Itu pun saya terpaksa berbuat demikian. Wangsa Maju.

4.19 ptg.

Dato' Dr. Kamal bin Salleh (Wangsa Maju): Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memulakan ucapan saya, saya minta rujukan kepada 35(6) untuk berbahas dalam Akta ini oleh kerana saya selaku pengasas International Medical College dan juga Pengerusinya mempunyai kepentingan peribadi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Saya bersama rakan lain turut menyokong Rang Undang-undang IPTS ini sebagai sebahagian daripada akta empat serangkai yang bertujuan untuk memantapkan dan mengangkat taraf kecemerlangan sistem pendidikan negara kita yang telah pun kita luluskan tiga dan dibahaskan yang keempat.

Dengan adanya Akta Pendidikan 1995 menggariskan dasar dan sistem pendidikan negara sebagai akta ibu, ianya memberi kita satu tahap dan landasan baru mencantum sistem pendidikan dan memperluaskan bidangnya dengan merangkum segala peringkat daripada

tadika sampai ke peringkat tinggi dan antara IPTS dan IPTA dan Akta Universiti yang dipinda juga memberi peluang kepada universiti-universiti awam untuk dikorporatkan ataupun diberi peluang menyertai bidang-bidang perniagaan yang membolehkan peningkatan financial viability serta daya saing mereka dalam sistem yang baru ini serta membolehkan juga pengeluaran dan pendidikan di universiti-universiti awam setakat ini untuk lebih relevan dari segi pelajar-pelajar dan lulusan-lulusannya.

Kita tahu bahawa MPTN akan mengambil alih tugas-tugas university council yang dimasukkan dan dipinda kepada Board of Directors atau Lembaga Pengarah universiti-universiti awam sekarang ini dapat disatukan segala urusan-urusan dasar yang akan menggariskan dan memberi panduan kepada pengembangan kedua-dua sistem pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, pada peringkat IPTS ini, tentu sekali ramai yang telahpun membentangkan rasa gembira dan sokongan yang padu ke atas inisiatif ini. Tetapi, ramai juga menyatakan kebimbangan mereka tentang implikasi pengembangan IPTS ini dalam sistem pendidikan negara yang masih lagi perlu kepada kemahiran dan juga penyesuaian untuk mengimbangkan antara kaum dalam pembangunan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya menyokong penuh apa sahaja pindaan yang telah dibuat dalam 4 perkara ataupun 4 akta ini sebagai satu perubahan yang sungguh besar dan saya bersetuju dengan Ahli dari Machang yang mengatakan bahawa buat pertama kali dalam detik sejarah negara kita selama lebih 30 tahun ini, perubahan-perubahan yang dibawa oleh keempat-empat akta ini adalah satu perubahan yang sungguh besar maknanya kepada masa depan kita dan harapan pihak penyokong

kerajaan supaya semua perubahan ini janganlah menjejaskan apa yang telah kita capai dan laksanakan dalam sistem pendidikan kita setakat ini.

Yang Berhormat Menteri telah pun menjelaskan bahawa tujuan utama kerajaan membuat pemindaan-pemindaan sebegini besar bukanlah merupakan satu pembaharuan dalam erti kata melupakan kejayaan dan langkah yang diambil sebelum ini. Malah, Yang Berhormat Menteri telah mengatakan ianya merupakan satu kesinambungan. Kita hanya ingin menyesuaikan sistem pendidikan negara untuk menghadapi cabaran-cabaran abad ke-21.

Maka Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik inisiatif yang dibuat ini oleh menteri dan juga kementerian dan mengucapkan tahniah kepada kementerian atas keberanian dan daya pemikiran yang mendukung pindaan-pindaan kepada akta-akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, peranan IPTS sebagai pelengkap kepada IPTA yang telah pun dijelaskan oleh menteri sendiri dalam ucapannya ialah untuk kita dapat memberi peranan kepada IPTS ini menyumbang kepada peningkatan, bukan sahaja jumlah tenaga mahir, tetapi juga boleh memberi saingan dan kerjasama bersama dengan IPTA untuk meningkatkan kecemerlangan yang kita hajatkan. Oleh kerana, tanpa kita menyusun semula sistem yang ada setakat ini dalam bentuk penglibatan IPTS secara lebih besar tetapi terkawal menuju harapan bangsa dan negara, kita tidak akan dapat mencapai kegemilangan dan kecemerlangan yang dihajatkan di bawah Wawasan 2020.

Malah, kalaulah saya dapat mengungkap apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri mengatakan bahawa kita tidak akan dapat mencapai world class nation tanpa kita mempunyai world class

education system. Maka, inilah daya usaha yang dibuat oleh kementerian itu satu usaha yang sungguh penting kerana kita berpegang kepada prinsip masyarakat berilmu adalah masyarakat yang bertamadun.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks peranan IPTS apabila ia telah digalakkan melalui liberalisasi dalam dasar pendidikan yang dilaksanakan sebelum ini dan sekarang ini mahu diperkemas di bawah Akta IPTS ini, jika diberi peluang berkembang secara teratur dan dikawal selia dengan baik dari segi kualiti pengajarannya, dari segi relevannya dalam keperluan ekonomi negara masa depan iaitu memperbanyakkan jumlah profesional dan ilmuan yang diperlukan negara dan juga yang boleh terus mempertahankan dan meneruskan usaha kerajaan dan negara terhadap perpaduan dalam erti kata penyertaan bumiputera yang boleh terus menyumbang secara langsung, bukan sahaja dalam arus ekonomi negara, tetapi juga dalam bidang-bidang ilmuan dan sains dan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembaharuan melalui Rang Undang-undang IPTS ini, ramai, termasuk pembangkang dan juga rakan-rakan dalam parti kerajaan yang telah membangkitkan masalah kesan IPTS ke atas kedudukan pelajar bumiputera. Ini kerana beberapa isu, termasuk yuran yang tinggi yang akan dikenakan ataupun sedang dikenakan oleh IPTS-IPTS yang sedia ada dan yang mungkin akan ditubuhkan yang dirasakan tidak mampu ditanggung oleh kaum bumiputera. Jika pun mampu bagi segolongan bumiputera akan membawa IPTS-IPTS ini hanya diikuti oleh golongan yang berkemampuan dan kaya semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya bersetuju dengan pendapat ini dan dengan itu saya juga menyokong apa jua langkah termasuk cadangan kerajaan

dan cadangan beberapa rakan dalam Dewan yang mulia ini untuk menubuhkan tabung biasiswa untuk menggalakkan lebih ramai bumiputera mengikuti kursus-kursus di IPTS dan juga menggalakkan IPTS itu sendiri menubuhkan tabung-tabung biasiswa masing-masing untuk menggalakkan dan membiayai penyertaan pelajar-pelajar bumiputera di IPTS.

Dalam hal ini juga, saya menyokong syarat kuota yang telah dicadangkan untuk memastikan supaya jumlah pelajar-pelajar Melayu dalam IPTS ini dapat diperbanyakkan oleh kerana jika IPTS-IPTS terus diisi dengan pelajar-pelajar dari satu kaum sahaja, adalah tidak sihat. Seperti kita semua maklum, dari segi perpaduan negara dan juga dari segi pembentukan bangsa Malaysia yang berilmu, yang toleran dan berakhlak tinggi yang kita idamkan dalam menuju Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya mengalu-alukan segala usaha untuk menambahkan penyertaan bumiputera di IPTS ini, perlu juga disebutkan masalah yang ada berkaitan dengan isu yang saya tahu sedang ditangani oleh kementerian sendiri iaitu jumlah yang semakin kurang kalangan bumiputera yang berminat dalam bidang sains dan teknologi dan juga yang berprestasi tinggi dalam bidang ini.

Masalah ini bukanlah satu masalah yang hanya terdapat di negara kita, malah keseluruhan dunia menghadapi penurunan kecenderungan pelajar-pelajar dalam bidang sains dan teknologi dan lebih mirip kepada bidang-bidang sastera, pengurusan dan information technology dan sebagainya.

Harapan kementerian dan kerajaan untuk memperbanyakkan jumlah bumiputera dalam bidang sains dan teknologi dan langkah-langkah yang diambil boleh mengatasi setengah daripada masalah ini. Masalah

meningkatkan jumlah pelajar di dalam IPTS juga dihantui oleh masalah ramai yang berkebolehan ataupun menenuhi syarat-syarat minimum kemasukan mereka ke IPT awam serta swasta itu yang dihantar ke luar negeri ataupun diserap masuk ke dalam bidang-bidang sains dalam universiti tempatan. Ini juga menimbulkan masalah. Maka, jika ini dapat diselesaikan maka tentu sekalilah kita akan dapat mengatasi masalah penyertaan kaum bumiputera ini.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun sistem kuota ini boleh dikira sebagai satu cara untuk kita meneruskan usaha mengimbang antara kaum dalam IPTS, saya juga merasakan ianya haruslah dilaksanakan dengan agak fleksibel oleh kerana kedudukan dalam IPTS pada masa ini menimbulkan beberapa masalah walaupun tujuan kita memanglah untuk mencapai perimbangan yang baik. Saya tahulah kalau kita terus juga dengan keadaan ini akan menimbulkan beberapa masalah seperti yang terdapat dalam awal tahun 60-an di mana di universiti hanya satu kaum sahaja yang terlibat. Malah sekarang di luar negeri, golongan majoritinya adalah daripada golongan satu kaum walaupun usaha kerajaan menghantar ramai bumiputera ke luar negeri dapat mengimbang sedikit. Tetapi dengan kos yang begitu tinggi sehinggakan mengikut statistik RM2.3 bilion dibelanjakan untuk membiayai dalam tiga tahun yang diisytiharkan dalam Dewan ini - seramai 2,300 orang pelajar lulusan luar negeri sahaja. Bermakna kita membiayai purata RM100 ribu setiap pelajar bumiputera yang kita hantar ke luar negeri.

Dalam hai ini, soal yuran Tuan Yang di-Pertua, dibangkitkan oleh sesetengah rakan sebagai satu lagi faktor yang juga boleh membawa kepada dualisme dalam sistem pendidikan kita antara IPTA dan IPTS. Masalah ini perlulah kita kaji dengan lebih mendalam. Kita semua maklum bahawa IPTS mengikut

definisi ataupun dengan izin, by definition, tidak mendapat subsidi apa-apa dari kerajaan dan membiayai perbelanjaan modal untuk bangunan-bangunan dan peralatan serta segala kelengkapan lain serta belanja mengurus untuk bayaran gaji terutamanya adalah dibiayai oleh IPTS itu sendiri. Berbanding dengan IPTA yang dibiayai oleh kerajaan, hampir keseluruhannya kos pembiayaan itu ditanggung oleh penganjur. Kalau ini tidak dapat dikira dengan sebaiknya, tentu sekalilah isu ini tidak dapat diselesaikan dengan wajar.

Sebagai memberi gambaran, biar saya gunakan pengalaman saya di International Medical College sendiri. Ada satu kajian untuk membandingkan keadaan di IMC dengan universiti-universiti awam negara. Saya ada satu kajian yang menunjukkan secara terperinci kos pendidikan bagi segala bidang dalam universiti awam yang mengambil kira bukan sahaja soal gaji dan urusan-urusan pentadbiran tetapi juga pelaburan ataupun perbendaharaan dalam bangunan, tanah dan sebagainya diambil kira keseluruhannya. Data yang telah saya perolehi menunjukkan bahawa bagi pengajian pendidikan perubatan, ianya seperti disebutkan oleh Menteri mungkin tidak sampai seperti apa yang saya sebutkan, sebanyak RM44,000 tiap-tiap pelajar yang kita keluarkan, setahun bagi tiap-tiap mereka itu. Bagi bidang sains, kos sebenarnya mengikut segala kiraan tersebut ialah RM19,000. Bagi pelajar-pelajar Applied Science RM18,000. Bagi pelajar-pelajar pengurusan, RM10,000. Bagi pelajar-pelajar sastera, RM8,000 tiap-tiap pelajar, tiap-tiap tahun.

Jika kita menggunakan garis ataupun data ini, sebenarnya dalam keadaan kita di IMC, kosnya lebih kurang RM45,000 setahun bagi tiap-tiap student untuk dibiayai pembelajarannya. Bagi IPTS mereka memerlukan full cost recovery oleh kerana tidak ada subsidi.

Dibandingkan pula dengan mereka yang dihantar terus ke luar negeri, jumlah bagi tiap-tiap pelajar yang lulus dalam bidang perubatan adalah lebih kurang, bergantung kepada negara yang dipelajarinya, ialah antara RM250,000 sehingga RM350,000 kosnya termasuk tuisyen dan sara hidup bagi tiap-tiap seorang pelajar.

Jadi, bagi IPTS, full cost recovery kalau pun kita gunakan IPTA, kos sebenarnya, jumlahnya katalah RM44,000 bagi pengajian lima tahun akan sampai kepada kos yang sama. Bermakna bahawa di mana cost of living di negara maju agak tinggi, kita membelanja untuk mengeluarkan seseorang graduan perubatan dalam negeri ini dibandingkan dengan "parity"nya itu, kemungkinan kita lebih mahal daripada di luar negeri.

Bagaimanapun, tujuan IMC dan juga lain-lain kolej perubatan swasta ialah mengurangkan kos itu dengan adanya pengurangan kos belanja di luar negeri tetapi terpaksa meletakkan yuran yang tinggi for recovery. Saya berminat mendengar ramai rakan bukan sahaja di dalam Dewan tetapi juga di luar Dewan mengatakan IPTS ini satu industri yang sungguh menguntungkan dan memberi galakan kepada korporat-korporat lain untuk memasukinya. Biarlah saya mengatakan bahawa dari pengalaman IMC ini ianya bukan menguntungkan. Yang sebenarnya, sesetengah mereka yang masuk ke dalam bidang IPTS ini bukan bertujuan masuk ke dalam bidang pendidikan ini sebagai satu industri ataupun business. Bahawa cita-cita mereka melebihi daripada tujuan keuntungan semata-mata tetapi mempunyai minat untuk mengembangkan ilmu dan juga pendidikan dan menyumbang kepada kehendak negara.

Seperti di IMC kita mengamalkan sistem cross subsidy. Itu sebabnya yang sanggup masuk dalam bidang ini adalah mereka yang dapat menggunakan keuntungan di bidang lain, dalam

perniagaan lain untuk mengsubsidiakan pelaburan mereka dalam bidang IPTS. Bagaimanapun, satu kelebihan dan inilah yang mungkin menggalakkan mereka ini untuk menyertai IPTS ialah bahawa business ini ataupun bidang ini is a cash business dan juga ianya anti cyclical, ianya tidak bergantung kepada putaran ekonomi negara. Ianya boleh dijadikan sebagai satu cara untuk mengimbangkan turun naik keuntungan dalam bidang-bidang lain. Maka itulah mungkin menjadi sebab ataupun mereka di dalam bidang pembangunan property, dengan itu ada tanah yang tidak boleh digunakan untuk perkara lain, maka dijadikan kampus dan dengan itu menaikkan nilai keseluruhan daripada pemajuan tanah mereka untuk perumahan dan sebagainya. Jadi, janganlah merasakan bahawa semua yang masuk dalam bidang ini membawa keuntungan yang begitu besar sehinggakan lari daripada landasan-landasan dan prinsip menegakkan pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi juga yang saya perlu sentuh sebagai terakhir ialah berkaitan dengan perkara gaji tadi yang ditimbulkan dalam perbahasan ini bahawa IPTS akan dapat menambah gaji ataupun memberi gaji kepada bakal-bakal fakulti yang mengajar di IPTS ini, lebih tinggi, lebih 30% ataupun 100% lebih tinggi daripada yang terdapat di IPTA. Ada ahli juga yang bimbang dan saya bersetuju kemungkinan besar jika ada perbezaan yang begitu ketara antara mereka di IPTA dan IPTS akan membawa satu "brain drain" daripada IPTA ke IPTS.

Tetapi, harus diingat bahawa brain drain daripada IPTA sudah pun berlaku bukan oleh kerana IPTS semata-mata terutama sekali dalam bidang-bidang profesional ramai yang sudah keluar daripada universiti-universiti tempatan untuk mencari pencarian yang lebih tinggi di dalam sektor swasta sama ada doktor mahupun jurutera ataupun

akauntan. Dan inilah yang membawa masalah besar dari segi tenaga pengajar di universiti-universiti.

Saya ingin menyatakan bahawa masalah ini perlu kita tangani dengan baik dan MPTN (Majlis Pengajian Tinggi Negara) mempunyai bidang kuasa untuk menentukan supaya sistem gaji dan struktur gaji itu nanti digariskan seberapa boleh supaya nanti untuk tujuan menggariskan struktur gaji bagi IPTS janganlah ia sehinggakan memberi kesan yang tidak begitu positif untuk penggalakan IPTS nanti.

Bagaimanapun saya faham bahawa rungutan kalangan akademik bahawa gaji mereka adalah rendah dibanding dengan rakan-rakan di pihak swasta sama ada swasta IPTS ataupun swasta perniagaan. Ini memang benar, saya daripada tahun 1972 dulu di kalangan mereka yang berjuang untuk mendapatkan Harun Commission supaya memberi kelebihan kepada para akademik dari segi gaji. Bagaimanapun tujuan kami gagal pada waktu itu dan gaji universiti-universiti diikatkan kepada gaji Perkhidmatan Awam Negara. Dengan keadaan inilah maka timbul masalah termasuk masalah di mana terpakai universiti-universiti mengangkat pangkat kepada para akademik supaya mereka mendapat gaji yang lebih tinggi, dengan sebab itu telah membawa kepada akibatnya percambahan kepada Profesor-profesor Madya di universiti-universiti tempatan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa sudah suntuk. Yang Berhormat.

Dato' Dr. Kamal bin Salleh: Boleh saya gulung dalam hal ini. Saya mengatakan itulah sebabnya juga semacam ada satu inflasi akademik di mana nilai akademik yang dipegang oleh pensyarah-pensyarah menurun, manakala gaji mereka dinaikkan dengan kenaikan pangkat-pangkat yang sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, perkara penghabisan, saya bersetuju dengan semua peruntukan-peruntukan dalam Rang Undang-undang IPTS ini tetapi ingin menyarankan supaya Ketua Pendaftar yang diberi segala macam kuasa untuk mengawas dan mengawal selia perkembangan IPTS ini yang sememangnya nampak pada imbasnya draconian supaya Ketua Pendaftar nanti menggunakan kuasa-kuasa itu dengan flexible kerana bertujuan memang benar ialah untuk kita membuang daripada menggalakkan IPTS ini disertai oleh mereka yang hanya "fly by night" atau menggunakan kesempatan ini untuk mencari keuntungan cepat tetapi tidak menghirau prinsip-prinsip pendidikan dan kecemerlangan ilmu.

Dengan demikian, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Mentakab.

4.44 ptg.

Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih atas peluang yang diberi untuk membahar satu Rang Undang-undang yang bernama Akta Institut Pendidikan Tinggi Swasta 1996.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan hasrat kerajaan memajukan bidang pendidikan supaya Malaysia akan menjadi satu pusat kecemerlangan pendidikan serantau institusi pendidikan tinggi swasta bersama dengan institut pendidikan tinggi awam yang akan dikorporatkan akan memainkan peranan penting dalam menentu kejayaannya. Adalah diharapkan perubahan sistem pendidikan tinggi yang dinamik dan radikal ini akan memberi lebih banyak peluang kepada rakyat mengikuti kursus, mendapat latihan dan mencari ilmu di universiti atau kolej universiti di Malaysia.

Dengan pendekatan baru ini, bukan sahaja kita dapat mengeluarkan tenaga manusia yang terlatih mengikut keperluan industri dan pasaran khususnya dalam bidang sains, teknologi dan bidang ikhtisas tetapi ia juga dapat mengurangkan defisit akaun semasa yang melibatkan pengeluaran wang sebanyak RM2.5 bilion setahun oleh rakyat Malaysia mencari pendidikan di luar negeri.

Selain daripada manfaat di atas, saya yakin, graduan rakyat asing yang lepasan daripada IPT Malaysia apabila balik ke negara mereka akan menjadi satu talian atau rangkaian yang penting dalam perdagangan dan kerjasama antara Malaysia dan negara-negara tersebut. Justeru itu, penubuhan dan pembangunan IPTS perlu dilihat dari segi yang positif bahawa ia akan menguntungkan negara akan tetapi untuk memastikan IPTS dibangunkan dengan secara teratur dan tidak bercanggah dengan aspirasi negara, maka saya sokong usaha Kementerian Pendidikan membentangkan suatu Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 bagi mengawal selia penubuhan, pendaftaran, pengurusan dan kawalan kualiti pendidikan yang akan disediakan IPTS.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa rakan Yang Berhormat telah menyuarakan kekhawatiran mereka tentang kemungkinan ketidakseimbangan bilangan penuntut di IPTS di antara kaum bumiputera dan bukan bumiputera. Mereka bimbang anak bumiputera yang kebanyakan tinggal di luar bandar dan di dalam kawasan pedalaman tidak mampu memasuki IPTS kerana yuran yang lebih tinggi. Justeru, mereka telah bercadang mengadakan satu sistem kuota untuk pengambilan penuntut masuk ke IPTS.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan ini saya ingin menyatakan bahawa saya sokong cadangan menubuhkan satu dana pendidikan untuk membantu mereka

yang miskin dan mereka yang tinggal di luar bandar dan tempat pedalaman supaya mereka dapat memasuki IPTS dan IPTA tanpa mengira kaum.

Pada hakikatnya, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan penduduk di luar bandar dan di pedalaman adalah bumiputera dan...

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Minta penjelasan dengan rakan daripada Mentakab, Pahang ini. Terima kasih, penghargaan kepada pandangan Yang Berhormat bahawa dari segi pandangan MCA, nampaknya bersimpati dengan permasalahan yang dihadapi oleh bumiputera dalam IPT swasta, tidak macam DAP. Saya ucapkan syabas. Apa pandangan Yang Berhormat dalam perkara ini?

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, parti MCA sentiasa bersikap positif terhadap pembangunan sumber tenaga manusia. Kita tidak sama dengan DAP, cuma bersikap negatif dan tidak menyumbang dalam bab idea-idea yang positif dalam permasalahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada hakikatnya, oleh kerana kebanyakan penduduk luar bandar dan di pedalaman adalah bumiputera dan secara automatik bumiputera merupakan kaum yang akan banyak menikmati bantuan kewangan dari kerajaan, tetapi kita juga harus menyedari bahawa ada juga bilangan yang kecil bukan bumiputera seperti mereka yang tinggal di kampung baru dan di estet yang juga dari golongan yang miskin dan mereka juga patut diberi bantuan kewangan daripada kerajaan.

Pada masa yang sama ada juga bumiputera yang tinggal di bandar yang telah meningkat ke golongan yang berpendapatan tinggi dan mereka tidak harus diberi bantuan kewangan supaya lebih ramai anak Malaysia akan dapat memanfaatkan dari dana tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan dalam tenaga manusia yang mahir di dalam negara kita telah sampai kesatu tahap yang amat mendesak dan keadaan ini boleh menjejaskan rancangan pembangunan ekonomi negara khususnya dalam usaha memajukan industri yang berteknologi tinggi. Untuk mengisi jawatan yang wujud akibat pembangunan ekonomi yang pesat, kita sanggup mengubah tenaga asing termasuk tenaga jurutera dan juruteknik. Ini bermakna, kita harus membangunkan setiap tenaga manusia yang ada, setiap tenaga manusia rakyat Malaysia tanpa mengira kaum. Maka kebimbangan bahawa akan timbul ketidakseimbangan dalam pengambilan penuntut masuk IPTS tidak timbul sebab kapasiti IPTS boleh diperbanyakkan pada bila-bila masa untuk menyerap semua yang ada potensi dan semua anak-anak yang ingin memasuki IPTS dan faktor kaum tidak harus menjadi satu faktor yang perlu kita bimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu saya tidak setuju bahawa kita memerlukan satu sistem kuota untuk IPTS sebab apabila kita memperkenalkan sistem kuota, ia mungkin bermakna kalau timbul sesuatu situasi, di mana oleh kerana kekurangan bilangan penuntut dari satu kaum, mungkin kita juga kena mengurangkan pengambilan penuntut untuk lain kaum supaya kuota yang rigid itu perlu dipatuhi. Saya berpendapat ini tidak akan memanfaatkan mana-mana pihak, ia cuma akan merumitkan negara dari segi pembekalan tenaga.

Apa yang kita perlu ialah satu sistem seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat dari Parit-Sulong iaitu satu sistem "win-win" situasi di mana semua anak Malaysia tidak kira dari mana kaum harus diberi peluang supaya semua tenaga manusia dapat dibangunkan dan supaya mereka dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi kita. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Menteri diminta jawab.

4.52 ptg.

Menteri Pendidikan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, selama beberapa hari termasuk hari ini kita telah membahaskan Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta dengan begitu rancak dan kadangkadangkang dengan begitu ghairah sekali.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di atas minat, kesungguhan dan keprihatinan mereka mengambil bahagian di dalam perbahasan ini, yang sekali gus memperlihatkan bahawa mereka cukup mengambil perhatian yang berat kepada perkembangan bidang pendidikan khususnya pendidikan tinggi di negara ini, agar cita-cita negara untuk mencapai tahap negara industri dan negara maju, yang mana punca utama ataupun faktor utama yang akan membolehkan kita merealisasikan aspirasi ini ialah melalui kejayaan dan perkembangan yang positif melalui bidang pendidikan.

Ada juga Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pendapat-pendapat yang cukup bernas dan membina dan saya mengucapkan berbilang terima kasih dan seperti biasa ada juga Ahli Yang Berhormat yang telah memberi kenyataan yang melulu, yang tidak

ada asas faktanya yang boleh kita sifatkan sebagai bermotif politik. Sebagai contoh, Ahli Yang Berhormat dari Machang tidak mempunyai fakta yang tepat, tetapi menggambarkan kekeliruan beliau yang amat aib apabila beliau memberi perangkaan mengenai bilangan IPTS di negara ini. Beliau cuba membetulkan keadaan ini, tetapi dalam pada itu menuduh timbalan saya dengan kata-kata yang tidak wajar dilafazkan.

Demi membela maruah timbalan saya, izinkan saya menjelaskan di sini angka sebenarnya yang disebutkan oleh beliau itu adalah tepat iaitu 1,065 Institut Pendidikan Tinggi (IPT), termasuk Institut Pendidikan Tinggi Swasta. Tetapi jumlah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat daripada Machang itu ialah IPTS, yang sebenarnya hanya 280 sahaja, yang 785 terdiri daripada pusat tuisyen, pusat bahasa dan pusat latihan kemahiran. Itulah angka yang digunakan oleh timbalan saya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya sifatkan sebagai satu kenyataan yang liar dan tidak berasas ialah dakwaan kononnya ekoran daripada pilihan raya 1995, beratus-ratus orang guru dari Kelantan telah ditukarkan ke Sabah dan Sarawak. Ini adalah satu lagi kenyataan yang liar dan bermotif politik. Mungkin Ahli Yang Berhormat itu fikir Barisan Nasional macam kerajaan di negeri Kelantan, apabila mengambil alih pimpinan kerajaan Kelantan, maka semua anggota termasuk imam masjid, ketua kampung, penggawa dan kakitangan kerajaan yang menyokong Barisan Nasional dahulu telah dipecat dan telah diturunkan pangkat dan telah dianiayakan oleh kerajaan negeri Kelantan. Ini tidak dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Saya suka menjelaskan bahawa sebaik sahaja selepas pilihan raya yang lalu, hanya 8 orang sahaja telah ditukar,

4 ke Sabah dan 4 ke Sarawak dari negeri Kelantan dan yang ditukarkan itu adalah kerana mengikut suami, satu bekerja sebagai tentera, JKR atau guru yang pada asalnya telah bertugas di Sabah dan Sarawak. Kalau sekiranya ada pertukaran tambahan dan memang ada selepas itu, perkara ini ialah perkara biasa. Kita menukar guru ke Sabah, Sarawak adalah satu proses yang biasa kita lakukan, tetapi tidaklah sepertimana yang digambarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Machang itu seolah-olah ada satu "mass expulsion", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Guru-guru PAS dari negeri Kelantan dihumban ke Sabah dan Sarawak. Ini adalah satu kenyataan yang nakal, yang bertujuan politik semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, rasional kita menubuhkan IPTS ini ialah kerana pada masa sekarang ini, kita dapati bahawa jumlah penduduk yang memperolehi pendidikan tinggi di negara kita adalah pada kadar 11.46% sahaja. Ini merupakan satu kadar yang agak rendah dan tidak setimpal dengan status sebuah negara maju.

Saya telah memberi angka, umpamanya negara Kanada—66%, negara Amerika Syarikat—63%, negara Jepun—31%, negara United Kingdom—24%, negara Thailand—16%.....

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan. Apakah kriteria yang digunakan kerana di Amerika Syarikat ada setengah-setengah universiti itu standardnya tidak tinggi sangat dan di setengah-setengah negara pula seperti United Kingdom dia memang ada kriteria yang tertentu, kerana angka-angka seperti ini tidak menunjukkan keadaan

yang sebenar. Walau bagaimanapun, saya setuju di Malaysia kita tidak cukup orang untuk masuk ke IPT—itu saya setuju, cuma angka itu sahaja mengelirukan.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, angka itu menggunakan kriteria universal, yang mana itu merupakan definisi yang diterimapakai sebagai ukuran antarabangsa. Walau bagaimanapun, saya menerima juga pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kepong sebab ada juga institusi pendidikan tinggi di Amerika Syarikat yang kita meragui status ataupun kemampuan universiti itu. Tetapi dari segi angka universal, kita boleh gunakan keadaan itu untuk menggambarkan bahawa kita tidak menukar kesimpulannya, bahawa kita masih ketinggalan kalau digunakan unjuran pada peringkat antarabangsa ataupun pada peringkat universal.

Justeru itu, demi bagi mempertingkatkan angka ini dan kerajaan telah menetapkan bahawa secocok dengan hasrat kita untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju, maka angka 11.46% itu mesti ditingkatkan hampir empat kali ganda dijadikan 40% menjelang tahun 2020. Ini adalah keazaman kita, dan inilah merupakan komitmen Kerajaan Barisan Nasional, dan insya-Allah kita akan mengembangkan universiti-universiti awam, dan setiap universiti telah diarah supaya menambahkan bilangan pengambilan pelajar kepada tahap maksimum 20,000 setiap IPT awam. Dengan terlulusnya rang undang-undang ini, maka kita akan mewujudkan IPTS untuk menampung dan melengkapi usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengambil langkah ini juga kerana kita sedar bahawa ramai pelajar-pelajar kita, pelajar-pelajar warganegara Malaysia yang

ada kebolehan yang tidak mendapat tempat di IPT awam pada masa ini. Oleh itu, masalah ini menjadi agak sensitif apabila dikenakan sistem kuota pada masa ini di IPT awam. Tetapi apabila tempat di IPT awam dan swasta diperbanyakkan, maka saya yakin bahawa hampir semua pelajar warganegara Malaysia, sama ada bumiputera mahupun bukan bumiputera yang ada kebolehan, insya-Allah akan mendapat tempat di peringkat institusi pendidikan tinggi di negara kita.

Inilah hasrat kerajaan supaya bak kata Yang Berhormat dari kawasan Mentakab, dengan izin, "a win-win situation" untuk semua pihak. Saya yakin ini akan memperkukuhkan lagi pengwujudan bangsa Malaysia dan melahirkan sebuah negara yang lebih kukuh, lebih stabil dan lebih bersatu padu kerana dalam soal mendapat peluang pendidikan tinggi ini adalah satu yang sukar hendak dikatakan hak satu kaum sahaja. Ini adalah merupakan peluang yang harus diberikan kepada semua golongan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat yang menyentuh tentang soal sama ada dengan wujudnya IPTS ini.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Machang bangun.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Soalan kepada Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat menyatakan bahawa dengan pengwujudan IPTS ini akan memberi peluang yang boleh dikatakan adil kepada semua warganegara Malaysia untuk mendapat peluang pendidikan tinggi. Yang Berhormat sendiri sedar kedudukan yang sedia ada sekarang, seperti yang saya bangkitkan kelmarin

bahawa jumlah pelajar bumiputera dalam IPTS ini terlalu kecil. Bagaimanakah kerajaan melalui IPT yang akan diluluskan ini akan merangkakan satu dasar untuk memastikan bahawa pelajar-pelajar bumiputera juga mempunyai peluang, kalau tidak sama atau sekurang-kurangnya peluang yang adil kepada mereka untuk mengikuti pengajian di IPTS?

Yang Berhormat sendiri sedia maklum bahawa salah satu faktor yang menjejaskan penyertaan bumiputera dalam IPTS sekarang ialah soal bayaran. Kolej Tunku Abdul Rahman sendiri membuka pintu kepada bumiputera bila-bila masa sekarang. Tetapi pelajar bumiputera tak mampu ke sana kerana yuran yang dikenakan adalah terlalu tinggi. Bagaimana kerajaan hendak menangani masalah ini?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat dari Machang itu sabar, saya akan menyentuh perkara ini. Baru mukadimah sebenarnya, belum masuk "gear empat lagi." (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini telah menimbulkan kebimbangan mengenai saingan di antara IPTS dan IPT awam bahawa dengan wujudnya IPTS, maka akan timbullah satu suasana di mana dari segi kelayakan ataupun dari segi nilai pasaran, graduan-graduan daripada IPTS nanti mungkin lebih baik daripada graduan yang lulus daripada IPT awam. Itu satu.

Kedua, dari segi masalah IPTS akan memberi tawaran gaji yang lebih tinggi, lebih lumayan dan pensyarah daripada IPT awam akan berpindah kepada IPTS. Untuk menghilangkan keraguan Ahli-ahli Yang Berhormat

dalam perkara ini, sukalah saya menyatakan bahawa dari segi pensyarah-pensyarah yang akan berkhidmat dalam IPT awam dan swasta, perlantikan mereka akan dikawal oleh kerajaan melalui MPPM dan juga melalui Ketua Pendaftar. Kita boleh bertindak di mana tindakan yang telah diambil selama ini oleh Bank Negara dalam institusi kewangan umpamanya, di mana pengambilan mana-mana pegawai mesti mendapat restu daripada pihak Bank Negara. Begitulah juga kalau ada IPTS yang hendak memancing pensyarah dari IPT awam, maka kalau kerajaan tidak bersetuju, maka mereka tidak boleh berpindah kepada IPTS. Dengan ini, maka kita akan ada sedikit-sebanyak kawalan. Dalam pada itu, dalam IPTA zaman pengkorporatan nanti, tawaran skim gaji yang lebih baik akan dilaksanakan.

Inilah satu daripada kebaikan daripada pengkorporatan, Tuan Yang di-Pertua, yang tidak disebut sama sekali oleh Ahli-ahli Yang Berhormat parti pembangkang. Mereka fokus kepada satu perkara sahaja, iaitu yuran, dan mereka memberi gambaran yang cukup buruk bahawa kononnya pengkorporatan ini akan membuka peluang kepada kumpulan korporat dan bidang pendidikan menjadi satu industri yang akan diperniagakan secara komersil. Ini bukan tafsiran pengkorporatan. Ini sengaja ditafsirkan oleh parti pembangkang. (*Tepuk*)

Kita tidak bermaksud bahawa universiti akan diperniagakan. Universiti akan dikawal oleh kerajaan. Skim gaji akan bertambah lebih baik, akan menguntungkan para pensyarah. Sekarang ini orang tidak hendak jadi pensyarah, sebab.....

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Ya. Saya hendak habiskan. Sebab tawaran skim sekarang ini tidak begitu menarik. Kalau di IPT awam kita yang akan bakal menjadi pensyarah ialah mereka yang tak dapat pekerjaan di tempat-tempat yang lain, dan bukanlah yang terbaik, yang terbilang di kalangan kita yang menjadi pensyarah, bukanlah mereka yang cemerlang dari segi akademik mengajar dan mendidik anak-anak kita, bayangkanlah bagaimana mutu pendidikan, standard di peringkat IPT negara kita boleh dipertahankan pada tahap kecemerlangan.

Sebab itulah kita tidak ada option lain, Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak ada pilihan lain, melainkan kita perlu mengkorporatkan IPT awam kita untuk tujuan yang baik, untuk melahirkan suasana akademik ke arah kecemerlangan. Bukanlah sepertimana yang didakwa oleh Parti PAS. Setiap ahlinya bercakap semua menggambarkan satu keadaan untuk memomok-momokkan pelajar-pelajar kita. Untuk menakutkan orang kita, seolah-olah kerajaan mengabaikan tanggungjawab sosial, seolah-olah kerajaan membenarkan ada badan korporat gergasi menunggu hendak mengambil alih IPT awam.

Ini semua karut belaka, ini semua tidak benar belaka. IPT awam akan terus kekal dalam tangan kerajaan, akan dikawal untuk kepentingan rakyat seluruhnya. (*Tepuk*) Dan kalau parti PAS buat road show, kita juga akan terangkan kepada rakyat bahawa ini bukan tujuan Kerajaan Barisan Nasional dan rakyat akan mengadili perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin, bak kata Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena semalam, ada peruntukan menteri diberi kuasa banyak, parti pembangkang marah, sebab dia tahu dia tidak akan menjadi kerajaan, sebab itu dia marah.

Tuan Yang di-Pertua, soal yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Machang, macam mana soal kedudukan bumiputera boleh dibela.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa cara, sebab itu rang undang-undang ini diluluskan termasuk dengan MPTN sebab MPTN boleh mengawal kemasukan pelajar ke IPTS, apa cara dia, salah satu cara dengan kuota. Tetapi kuota itu tak bolehlah dikenakan dengan cara yang ketat, mungkin dengan cara yang lebih fleksibel, dengan cara yang lebih anjal tetapi apabila bilangan tempat bertambah kalau sekarang ini ada dalam lingkungan 100,000 sahaja, kalau naik 200,000; 300,000, saya percaya yang bumiputera dapat tempat, yang bukan bumiputera pun akan dapat tempat. Ini yang dikatakan "win win situation". Jadi, kalaulah

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:
(*Bangun*)

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Nanti sekejap! Jadi, kalaulah bumiputera tidak mampu, ini soal tidak mampu, kemampuan itu insya-Allah, kerajaan telah bersetuju pada prinsipnya mewujudkan Tabung Pendidikan Nasional untuk mengatasi masalah ini. (*Tepuk*)

Jadi, golongan bumiputera, kita akan beri bantuan untuk mereka menyertai IPTS. Kalau sekarang sekadar 5% sahaja, saya yakin jumlah ini akan dapat ditingkatkan pada masa-masa yang akan datang.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya. Machang bangun. Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:

Saya merasa lega sedikit dengan penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi, adakah ini bermakna Yang Berhormat Menteri dalam menguatkuasakan akta ini, menggunakan kuasanya di bawah akta ini akan memastikan, pertama, bahawa sistem kuota untuk bumiputera akan dilaksanakan.

Yang kedua, memastikan bahawa pelajar-pelajar bumiputera yang cemerlang dalam pendidikan mempunyai peluang untuk melanjutkan pelajaran ke IPTS dengan dibantu oleh kerajaan. Jika kerajaan bersetuju bahawa quota system akan dikenakan kepada IPTS, ini bermakna kita kembali kepada zaman sebelum daripada ini, zaman Allahyarham Tun Razak dalam kes IPT awam yang memberi peluang dan kuota kepada bumiputera. Adakah ini suatu jaminan daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, tak payahlah Ahli Yang Berhormat dari Machang hendak dapat kredit dalam perkara ini. Sebenarnya Ahli Yang Berhormat dari parti Barisan Nasional telah pun bercakap di atas perkara yang sama dan malah bila dimasukkan peruntukan dalam akta yang mewujudkan MPTN, ke situlah kuasa yang ada kepada Menteri Pendidikan. Kalau hendak dikenakan kuota, boleh dikenakan kuota tetapi cara kita hendak mengenakan kuota, kita runding dengan semua pihak dahulu atas semangat permuafakatan di antara kaum dalam parti Barisan Nasional. (*Tepuk*)

Jadi, timbullah keadaan harmoni, stabil di dalam negara kita. Janganlah kita memikirkkan pada satu aspek sahaja. Kita hendak mewujudkan keadaan yang adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa dengan adanya kuasa-kuasa yang diberikan kepada menteri, bertujuan untuk kebaikan semata-mata. Soal kedudukan Bahasa Kebangsaan, Bahasa Melayu terjamin. Ia lebih kukuh lagi, umpamanya dalam IPTS yang telah dilulus sebanyak 280, kita akan semak balik yang mana patut terus berjalan dalam bahasa Inggeris, boleh berjalan dalam bahasa Inggeris, yang mana patut dalam Bahasa Kebangsaan, boleh ditukarkan kepada Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang menggunakan bahasa Inggeris pun, diwajibkan mengajar Malaysian Studies (Pengajian Malaysia) dan Pendidikan Islam atau Pendidikan Moral, maknanya jauh berbeza dengan keadaan sekarang. Keadaan sekarang tidak ada sesuatu syarat pun.

Jadi, kebebasan sekarang ini boleh kita tukar, boleh kita arahkan coraknya supaya lebih berorientasikan ke Malaysiaan. Inilah tujuan kita mengadakan peruntukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, kepada pencinta bahasa

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Machang bangun.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Saya hendak habiskan, masa suntuk, kemudian ya!

(Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin *mempengerusikan Mesyuarat*)

Bagi pencinta bahasa, saya percaya mereka tidak harus khuatir apatah lagi ada juga kuasa yang diberikan kepada menteri iaitu Fasal 42(1), menteri boleh mengarahkan supaya Bahasa Kebangsaan digunakan untuk mengendali kursus pengajian tersebut, kalau pun pengecualian diberikan.

Jadi, dengan adanya peruntukan ini, segala peruntukan yang ada di dalam akta ini, perlindungan yang secukupnya diberikan. Jadi, kalau sekiranya kita melihat keadaan memerlukan, maka kita boleh gunakan peruntukan ini tetapi peruntukan ini akan dikuatkuasakan dalam keadaan di mana-mana semata-mata untuk menjaga bahawa kedudukan bahasa kita tidak terhakis dan kedudukan bahasa kita tetap terpelihara, tempatnya yang tertinggi sekali di dalam masyarakat kita, termasuklah pengembangan bahasa sebagai bahasa ilmu dan bahasa sains dan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu, kalau sekiranya kita hendak supaya Malaysia menjadi pusat kecemerlangan pendidikan dan kalau sekiranya kita hendak menarik pelajar-pelajar luar negara untuk memasuki IPTS di sini dan kalaulah kita hendakkan institusi yang ternama, yang terbilang di peringkat antarabangsa seperti MIT dan unviersiti-universiti yang hebat namanya, maka kita harus menerima hakikat bahawa kita mesti memberi kelonggaran sebab pensyarah mereka terdiri daripada mereka yang fasih dalam bahasa Inggeris, kebanyakannya ialah kita tak payah hantar pelajar kita ke MIT, ke London U, sepertimana kita hantar sekarang.

Kita hantar ke London U yang kampusnya di Malaysia, kita hantar pelajar kita ke MIT yang kampusnya di Malaysia. Jadi, bila kampusnya di Malaysia, jauh lebih baik daripada dia menuntut ke luar negeri. Pertama, dari segi aliran kewangan, RM2.5 bilion mengalir ke luar setiap tahun kerana pendidikan. Ini satu jumlah yang amat besar.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Machang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:
Penjelasan kepada Yang Berhormat Menteri. Alasan yang digunakan salah satu sebab mengapa perlu wujudnya IPTS swasta di negara ini, yang boleh membantu kerajaan ialah untuk mengurangkan pengaliran keluar wang. Tetapi pada masa yang sama, tidakkah Yang Berhormat sedar bahawa pengwujudan IPT swasta yang di luar daripada Malaysia menubuhkan cawangan di Malaysia. Pada masa yang sama akan membawa pengaliran keluar keuntungan wang negara ini ke tempat mereka. Ini juga akan merupakan suatu bahaya yang amat besar kepada ekonomi negara kita pada masa yang sama.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Ahli Yang Berhormat dari Machang tak faham sekali lagi! Kalau sekiranya IPTS 'branch campus' ada di negara kita, tentulah kita akan selamat dari segi pertukaran wang asing. Sebab daripada kita membayar beribu-ribu setahun pada setiap pelajar, kita bayar kepada IPTS yang bertempat di Malaysia. Sebahagian daripada wang itu akan kekal di Malaysia. Dan kita juga akan menetapkan syarat bahawa mesti ada ekuiti tempatan. Jadi, orang Malaysia akan mengambil bahagian di dalam pengendalian dan pengelolaan IPTS branch campus dari luar negeri yang akan wujud di Malaysia.

Jadi, kalaulah ada keuntungan pun sebahagian besar daripada keuntungan itu akan kekal di negara kita, lagi pun industri pendidikan ini bukanlah satu industri yang begitu lumayan pulangnya, bak kata Ahli Yang Berhormat dari Wangsa Maju, yang ada pengalaman sendiri, pelaburannya tinggi, kosnya tinggi, pulangnya tidak boleh dibandingkan dengan pulangan dalam bidang pembuatan (manufacturing) ataupun dalam bidang-bidang perniagaan yang lain. Ini mesti merupakan perniagaan jangka panjang.

Kalau hendak melabur dalam bidang pendidikan tinggi swasta, mereka seharusnya sudah mengaut keuntungan dalam bidang yang lain terlebih dahulu, baru melabur dalam bidang IPTS.

Bukan sebaliknya, bukan melabur dalam bidang IPTS untuk mengaut keuntungan dan melabur dalam bidang yang lain. Sebab itu kita menetapkan di dalam akta ini syarat-syarat yang agak ketat, umpamanya kalau peringkat universiti mesti atas pelawaan Menteri Pendidikan baru boleh membuat permohonan menubuhkan IPTS bertaraf universiti. Sebab kita hendak kawal supaya mereka yang ada kredibiliti, badan-badan yang bertanggungjawab ada kredibiliti dan ada kedudukan yang baik, hanya mereka yang seperti itu yang akan diluluskan oleh kerajaan dan tidaklah akan wujud "penjamuran" ataupun percambahan IPTS. Janganlah menggambarkan bahawa kedai kopi tiga tingkat pun akan menjadi IPTS—tidak. Kita akan mengawal rapi supaya yang diluluskan hanyalah bermutu tinggi semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, lagipun dalam sedikit masa lagi kerajaan akan membentangkan satu lagi rang undang-undang iaitu mewujudkan Lembaga Akreditasi Negara dan lembaga ini akan menentukan bahawa setiap kursus yang hendak dimulakan di negara kita oleh IPTS ataupun IPT Awam akan terdiri daripada kursus yang bermutu tinggi dengan piawai yang ditetapkan oleh Lembaga ini yang dinamakan LAN (Lembaga Akreditasi Nasional).

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya langkah ini, kita akan pastikan bahawa siapa sahaja yang lulus daripada IPT Awam atau Swasta di negara kita pasti mendapat ijazah yang diterima di peringkat antarabangsa. Kita tidak mahu terjebak seperti di sesetengah

negara, termasuk negara-negara jiran kita, hatta Amerika Syarikat pun, seperti mana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, ada IPTS nanti yang diragui standard ataupun mutunya. Insya-Allah, dengan langkah ini tidak akan timbul sesiapa lulus daripada IPT di Malaysia ini tetap mendapat ijazah yang diterima di peringkat antarabangsa. Soal kualiti kita tidak akan kompromikan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong telah menyebutkan tentang adanya agensi-agensi bumiputera ataupun agensi-agensi kerajaan yang boleh dinaikkan status pusat latihan mereka yang sudah diberi kelulusan oleh kerajaan selama ini untuk mengendalikan latihan dan kemahiran seperti Telekom yang dicadangkan, supaya boleh mengadakan pengkhususan dalam bidang teknologi maklumat, TNB dalam bidang kejuruteraan dan penjaan kuasa, PROTON di dalam kejuruteraan automobil dan badan-badan yang lain. Ini sebenarnya merupakan satu idea dan satu cadangan yang amat baik sekali dan kerajaan memang sedang memikirkan bahawa di antara IPTS pertama yang akan diluluskan adalah badan-badan seperti ini yang akan dinaikkan tarafnya ke peringkat universiti, insya-Allah. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini diadakan sebab kita memikirkan sudah sampai pada masanya bahawa perkembangan pendidikan tinggi swasta diberi satu nafas yang baru, sesuai dengan cita-cita kita untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan. Dan dengan ini maka langkah-langkah harus diambil bahawa kita melibat bidang pendidikan sebagai satu industri, bukan sahaja sebagai satu pusat pencapaian akademik kecemerlangan, tetapi sebagai satu potensi untuk

menyuburkan lagi ekonomi negara kita dan tidak boleh kita menolak kemungkinan dalam masa yang terdekat bahawa kita mengadakan pameran pendidikan di negara kita dan di peringkat antarabangsa. Kalau negara Australia, New Zealand dan United Kingdom membuat education fare di Malaysia, mengapa tidak, suatu hari nanti Malaysia membuat education fare di negara-negara yang lain. Kita hendak menarik mereka masuk ke negara Malaysia supaya hasrat kita tercapai, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ledang telah bertanya sama ada IPTS ini akan diberi kelulusan oleh Menteri ataupun atas budi bicara Menteri sendiri ataupun akan dibantu oleh panel badan yang lain. Sukacita saya nyatakan di sini, bahawa dalam soal IPTS bertaraf universiti, walaupun kuasanya kuasa menteri tetapi cara kita bergerak dan membuat keputusan dalam kerajaan ialah sistem jemaah Menteri dan dalam isu seperti ini biasanya Menteri akan merujuk perkara ini kepada peringkat tertinggi dalam kerajaan, iaitu Jemaah Menteri dan bagi IPTS yang tidak bertaraf universiti, kita akan rujuk kepada sebuah jawatankuasa yang terdiri dari pakar-pakar dan akan dikemukakan kepada Ketua Pendaftar dan Ketua Pendaftar akan menasihati Menteri sama ada permohonan itu wajar diluluskan ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara sebenarnya yang telah saya catat di sini dan kalau saya tidak sempat mengulasnya, saya akan memberi perhatian sepenuhnya kepada semua perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya percaya bahawa dengan kelulusan yang diberikan kepada rang undang-undang ini, memang benar akan membuka satu lembaran baru, satu dimensi baru

dalam usaha reformasi pendidikan negara kita dan kita akan meletakkan sistem pendidikan negara kita dalam satu keadaan yang lebih mantap dan lebih kukuh sebagai persediaan untuk kita melangkah ke abad ke-21. Saya yakin dan percaya dengan reformasi pendidikan ini, insya-Allah, kita akan menuju kepada pencapaian Malaysia sebagai sebuah negara.....

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tuan Haji Abdul Razak:yang mempunyai taraf pendidikan yang berkualiti ataupun "world class quality education". Terima kasih. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 40—

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Machang.

5.29 ptg.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Pengerusi, point of order 57(2). Petang semalam saya ada menerima satu salinan pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri dan petang ini kita diserahkan satu lagi pindaan. Pindaan ini ialah atas pindaan petang semalam. Mengikut Perkara 57(2), "apa-apa pindaan yang hendak dicadangkan hendaklah dikeluarkan pemberitahu sekurang-kurang satu hari terlebih dahulu". Yang dicadangkan kelmarin, pindaan hari ini—satu hari terlebih dahulu, tetapi hari ini diberikan satu lagi pindaan. Pindaan yang baru diterima pada petang ini. "Pindaan demikian yang tidak dikeluarkan pemberitahu hendaklah diserahkan kepada Pengerusi dengan bertulis dan tiada boleh dicadangkan kecuali jika Pengerusi puas hati bahawa tiada dapat dikeluarkan pemberitahu".

Kita tidak tahu sama ada Tuan Pengerusi ada mempunyai sebab-sebab yang munasabah mengapa pindaan yang dicadangkan pada petang ini tidak boleh diberitahu melalui notis pada hari kelmarin.

Adalah terlalu tidak adil kepada Ahli-ahli Dewan untuk membahaskan pindaan yang dicadangkan ini sedangkan pindaan atas pindaan ini hanya dikemukakan pada petang ini. Sedangkan mengikut Perkara 57(2), persoalan memberi notis satu hari itu adalah untuk memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat mengkaji.

Saya tidak akan membangkitkan Perkara 57(2) kalau pindaan kelmarin yang dikekalkan hari ini sekurang-kurangnya telah memberi satu hari notis tetapi malangnya pada petang ini, satu lagi pindaan dibawa ke atas pindaan yang dibuat, dicadangkan kelmarin. Saya minta keputusan Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan Perkara 57(2).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, seperti Yang Berhormat katakan di bawah Peraturan Mesyuarat 57(2) itu, Pengerusi ada kuasa tertentu untuk menerima. Jadi, setelah kita menimbang keadaan masa perbahasan ini tadi, kita membenarkan pindaan itu daripada Menteri yang berkenaan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Benar, Tuan Pengerusi, tetapi Tuan Pengerusi tidak boleh membuat keputusan. Minta maaf, saya bukan mempertikaikan keputusan Pengerusi. Pengerusi tidak boleh hanya membuat keputusan tanpa memberitahu sebab kepada Dewan ini bahawa Pengerusi sudah puas hati, tiada dapat dikeluarkan Pemberitahu.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kita telah berpuas hati memandangkan masa perbahasan kita pada hari ini yang diuntukkan di Parlimen, yang telah dipersetujui pada hari ini. Maka, kita buat keputusan pindaan yang dicadangkan oleh Menteri, kita terima di atas alasan bahawa Persidangan kita hanya pada hari ini. Kita tidak ada masa untuk melanjutkan Persidangan ini, Yang Berhormat. Itu sebabnya kita terima pindaan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya harap Yang Berhormat dapat menerima keputusan ini.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Itu, Tuan Pengerusi, mesti diberitahu kepada Ahli Dewan. Kalau kelmarin sudah dibuat suatu cadangan pindaan, saya persoalkan ini, kalau kita mahukan satu perbahasan yang bernas daripada Ahli-ahli Dewan untuk membincangkan perkara-perkara yang terlalu teknikal. Kalau inilah cara yang dibangkitkan, sudah tentu mutu perbahasan kita tidak seperti yang dikehendaki, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kita sebagai Pengerusi Mesyuarat, kita hanya mempertimbangkan mengikut Peraturan Mesyuarat. Jikalau ada percanggahan Peraturan Mesyuarat, kita tidak boleh adakan tetapi kita telah timbangkan bahawa Peraturan Mesyuarat membolehkan Pengerusi untuk menerima. Jadi, saya harap semua pihak menerima. *(Tepuk)*

Teruskan kepada Fasal tadi. Tidak ada yang hendak bahas Fasal itu? Ya, sila.

5.33 ptg.

Tuan Chang See Ten (Gelang Patah): Tuan Pengerusi, saya ada beberapa pertanyaan berkenaan seksyen 12(1) tentang ekuiti, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan sama ada ekuiti yang dipegang oleh warganegara asing boleh lebih 50% dan sama ada majoriti jemaah pengarah orang asing boleh lebih daripada orang tempatan dan bagaimanakah tentang ekuiti IPTS yang sedia ada dan adakah struktur ekuiti semua IPTS perlu diubah sama ada yang baru atau yang sedia ada atas arahan Menteri?

Dalam seksyen 24(9), dalam bahasa Inggeris, saya ada sedikit kekeliruan iaitu dalam Perenggan 9, "The Registrar General may...". Perkataan "may" itu saya berpendapat sangat 'discretionary' kerana selepas Menteri Pendidikan sudah memberikan kelulusan dalam Bahagian III, jika letak perkataan "may", nampaknya kuasa Ketua Pendaftar lebih besar daripada kuasa Menteri Pendidikan. It should be "shall", dengan izin. Otherwise the Registrar General's power is greater than the Minister.

Itu adalah pandangan saya dan ada dalam seksyen 24(10), "The Registrar General may impose any condition as he may deem necessary upon

registration". Ini pun adalah bercanggah kerana ia nampaknya 'unreasonable' as the Minister has, already imposed condition earlier in Part III, why additional condition? Ini perlu penjelasan.

Seksyen 27, "The Registrar General may refuse to register...", itu adalah sama ada Registrar General lebih kuasa atau Menteri? Sama ada 'refusal to register should be granted to the Minister, not the Registrar General'. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Machang.

5.35 ptg.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed (Machang): Tuan Pengerusi, saya membangkitkan *Fasal 11*. Saya merujuk kepada 11(f).

Tuan Pengerusi, untuk memahami *Fasal 11(f)*, kita mesti membaca *Fasal 11* terlebih awal. "Kelulusan bagi penubuhan institusi pendidikan tinggi swasta tidak boleh diberikan melainkan jika Menteri berpuas hati bahawa..." - (a), (b), (c) seterusnya sampai kepada (f), "melainkan jika tiada seorang pun yang telah disabitkan atas kesalahan yang melibatkan fraud atau ketidakjujuran atau merupakan seorang yang bankrap yang belum dilepaskan—

- (i) memegang jawatan sebagai pengarah, pengurus atau setiausaha atau jawatan atau kedudukan lain yang seumpamanya, jika permohonan dibuat oleh syarikat; atau
- (ii) memegang jawatan sebagai presiden, setiausaha atau bendahari atau jawatan atau kedudukan lain yang seumpamanya, jika permohonan dibuat oleh pertubuhan".

Persoalan saya hendak bangkitkan, mengapa alasan-alasan yang membolehkan seorang Menteri menolak penubuhan institusi swasta hanya dilibatkan kepada pemegang-pemegang jawatan yang ada rekod-rekod mengenai fraud, ketidakjujuran atau bankrap sahaja? Mengapa dihadkan kepada tiga perkara itu sahaja? Kerana kita tahu, hasrat Yang Berhormat Menteri sendiri dan hasrat kerajaan ialah untuk mewujudkan kecemerlangan akademik.

Bagi mewujudkan kecemerlangan akademik, kita mesti mempunyai pentadbir, pensyarah yang berkualiti. Dari segi moralnya tidak dipertikaikan, dari segi kelulusan akademiknya adalah baik. Mengapa kita harus utukkan itu sahaja? Saya berpendapat bahawa adalah lebih baik bagi memastikan kecemerlangan institusi pendidikan kita supaya sebab-sebab yang membolehkan Menteri menolak penubuhan IPT atau pemegang-pemegang jawatan untuk memegang jawatan diluaskan kepada mereka yang melakukan kesalahan moral misalannya.

Saya beri contoh di bawah 11(f) ini, orang yang ditangkap khalwat misalannya, sebagai contoh, tidak berkahwin, orang yang disabitkan di bawah kesalahan-kesalahan enakmen jenayah syariah misalannya di seluruh negara kita mungkin akan terjadi tetapi di bawah Peraturan 11(f), mereka ini tidak dihalang memegang jawatan di dalam IPTS yang akan ditubuhkan. Mengapa kita harus menghadkan kepada tiga kesalahan itu sahaja iaitu melibatkan fraud, ketidakjujuran dan bankrap? Mengapa tidak diperluaskan lagi kepada mereka yang mempunyai latarbelakang moral yang tidak baik bagi menjamin kecemerlangan institusi pendidikan swasta yang akan ditubuhkan nanti? Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada lagi? Kepong.

5.38 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): *Fasal* 3, terutamanya 3(3), "Ketua Pendaftar hendaklah mempunyai kuasa dan menjalankan fungsi yang diberikan kepadanya oleh Akta ini dan sewaktu ketiadaannya kuasa dan fungsi sedemikian bolehlah dipunyai atau dijalankan oleh Timbalan Ketua Pendaftar" dan juga, Tuan Pengerusi, yang berkaitan dengan ini ada *Fasal* 27 mengenai kuasa Ketua Pendaftar IPTS dan juga seterusnya kuasa-kuasa yang diberi kepada Ketua Pendaftar.

Saya setuju bahawa kita mesti mengadakan peraturan yang tetap dan ketat untuk mengawal selia semua IPTS di negara ini. Itu memang perlu kerana kita hendak satu kualiti dan satu standard yang bertaraf dunia. Saya setuju dengan itu.

Walau bagaimanapun, nampaknya kuasa kepada Ketua Pendaftar itu adalah sangat besar. Kalau mengikut peruntukan-peruntukan yang wujud di dalam rang undang-undang ini. Saya tidak nampak bagaimana kalau keputusan yang dibuat oleh Ketua Pendaftar, misalnya untuk menolak sesuatu permohonan untuk kursus, untuk kolej dan sebagainya untuk IPTS kalau ditolak dan sebagainya, tidak ada peruntukan yang boleh membuat rayuan. Kita buat rayuan yang sebenarnya untuk memperbetulkan keadaan.

Misalnya, seorang Ketua Pendaftar bukan seorang insan kamil. Memang mungkin dia ada sentimen dan ada emosi atau apa-apa sebab yang lain yang membuat keputusan yang salah dan apakah peruntukan untuk memperbetulkan keadaan yang tidak betul? Sebab saya sering menyebutkan, bukan sahaja untuk kuasa Ketua Pendaftar, bahkan juga kuasa Menteri kerana kuasa itu membawa kepada rasuah dan kuasa mutlak membawa kepada rasuah

yang mutlak. Itulah hakikat dan kenyataannya. Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat menjawab betul-betul bagaimana kita dapat melakukan keadilan.

Sebab saya setuju dan nampaknya Yang Berhormat Menteri pun menunjukkan hasratnya untuk mengenal dan memberi keadilan kepada IPTS ini. Sekian.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tanjong.

5.43 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Saya akan sebut *Fasal 6* mengenai kelulusan menteri hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum sesuatu institusi pendidikan tinggi swasta boleh ditubuhkan atau diselenggarakan. Yang Berhormat Menteri Pendidikan ada mengatakan bahawa 280 buah IPTS yang ada berfungsi sekarang akan dianggap sebagai sudah didaftar di bawah rang undang-undang ini apabila ia menjadi akta.

Tetapi saya ada kemukakan di dalam ucapan saya mengenai kedudukan permohonan New Era College yang ada dikemukakan dan Yang Berhormat Menteri tidak memberi jawapan dan di bawah peringkat Jawatankuasa ini saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri boleh memberi kedudukan dan pendirian kerajaan mengenai permohonan New Era College yang ada dibuat kepada Kementerian Pendidikan. Sekian.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Menteri minta jawab. Ada lagi ya? Kota Melaka.

5.44 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada *Fasal 11*, juga 11(f). Di sini saya

hendak tahu sejauh manakah selepas Akta ini diwartakan, adakah pihak kementerian akan mengambil tindakan ke atas institusi-institusi pengajian tinggi atau kolej-kolej di mana pihak-pihak yang bertanggungjawab ke atas kolej ini mempunyai latar belakang yang diragukan.

Saya menimbulkan perkara ini kerana saya perhatikan, ada setengah-setengah kolej, sebagai satu contoh, kolej untuk kursus-kursus perundangan di mana di antara kalangan pensyarah-pensyarah kursus perundangan terdiri daripada mereka yang telah digantung keahlian oleh majlis Peguam atau disbarred, dengan izin. Adakah keadaan sedemikian akan dibenarkan oleh pihak kementerian kerana kalau ini dibenarkan, saya rasa ini akan memberikan satu tanggapan yang tidak berapa sihat?

Kalau seseorang pensyarah sedemikian boleh memberikan syarahan kepada pelajar-pelajar, saya rasa ini tidak akan membentuk peguam-peguam yang memberi nilai-nilai yang kita kehendaki dalam sistem perundangan kita. Dengan itu, saya harap perkara ini boleh diterangkan oleh pihak Yang Berhormat Menteri kerana perkara ini lazim berlaku di kolej-kolej yang sedia ada sekarang.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, ada satu lagi.

5.45 ptg.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau): Tuan Pengerusi, sedikit sahaja. Ini mengenai setengah istilah dan juga ejaan yang digunakan seperti "fee" dalam mukasurat 16 dan di merata tempat lain. "Natural" - ini dalam bahasa Malaysianya. "Kensel" "mengkensel" dan sebagainya. Saya

ingin penjelasan sama ada istilah-istilah fee, natural, mengkensel dan mengendorse dan sebagainya. Ini diterima sebagai Bahasa Malaysia yang standard. "Standard" dalam ini maknanya sudah pun jadi standard. Itu sahaja, terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.46 ptg.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Pengerusi, pertamanya, Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah telah bertanya tentang ekuiti dan kedudukan, terutamanya IPTS akan datang dan keduanya IPTS yang ada sekarang.

Dari segi syarat ekuiti IPTS yang sedia ada, tidak ada perubahan dari segi ekuiti sebab dengan adanya rang undang-undang baru ini, semua yang sudah diberi kelulusan dianggap sudah berdaftar. Itu dari segi ekuiti. Namun, menteri ada kuasa untuk menguatkuasakan beberapa peruntukan dalam rang undang-undang ini. Umpamanya, dari segi bahasa pengantar dan juga dari segi pendidikan Malaysian Studies dan Pendidikan Islam dan Moral.

Jadi, peruntukan yang penting boleh dikuatkuasakan sebagai tambahan, tetapi dari segi ekuiti, kita sudah anggap yang sudah berdaftar dan diberi kelulusan, ekuiti yang sedia ada kekal. Dan akan datang, apakah dasar itu akan kita tentukan secara pentadbiran dan kita akan umumkan dari masa ke semasa.

Tuan Pengerusi, tidak ada percanggahan di antara kuasa "Ketua Pendaftar" dan kuasa "Menteri" sebab kuasa "Menteri" ialah kuasa kelulusan, walhal kuasa Pendaftar ialah kuasa mendaftar dan kuasa pendaftaran itu tidak menyentuh kuasa yang telah

diberikan kepada "Menteri" dan pendaftaran itu tidak tertakluk kepada beberapa syarat-syarat yang ditentukan dan kalau syarat-syarat itu sudah terpakai ataupun dapat dipenuhi, maka tidak ada sebab mengapa sesuatu permohonan itu tidak akan didaftarkan.

Tetapi kalau Menteri sudah lulus, ada syarat, tetapi syarat tidak dipenuhi, maka Ketua Pendaftar tidaklah seharusnya diwajibkan mendaftar sesuatu permohonan yang tidak memenuhi segala-gala syarat. Jadi, tidak ada percanggahan di antara kuasa Ketua Pendaftar dan kuasa Menteri.

Ahli Yang Berhormat dari Machang telah menyebut tentang peruntukan kesalahan-kesalahan yang disebutkan dalam *Fasal 11(f)*. Ini sebenarnya merupakan kesalahan-kesalahan yang khusus. Sebenarnya, kalau hendak masuk segala kesalahan, terlalu luas dan tidak praktikal hendak dimasukkan di dalam rang undang-undang ini. Kita boleh fikir segala-gala kesalahan manusia, pun akan menimbulkan banyak kerumitan kalau kita hendak masukkan segala kesalahan manusia dalam rang undang-undang ini. Jadi, dari segi untuk menentukan kelayakan, moral baik, akhlak baik, itu semua kita boleh tentukan dari segi pentadbiran, secara administrative sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah menyebut tentang permohonan New Era College. Permohonan ini tidak boleh saya tentukan dalam Dewan ini sebab permohonan New Era College ini sama seperti permohonan yang lain, akan kita tentukan secara pentadbiran, tertakluk kepada peruntukan di dalam rang undang-undang ini.

Ahli Yang Berhormat dari.....

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tanjong bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Sungguhpun begitu, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan kenapa permohonan ini ambil masa yang begitu panjang? Apa sebabnya? Tentu ada sebab sampai sekarang yang menyebabkan masa begitu panjang untuk memproseskan permohonan ini.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Pengerusi, kita mengambil masa proses sebab satu permohonan seperti New Era College ini banyak implikasinya terutama sekali dari segi bahasa pengantar dan sebagainya. Sebab itulah kita memerlukan masa yang lama untuk mengkaji permohonan itu.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah mengatakan bahawa kuasa Ketua Pendaftar terlalu luas. Sebenarnya kuasa Ketua Pendaftar itu perlu sebab kita hendak pastikan bahawa IPTS ini berjalan dengan betul, sebab ini merupakan suatu institusi yang sangat penting dan kita mesti anggap bahawa kedudukan IPTS ini mesti diberi perhatian yang serius oleh pihak kerajaan. Sebab itu kita beri kuasa, tetapi keputusan Ketua Pendaftar itu tidak muktamad. Maknanya rayuan boleh dibuat kepada menteri dan selepas rayuan dibuat, keputusan menteri adalah muktamad.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan. Hanya saya tengok daripada pengeluaran permit mengajar di *Fasal 51(6)* yang disebutkan dengan terang:-

“51. (6) Seseorang yang terkilan dengan keputusan Ketua Pendaftar-

- (a) menolak permohonan itu; atau
- (b) mengenakan syarat atas permit itu.

boleh merayu kepada Menteri dalam masa dua puluh satu hari daripada diberitahu tentang keputusan yang terhadapnya rayuan dibuat.”

Tetapi yang lain tidak ada. Saya nampak walaupun Yang Berhormat sebutkan tadi. Saya tidak mempertikaikan, kita mesti mengawal selia dengan baik. Walau bagaimanapun, mungkin kita buat keputusan yang salah. Kalau itu yang salah, apakah saluran untuk memperbetul kesalahan tersebut? Kecuali *Fasal 51(6)*, saya tengok *Permit Mengajar*.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Pengerusi, kalau Ahli Yang Berhormat melihat kepada *Fasal 24(11)*:

“24. (11) Institusi pendidikan tinggi swasta yang terkilan dengan keputusan Ketua Pendaftar—

- (a) menolak permohonan pendaftar; atau
- (b) mengenakan apa-apa syarat di bawah subseksyen (10),

boleh merayu kepada Menteri, dalam masa dua puluh satu hari diberitahu tentang keputusan yang dirayu itu.”

Jadi, sudah cukup peruntukan di sini kalau sekiranya tidak puas hati dengan rayuan atau keputusan yang dibuat oleh Ketua Pendaftar.

Tuan Pengerusi, begitu juga dengan *Fasal 11(f)*, kita memang boleh meneliti kredibiliti setiap pensyarah di IPTS termasuklah mereka yang sudah digantung keahliannya oleh Majlis Peguam tetapi kita kena siasat satu persatu apa sebabnya. Kadang-kadang pengantungan itu mungkin sudah pun sampai masanya dikaji semula, maka dalam keadaan seperti itu kita akan lihat, dengan izin, the merit of each case.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, adakah kriteria yang sama akan dipakai ke atas mereka yang didapati bersalah di luar negara kerana terdapat di mana pensyarah-pensyarah tertentu terpaksa berkhidmat di sini kerana mereka tidak disukai di luar negara kerana membuat kesalahan ke atas undang-undang di luar negara, tetapi mereka masih terus dibenarkan mengajar di sini?

Saya tahu di Parlimen, kita ada seorang Ahli Yang Berhormat dari Batu, sungguhpun dia didapati bersalah di Singapura, tetapi dia masih boleh menjadi Ahli Parlimen. Adakah keadaan sedemikian akan dibenarkan di institusi pengajian tinggi swasta di negara kita?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Pengerusi, kesalahan di luar negeri tetap kesalahan di luar negeri tetapi kita akan lihat sebagaimana saya katakan bahawa the merit of each case, dengan izin, dan kita akan membuat keputusan secara pentadbiran.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau telah menyentuh tentang mengapa terlalu banyak istilah yang berbau bahasa asing digunakan dalam rang undang-undang ini. Sebenarnya, saya secara peribadi pun tidak berapa seronok dengan peruntukan yang menggunakan terlalu banyak istilah yang dipinjamkan daripada bahasa Inggeris. Tetapi masalah sekarang ini ialah bahawa usaha untuk mencari istilah yang sesuai. Ini bukan sahaja Rang Undang-undang Pendidikan tetapi semua rang undang-undang sekarang ini banyak menggunakan istilah yang dipinjamkan daripada bahasa Inggeris. Setengah daripada perkataan itu telah pun dimasukkan ke dalam Kamus Dewan, juga istilah yang digunakan ialah istilah yang telah diterimapakai sebagai istilah undang-undang yang sah. Tetapi saya ingin juga mengesyorkan supaya perkara ini

terus dikaji sebab ada juga pendapat yang mengatakan misalnya kenapa tidak boleh digunakan "yuran"-mesti gunakan "fee". Kenapa tidak boleh gunakan "batal" - gunakan "kensel" dan sebagainya. Ini sesuatu perkara yang kita dalam kementerian pun masih berdebat dengan pihak Peguam Negara dan saya harap perkara ini boleh dicari satu jalan penyelesaian. Ha, ada peguam.

Tuan Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Pengerusi, minta penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Menteri. Perkataan-perkataan dan Istilah yang digunakan dalam akta ini akan menjadi satu precedent. Saya ingin minta penjelasan bahawa mengikut apa yang kita tahu, Dewan Parlimen adalah satu badan yang tertinggi, dan tidak draftsmen, mereka ini hanya untuk membuat satu draf, dan sesuatu interpretasi yang selalu apabila hakim membuat sesuatu keputusan, mereka perlu memikirkan dari segi "apakah sebenarnya tujuan dan kehendak Parlimen"? Ini 'spirit'nya. Dalam konteks ini, Tuan Pengerusi, izinkan saya bertanya kepada Yang Berhormat Dato' Menteri, apa cara kita hendak mengatasi masalah ini dari segi istilah yang digunakan dan interpretasi ini?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Pengerusi, elok kita serah perkara ini secara pentadbiran. Kalau kita pinda di dalam Dewan ini, memang benarlah Dewan ini Dewan kuasa tertinggi, sebab ada implikasi dari segi perundangan. Sebab tafsiran dari segi bahasa biasa lain dari tafsiran perundangan. Jadi, kalau perkara ini pergi ke mahkamah nanti, tafsiran dari sudut perundangan itu berbeza dengan tafsiran biasa dari segi bahasa. Jadi, inilah yang kita hendak samakan supaya ada istilah dan perkataan biasa itu boleh juga digunakan dalam konteks perundangan negara. Jadi, debat ini masih berjalan di antara kementerian-kementerian dan pihak Peguam Negara.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Fasal-fasal 1 hingga 40 jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 1 hingga 40 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 41

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kota Melaka.

5.57 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membuat satu cadangan bahawa *Fasal 41(3)(a)* Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 dipinda dengan menambahkan selepas perkataan "bahasa Inggeris" perkataan "atau Mandarin ataupun bahasa-bahasa lain" dan Fasal yang dipinda adalah dibaca seperti berikut:

"(a) mengendalikan suatu kursus pengajian atau sebahagian yang substansial suatu kursus pengajian dalam bahasa Inggeris atau Mandarin ataupun bahasa-bahasa lain;"

Tuan Pengerusi, saya buat cadangan ini kerana saya rasa kalau kerajaan benar-benar serius dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini, ia mestilah mengamalkan satu dasar pengajian yang liberal dan menggalakkan pelbagai kursus dalam pelbagai bahasa. Ini adalah kerana dalam satu pusat kecemerlangan pendidikan yang tinggi tidak ada sekatan dalam alam pengajian. Sebagai contoh universiti di Rome dan Vatican di negara Itali mempunyai satu pusat pengajian Islam yang ternama di dunia sungguhpun Rome dan Vatican merupakan ibu pejabat agama Katholik di dunia.

Oleh itu, tidak ada sebab mengapa kuasa Menteri menghadkan bahasa pengantar kepada bahasa Inggeris sahaja selain daripada bahasa Malaysia. IPTS yang inginkan penggunaan bahasa pengantar dalam bahasa lain seperti Mandarin ataupun Jepun harus dibenarkan. Malah penggunaan bahasa Mandarin ataupun Jepun mempunyai faedah ekonomi untuk negara Malaysia. Negara China kelak merupakan pasaran perdagangan terbesar di dunia dan tiga dari empat buah negara membangun yang mencapai status negara maju iaitu negara Hongkong, Taiwan dan Singapura menggunakan bahasa Mandarin dengan meluas. Di samping itu, negara Jepun merupakan kuasa ekonomi yang paling penting di dunia. Malahan di negara kita, Jepun merupakan pelabur terbesar. Justeru itu, tidak ada sebab mengapa bahasa pengantar dalam bahasa Mandarin atau Jepun ataupun bahasa-bahasa lain tidak boleh dibenarkan. Lagi pun Kerajaan Barisan Nasional bermoral untuk membenarkan penggunaan bahasa pengantar dalam bahasa Mandarin seperti Kolej New Era yang dikendalikan oleh Dong Jiao Zhong.

Dalam pilihan raya besar yang lepas, parti MCA telah menaburkan janji bahawa pendaftaran Kolej New Era ini akan diluluskan. Akan tetapi sehingga hari ini, janji ini masih tinggal kosong. Jika Menteri Pendidikan hanya berkuasa meluluskan bahasa pengantar dalam bahasa Inggeris sahaja selain daripada bahasa Malaysia, maka MCA akan mengkhianati janjinya kepada masyarakat Cina selama-lamanya.

Oleh itu, Tuan Pengerusi, saya harap penggunaan bahasa pengantar dalam bahasa Mandarin untuk Kolej New Era tidak bermakna, tidak memelihara kedudukan dan martabat Bahasa Kebangsaan. Kalau Rome dan Vatican boleh menjadi salah satu pusat pengajian penting dalam agama Islam, ini tidak

bermakna Rome dan Vetican tidak memelihara kedudukan agama Kristian. Yang penting ialah dasar liberal yang dapat menggalakkan dan mengawal selia perkembangan institusi pendidikan tinggi swasta supaya menyumbang kepada pembangunan sumber manusia di negara ini serta menjadikan Malaysia negara maju menjelang tahun 2020. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekejap Kepong, saya kena kemukakan. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya adalah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi terbuka untuk dibahas. Ya, Kepong.

6.01 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, saya bercakap pendek sahaja. Saya sokong cadangan Yang Berhormat dari Kota Melaka kerana ini memang dasar DAP ialah untuk penggunaan bahasa dengan lebih liberal. Ini tidak bermakna kita tidak mementingkan bahasa Malaysia. Yang Berhormat boleh tengok sendiri, kita sangat mementingkan bahasa Malaysia, bukan sahaja mementingkan kita sendiri baca akhbar jawi tiap-tiap hari juga (*sambil menunjukkan senaskhah surat khabar jawi*)(Ketawa). Tiap-tiap hari.

Beberapa Ahli: (Menyampuk)

Dr. Tan Seng Giaw: Dan tidak banyak Ahli Yang Berhormat di sebelah situ baca. saya tahu! Bukan saya hendak menuduh Yang Berhormat, bukan. Cuma hendak memperingatkan bahawa cadangan kami untuk meliberalkan dasar ke atas bahasa sambil kita memperkuatkan usaha untuk meningkatkan martabat bahasa Malaysia, kita memberi peluang untuk bahasa-bahasa lain termasuk kursus di dalam bahasa Mandarin. Itu satu langkah yang betul

kerana mungkin lain kali orang di rantau ini ataupun dari negara-negara lain yang hendak masuk ke negara ini untuk IPTS dengan pengajian Mandarin dan sebagainya. Ini satu peluang bagi mereka.

Mungkin kita ada pengajian Jepun juga bagi mereka boleh masuk ke Malaysia mempelajari bahasa Jepun ataupun pengajian Jepun di negara ini. Itu maksud kita, bukan maksud chauvinist atau maksud ras atau kaum. Ini untuk kebaikan sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sekejap Yang Berhormat, kita ada usul ya. Majlis bersidang semula.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

6.03 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbahasan Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini dan selepas itu Majlis akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah usul seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbahasan Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini dan selepas itu Majlis akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Perbahasan disambung semula.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, sila.

6.04 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman (Parit Buntar): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk menentang cadangan pindaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sebab

walaupun apa yang dijelaskan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi mengatakan tujuan pindaan ini hanyalah untuk membolehkan orang belajar bahasa Mandarin, sebenarnya pada hakikatnya, tujuannya ialah untuk memperkenalkan bahasa Mandarin sebagai salah satu daripada bahasa pengantar.

Ini saya rasa bukan sahaja bertentangan dengan hasrat Dasar Pelajaran Kebangsaan kita, tetapi juga mungkin ultra virus dengan Peruntukan 152 Perlembagaan. Sesungguhnya seperti mana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri di bawah reformasi pendidikan ini, kita telah banyak mengliberalkan pendidikan, jadi apa yang diminta dalam cadangan pindaan ini saya rasa agak berlebihan.

Jadi, dengan itu kita tidak dapat menyokong cadangan ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada lagi yang hendak bahas? Minta Yang Berhormat Menteri menjawab. Ada lagi? Ya Tanjong.

6.06 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat Menteri Pendidikan boleh memberi pendirian kerajaan mengenai ucapan tadi bahawa kalau pindaan ini dibuat, ia mungkin ultra virus dan menentang Artikel atau Perkara 152 Perlembagaan. Sama ada ini adalah pandangan kerajaan oleh kerana ini sangat anih. Kalau begitu sebenarnya SRJK (Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan) sama ada Tamil atau Cina, semua menentang Perkara 152 Perlembagaan.

Ini tidak patut menjadi satu sebab untuk menentang cadangan ini oleh kerana ini satu perkara yang serius

sama ada sebenarnya menentang Artikel 152 dan kalau begitu Rang Undang-undang ini pun menentang Artikel 152 oleh kerana akan memperuntukkan bukan sahaja bahasa Malaysia tetapi bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Dan kenapa Yang Berhormat tadi dan rakan-rakan beliau semua setuju? Dan ini bukan alasan kita boleh menerima, satu alasan yang patut diketepikan, satu alasan yang sangat sempit dan tidak selaras dengan satu pandangan yang luas. Semacam kita mahu visi 2020, ini visi 1919. Dan saya berharap bahawa dalam perkara ini kita boleh dapat satu penjelasan yang tepat daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, minta jawab.

6.07 ptg.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Pengerusi, saya tidak mahu masuk dalam perdebatan sama ada ini bertentangan dalam Artikel 152 Perlembagaan ataupun tidak sebab perkara ini adalah perkara yang ditentukan oleh mahkamah. Apa yang saya hendak nyatakan bahawa soal pokoknya adalah soal Dasar Pelajaran Kebangsaan sudah jelas bahawa dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan bahasa pengantar utamanya ialah Bahasa Kebangsaan dan sebab itulah maka cadangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu tidak dapat diterima oleh kerajaan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia sudah habis. Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Sudah Habis.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia sudah habis.

Tuan Lim Kit Siang: (*Menyampuk*).

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Habis dah. Cukup.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak wind up.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Jawatankuasa ya.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak gulung.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dalam jawatankuasa. Kita dalam jawatankuasa, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Boleh.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, oleh itu saya hendak bertanya, kalau sedemikian, memang kita bersetuju dan kita menyokong pendirian bahawa bahasa pengantar utama ialah Bahasa Kebangsaan atau bahasa Malaysia tetapi kalau membenarkan sesebuah institusi pendidikan menggunakan bahasa pengantar dalam bahasa lain sama ada bahasa Inggeris, bahasa Arab atau bahasa Mandarin, ini tidak bermakna bahawa kedudukan dan martabat Bahasa Kebangsaan telah ditidakkan.

Ini tidak bermakna kedudukan mereka telah ditidakkan. Ini sangat penting, tetapi kalau kita hendak sebuah suasana di mana terdapat alam pendidikan yang cemerlang menggalakkan kepelbagaian bahasa dan kursus, saya rasa kita patut benarkan, kalau kerajaan tidak mahu galakkan, benarkan. Oleh itu saya rasa, kalau ini tidak diluluskan saya tidak nampak macam mana kerajaan akan membenarkan permohonan Kolej New Era untuk

didaftarkan dan ini bermakna bahawa MCA bohong masyarakat Cina, menipu masyarakat Cina kerana telah berjanji bahawa ia akan didaftarkan semasa pilihan raya besar.

Saya rasa MCA patut menyatakan pendirian mereka. Sokong atau tidak? Jangan sunyi, jangan duduk sahaja, bila perkara ini dibawa, angkat tangan tetapi di luar cakap berlainan. Saya harap Yang Berhormat Menteri akan faham bahawa di kalangan masyarakat Cina, MCA telah berjanji bahawa perkara ini telah diluluskan tetapi sekarang kita tengok berlainan pula. Sekian.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Pengerusi, dalam pilihan raya.....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ada lagi satu, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: (*Menyampuk*)

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tidak ada, saya habis dah. Saya jawab sekali.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, sebenarnya permintaan ini ada bersangkutan-paut tepat dengan satu perkara yang saya ada bangkit dan saya hendak tanya pada Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengenai kedudukan permohonan New Era College dan Yang Berhormat Menteri kata bahawa perkara sedang dalam proses permohonan dan akan diputuskan melalui pentadbiran. Ia mengambil masa yang begitu lama oleh kerana implikasinya, antaranya ialah bahasa pengantar, antaranya ialah bahasa Mandarin.

Soalan yang saya mahu tanya diharap Yang Berhormat Menteri boleh jawab ialah, adakah dalam rang undang-undang ini di mana New Era College yang mahu mengguna pengantar selain dari Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris

ialah bahasa Mandarin dilarang daripada diwujudkan atau ada ruangan di dalam rang undang-undang ini, di mana permohonan ini boleh diluluskan? Ini adalah soalan yang tepat dan saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri boleh memberi satu jawapan yang tepat.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka hendak cari political mileage, hakikatnya MCA mendapat kepercayaan kaum Cina jauh lebih baik daripada DAP. (*Tepuk*)

Berkenaan dengan New Era College, ini akan kita tentukan secara pentadbiran berasaskan kepada peruntukan yang diberikan dalam rang undang-undang ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, boleh?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang: Di bawah peringkat Jawatankuasa, saya ada hak berdiri 10 kali atau 20 kali.....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang: baca Peraturan Mesyuarat.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, belum jawab.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Menteri sudah habis jawab.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak, itu pentadbiran

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dalam Jawatankuasa memang boleh.....

Tuan Lim Kit Siang: Kalau begitu saya boleh balik lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau pindaan ini ditolak, kita boleh balik Fasal yang sama.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Baik.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kita berbahas mengenai Fasal, memang boleh dibangkit lebih daripada sekali, tetapi.....

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, sekarang ialah pindaan.....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sudah habis.

Tuan Lim Kit Siang: Sekarang ialah keputusan mengenai pindaan kepada Fasal 41.....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kita kena kemuka untuk diputuskan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, selepas itu kita perlu meluluskan Fasal 41 lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Masa itu saya akan berdiri untuk bertanya.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tetapi bukan berkaitan pindaan yang dicadangkan, berkaitan Fasal 41?

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai Fasal itu, ya - sama, perkara yang sama boleh dibangkitkan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dikemukakan untuk dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Fasal 41 sekali lagi terbuka untuk dibahas.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, Tuan Pengerusi. Kita tidak boleh kata serahkan isu-isu yang pokok kepada keputusan pentadbiran, kalau begitu kenapa ada Dewan yang mulia ini? Kita buat dasar sama ada benar atau tidak benar, di mana satu maktab, bahasa pengantar selain daripada Bahasa Malaysia, selain dari bahasa Inggeris, bahasa yang lain. Adakah ruang di mana ia boleh diluluskan? Saya rasa Yang Berhormat Menteri sampai sekarang sangat baik dalam prestasinya, tetapi jikalau dalam isu ini dia lari daripada jawapan dan kata "inilah keputusan pentadbiran", ini bukan sahaja tidak betul, tetapi tidak jujur. Apa yang kita mahu di sini ialah untuk membuat keputusan, membuat undang-undang.

Saya mahu tanya sama ada di dalam rang undang-undang ini ada ruang di mana satu kolej seperti New Era College boleh dibenarkan. Yang pertama, tidak boleh kata "tengoklah apa proses pentadbiran dibuat", di bawah undang-undang adakah ruang atau tidak ada ruang? Kalau tidak boleh jawab, ini bererti bahawa dalam pandangan Yang Berhormat Menteri ia tidak akan dibenarkan.

Di sini saya mahu sebut Fasal 92 mengenai kuasa menteri untuk mengecualikan apa-apa syarat yang ada, bahawa mengecualikan institusi pendidikan tinggi swasta daripada mana-mana peruntukan akta ini dan kalau begitu, apa itu tafsiran? Kita mahu tanya tafsiran Yang Berhormat Menteri. Tidak boleh Yang Berhormat Menteri kata "tidak ada tafsiran", tentu kerajaan ada satu tafsiran, tidak boleh datang ke sini 'tengoklah apa Peguam Negara akan cakap esok'. Apakah kedudukan hari ini? Sungguhpun pindaan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka ditolak, tetapi apabila baca Fasal 41 dan Fasal 92 sama ada ada ruang di mana permohonan New Era College boleh dibenarkan untuk menggunakan bahasa pengantar selain daripada Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris boleh digunakan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Fasal 41(4), berbunyi:

"41(4) Jika mana-mana kursus pengajian atau sebahagian yang substansial mana-mana kursus pengajian di mana-mana institusi pendidikan tinggi swasta dikendalikan dalam bahasa Inggeris atau Arab, bahasa kebangsaan hendaklah diajarkan sebagai mata pelajaran wajib bagi pelajar yang mengikuti kursus pengajian sedemikian dalam bahasa itu."

Tuan Pengerusi, apakah salahnya kalau kita kata dikendalikan dalam bahasa Inggeris atau Arab atau Mandarin atau Jepun.....

Beberapa Ahli: Salah!

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana salah, Tuan Pengerusi. Bahasa Inggeris atau Arab atau bahasa yang lain, Bahasa Kebangsaan hendaklah diajarkan sebagai mata pelajaran wajib. Apa salahnya, tidak semestinya kalau kita menghalang bahasa yang lain, martabat Bahasa Malaysia itu akan meningkat, tidak semestinya. Ada faktor-faktor yang lain termasuk faktor mutu guru bahasa yang tidak begitu tinggi, bukan semua mutu bahasa yang tinggi, sebab ada maktab perguruan itu, bukan segalanya yang begitu berkesan untuk mengeluarkan guru-guru Bahasa Malaysia yang mutunya tinggi. Ini adalah satu kajian yang hendak dibuat, kalau kita hendak meningkatkan martabat Bahasa Malaysia. Inilah menunjukkan masalah juga.

Tuan Pengerusi, saya hendak jawapan Yang Berhormat Menteri, apakah salahnya, kalau kita gunakan, masukkan bahasa Mandarin atau bahasa Jepun atau yang lain, tetapi Bahasa Kebangsaan diwajibkan. Apakah salahnya?

Tuan Pengerusi, saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat jawab.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Diminta Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Pengerusi, saya sudah jawab bahawa bahasa pengantar utama ialah Bahasa Kebangsaan. Kalau hendak belajar bahasa lain boleh sebagai mata pelajaran, hendak belajar bahasa Jepun - boleh, hendak belajar mata pelajaran bahasa Mandarin pun boleh, tetapi bahasa pengantar utama ialah Bahasa Kebangsaan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, di sini dikendalikan dalam bahasa Inggeris atau Arab - itu boleh, tetapi bahasa yang lain tidak boleh. Inilah masalahnya.

Puan Aionon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada lagi ya, Sila.

Puan Aionon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Pengerusi, saya ingin hendak beri response sedikit kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang telah bertanya apa salahnya. Jadi, saya minta Ahli Yang Berhormat dari Kepong supaya menghayati setiakawan dan semangat perlembagaan kita. Bahasa Inggeris ini saya fikir tidak salah, sebab bahasa Inggeris merupakan bahasa pengantar yang paling utama di seluruh dunia, berbanding dengan bahasa-bahasa lain.

Berkenaan dengan bahasa Arab pula. Bahasa Arab ialah bahasa agama Islam yang menjadi Agama Rasmi di negara kita. Jadi, kenapa pula itu yang salah. (*Tepuk*) Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat, dia salah tafsir. Memang salah tafsir.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ada yang hendak ambil bahagian. Tak payahlah jawab. Tak kena pada Peraturan. Ada yang hendak ambil bahagian dalam Fasal 41.

Tuan Noh bin Omar: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin respon juga dengan pandangan, bagi saya pandangan yang kurang luas daripada Yang Berhormat dari Kepong. Saya hendak beri tengok daripada konsep perpaduan rakyat dalam negara ini. Secara teori kalau kita terima cadangan daripada Kepong, ada kemungkinan rakyat di Malaysia ini tak pernah langsung menerima pendidikan dalam semangat kebangsaan.

Sebagai contoh, kalau seorang murid daripada sekolah tadika hendak masuk SRJK, kemudian dia masuk ke sekolah menengah yang dikendalikan bukan oleh kerajaan. Kemudian bila dia masuk ke universiti, kalau ada aliran Mandarin, dia akan masuk ke aliran Mandarin. Masa bila dia hendak bercampur-gaul ataupun hendak menerima dan memahami dasar-dasar negara?

Dr. Tan Seng Giaw: Soal dibangkitkan tak timbul. Mereka terpaksa mempelajari Bahasa Malaysia, tak boleh dielakkan, kerana mereka warganegara Malaysia, mesti mempelajari Bahasa Malaysia. Soal ini tidak timbul langsung. Bahkan juga bahasa Arab pun, saya suka abjad Arab. Itu bukan satu masalah. Cuma saya tanya, saya tengok di sini kalau bahasa Inggeris itu bahasa paling meluas, tetapi bahasa yang disebutkan, yang digunakan oleh paling banyak orang ialah bahasa Mandarin di dunia ini, 1.2 bilion. Bahasa Inggeris mungkin 500 juta.....

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat bangun hendak minta jalan atau penjelasan?

Dr. Tan Seng Giaw: Jangan kita mempertikaikan bilangan. Jangan.

Puan Aionon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ada yang bangun hendak minta penjelasan, hendak beri atau tidak?

Puan Aionon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang mana satu, Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Saya beri perempuan dahulu, kemudian lelaki.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Pengerusi, saya ingin menjawab. Bila saya kata bahasa perantaraan yang terkemuka, bermakna digunakan di seluruh dunia sebagai bahasa perantaraan. Bukannya bahasa yang dicakapkan di dalam sesuatu kontinen, di dalam sesuatu negeri. Ini ialah bahasa antarabangsa, di mana bahasa Inggeris diakui sebagai bahasa antarabangsa. Itu maksud saya.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Tuan Pengerusi, saya cuma ingin penjelasan. Yang Berhormat dari Kepong kata tadi kenapa bahasa Inggeris dan Arab. Sebenarnya kalau kita baca peruntukan itu baik-baik, bahasa Arab itu disebut bukan sebagai satu bahasa pengantar, cuma sebagai bahasa pengajaran agama Islam. Jadi, tidak ada pun dalam rang undang-undang ini menyebut kita boleh ajar Geography, History dalam bahasa Arab. Bahasa pengantar yang dibolehkan ialah Bahasa Malaysia ataupun bahasa Inggeris. Bahasa Arab hanyalah sebagai satu bahasa untuk mengajar agama, bukan sebagai satu bahasa pengantar.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Kepong minta pendekkan ucapan.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak pendekkan, cuma saya nampak kedua-dua Ahli Yang Berhormat itu keliru sedikit. Dengan semangat.....

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada yang bangun lagi. Yang Berhormat. Timbalan Menteri bangun. hendak minta penjelasan?

Dr. Tan Seng Giaw: Gerik pula. Gerik tidak ada kena-mengena dengan bahasa.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya Yang Berhormat dari Kepong sama ada beliau sedar atau tidak, tadi Yang Berhormat daripada pihak pembangkang ada mengatakan seolah-olah Menteri takut hendak menjawab, MCA takut. Tetapi kita hendak mengenai Angkatan Perpaduan Ummah (APU), mana wakil PAS dan S.46 saya cari-cari tak nampak. Apabila DAP membangkitkan masalah bahasa, PAS dan S.46 tidak ada dalam Dewan ini. Bermakna bahawa mereka ini pergi kepada rakyat mengatakan mereka bersatu, tetapi bila sampai masanya DAP keseorangan, PAS dan S.46 lari tinggal Dewan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Gerik tidak tahu. APU tidak kena-mengena dengan DAP. Apa kena-mengena kalau saya kata Fasal 41(4) sila jelaskan Yang Berhormat Menteri, apa kena-mengena dengan APU.

Dato' Hon Choon Kim: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ada yang hendak bangun lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tunggu sekejaplah. Kalau dia hendak terangkan mengenai New Era College, kita boleh benarkan. Apakah hendak terangkan sekarang?

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih Yang Berhormat dari Kepong beri peluang kepada saya. Saya cuma hendak bertanya sedikit. Dalam soal bahasa ini, saya nampak Yang Berhormat dan rakan-rakan Yang Berhormat dari DAP cukup hipokrit. Apabila kita bahas Rang Undang-undang Pendidikan 1995, Yang Berhormat senyap apabila rakan S.46 dan juga PAS cadangkan supaya sekolah SRJK(C) ditutup.

Jadi, Yang Berhormat dan rakan-rakan senyap. Yang Berhormat dari Kota Melaka pun senyap. Ini menunjukkan Yang Berhormat cukup hipokrit. *(Tepuk)*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Seremban buang masa sahaja, kerana kemunafikan di dalam kempen pilihan raya dia memperjuangkan New Era College. Tetapi di dalam Dewan yang mulia ini, dia mengecut.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya ingat cukuplah, saya tak mahu beri masa lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya memang kata cukup.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Fasal 41 cukuplah, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya mengakur kepada Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya.....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, baiklah. Saya minta Yang Berhormat Menteri menerangkan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Duduklah!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Menteri, ada apa-apa yang hendak ditambah?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Munafik.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tidak ada apa yang hendak ditambah. Yang Berhormat. Cerita kosong yang banyak.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: DAP munafik.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Menteri ada apa-apa tambahan?

Fasal 41 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang undang-undang.

Fasal 42—

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Pengerusi, saya mohon membuat cadangan supaya Rang Undang-undang ini dipinda dalam Fasal 42 dengan menggantikan perkataan "subseksyen 38(1) dalam sub-fasal (1)" dengan perkataan "perenggan 41(3)(a)" sebagaimana kertas pindaan yang telah diedarkan terlebih dahulu.

(Kertas pindaan adalah seperti berikut):

Rang Undang-undang ini adalah dipinda dalam fasal 42, dengan menggantikan perkataan "subseksyen 38(1)" dalam subfasal (1) dengan perkataan "perenggan 41(3)(a)".

HURAIAN

Pindaan fasal 42 bertujuan membetulkan rujukan yang salah.

(English Translation are as follows)

This Bill is amended in clause 42, by substituting for the words "sub-section 38(1)" in subclause (1) the words "paragraph 41(3)(a)".

EXPLANATORY STATEMENT

The amendment to clause 42 seeks to correct a wrong cross-reference.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah seperti yang dicadangkan terbuka untuk dibahas.

(Tiada Perbahasan)

Masalahnya ialah pindaan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Rang Undang-undang ini adalah dipinda dalam fasal 42, dengan menggantikan perkataan "subseksyen 38(1)" dalam subfasal (1) dengan perkataan "perenggan 41(3)(a)".

(English Translation are as follows)

This Bill is amended in clause 42, by substituting for the words "subsection 38(1)" **in subclause (1)** the words "paragraph 41(3)(a)".

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Fasal 42 terbuka sekali lagi untuk dibahas.

(Tiada Perbahasan)

Fasal 42 sepertimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 43 hingga 46 -

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila, Bandau.

6.30 ptg.

Dr. Maximus Johnity Ongkili (Bandau): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh kepada Fasal 43 (1) hingga (3) dan minta penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi, dalam Fasal ini subseksyen (1) menyenaraikan mata-mata pelajaran yang wajib iaitu Pengajian Malaysia dan pengajian yang berhubungan dengan pengajaran Agama Islam bagi pelajar yang menganut Agama Islam dan Pendidikan Moral bagi pelajar bukan Islam.

Tuan Pengerusi, yang saya ingin menyentuh di sini ialah di dalam Fasal 43(3) di mana kelulusan dalam mata-mata pelajaran ini adalah dijadikan sebagai prasyarat bagi penganugerahan sijil diploma atau ijazah institusi pendidikan tinggi swasta.

Tuan Pengerusi, jadi, saya ingin bertanya kepada pihak menteri, sebab saya berpendapat bahawa ini begitu severe, begitu ketat sekali di mana mata pelajaran khususnya mata pelajaran misalnya Fasal 43(1)(c)-Pendidikan Moral bagi pelajar bukan Islam, dijadikan sebagai prasyarat kelulusannya dijadikan sebagai prasyarat bagi penganugerahan sijil diploma atau bagi pendidikan tinggi swasta.

Jadi, saya berpendapat syarat ini begitu ketat sekali dan juga kalau dibandingkan dengan di peringkat Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di mana syarat-syarat seperti ini tidak dikenakan sepertimana kita sedia maklum khususnya bagi mata pelajaran-mata pelajaran ataupun kursus berasaskan kepada sains. Saya sangat terperanjat nanti apabila pelajar-pelajar di IMC tidak dapat menerima penganugerahan sijil diploma mereka kerana mereka tidak lulus dalam mata pelajaran-mata pelajaran ini.

Saya ingin bertanya kepada pihak menteri, apakah alasan ataupun rasional di sebaliknya peruntukan ini? Sebab jikalau kelulusan dalam mata pelajaran-mata pelajaran ini dijadikan sebagai syarat 'candidature' ataupun pendaftaran pelajar itu dalam sesuatu IPTS yang saya percaya kita boleh terima, tetapi sebagai satu syarat untuk menerima sijil dan diploma itu amat ketat sekali. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong.

6.32 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, Fasal 44 - semua sijil diploma dan ijazah institusi pendidikan tinggi swasta hanya boleh dianugerahkan apabila mencapai tahap minimum yang ditentukan oleh pihak berkuasa yang tersebut dalam seksyen 39.

Saya meminta Yang Berhormat Menteri supaya menjawab soalan saya yang saya telah pun kemukakan semalam mengenai ijazah kursus-kursus kembar; ada setengah-setengahnya walaupun seorang pelajar itu, menghabiskan kursus itu di luar negara, di dalam universiti yang serupa, ijazah itu diiktirafkan, oleh JPA dan sebagainya dan kalau pelajar itu menghabiskan dua tahun di negara ini tetapi satu tahun di universiti yang serupa di luar negara, kadangkala ijazah itu tidak diiktirafkan.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 44 tidak disebutkan hal seperti ini sebab saya percaya kalau kita hendak menjadikan ijazah sama ada daripada kursus kembar dan daripada kampus universiti dan sebagainya, memang peruntukan yang lebih jelas diadakan di sini, mungkin kita tambahkan lagi termasuk ijazah di dalam kursus kembar yang diakui ataupun yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan.

Tuan Pengerusi: Ya. Silakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.34 ptg.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Pengerusi, pertamanya, berkenaan dengan Fasal 43(1), saya memberi penjelasan bahawa sebab kita maksudkan bahawa Pengajian Malaysia dan Pendidikan

Islam dan Pendidikan Moral dijadikan sebagai mata pelajaran yang akan diambil kira di dalam kelulusan dan penganugerahan ijazah ialah kerana kita hendak supaya pelajar-pelajar mengambil sikap yang agak serius kepada mata pelajaran ini. Ini ialah kerana mata pelajaran ini akan diajar dalam Bahasa Malaysia ataupun Bahasa Kebangsaan. Di dalam IPT Awam mereka telah menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama tetapi di IPTS kalau diberi pengecualian dan mereka mengajar dalam bahasa Inggeris umpamanya, sekurang-kurangnya bila kita masukkan peruntukan ini bererti bahawa pelajar akan mengambil sikap yang serius dan dengan ini penguasaan bahasa akan dapat ditingkatkan. Sebab itu dimasukkan dan bukanlah tujuan kita untuk membebankan pelajar-pelajar dan kita akan membentuk standard dan juga kurikulum yang sesuai.

Tentang ijazah kembar dan sebagainya, ini ada jawatankuasa khas yang akan menentukan sama ada ijazah yang diluluskan di bawah skim twinning ataupun kembar ini akan diberi semakan oleh jawatankuasa ini. Tetapi bagi IPTS nanti tidak ada sebarang keraguan sebab tidak ada kursus yang boleh dimulakan tanpa pengiktirafan oleh kerajaan oleh Lembaga Akreditasi Negara.

Fasal 43 hingga 46 diperintahkan jadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

Fasal 47 -

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan Rang Undang-undang ini dipinda dalam Fasal 47 seperti tertera di dalam pindaan yang sudah diedarkan. Saya tak perlu baca lagi. (*Kertas pindaan adalah seperti berikut*):

Rang Undang-undang ini adalah dipinda dalam **fasal 47**—

- (a) dalam **subfasal (1)**, dalam perenggan (a) dan (b)—
- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “lain”, perkataan “, melainkan jika dibenarkan oleh Ketua Pendaftar”;
 - (ii) dengan memasukkan selepas koma bernoktah di hujung subperenggan (i), perkataan “dan”;
 - (iii) dengan memotong subperenggan (ii) yang sedia ada; dan
 - (iv) dengan menomborkan semula subperenggan (iii) sebagai (ii); dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (6), subseksyen yang berikut:

“(7) Bagi tujuan mengelakkan keraguan, pertubuhan, persatuan, organisasi, badan dan kumpulan yang disebutkan dalam perenggan (1)(a) tidaklah termasuk pertubuhan, persatuan, organisasi, badan dan kumpulan yang ditubuhkan oleh pelajar institusi pendidikan tinggi swasta mengikut mana-mana peruntukan berkenaan dengannya dalam perlembagaan institusi pendidikan tinggi swasta itu.”

HURAIAN

Pindaan **fasal 47** bertujuan memperjelaskan peruntukan mengenai pertubuhan, persatuan, organisasi, kumpulan dan badan yang ditubuhkan oleh pelajar institusi pendidikan tinggi swasta.

(English Translation are as follows):

This Bill is amended in **clause 47**—

- (a) in **subclause (1)** in paragraphs (a) and (b)—
- (i) by inserting after the word “persons” the words “, unless allowed by the Registrar General”;
 - (ii) by inserting after the semicolon at the end of subparagraph (i) the word “and”;
 - (iii) by deteling the existing subparagraph (ii); and
 - (iv) by renumbering subparagraph (iii) as (ii); and
- (b) by inserting after **subclause (6)** the following subclause:

“(7) For the avoidance of doubt, the society, association, organisation, body and group mentioned in paragraph (1)(a) shall not include societies, associations, organisations, bodies and groups of students of private higher educational institutions established under the provisions of the constitution of the private higher educational institution with respect to it.”

EXPLANATORY STATEMENT

The amendments to **clause 47** seeks to give clarity to the provisions on the societies, associations, organisations, bodies and groups established by students of the private higher educational institutions.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah pindaan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, sekarang terbuka untuk dibahas. Kota Melaka.

6.36 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, merujuk kepada pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan pandangan saya bahawa keseluruhan Fasal ini adalah bercanggah dengan usaha negara Malaysia untuk menjadi pusat kecemerlangan pendidikan kerana satu daripada unsur penting untuk membolehkan Malaysia berjaya dalam usaha ini ialah untuk memupuk pelajar pemikir.

Sabitan dan gandingan dengan pusat kecemerlangan pendidikan ialah konsep kebebasan akademik dan sebaliknya Fasal ini bertujuan menghukum pelajar kerana mereka menggunakan hak berfikir, bersuara dan memberikan prihatin kepada masalah sosial dan negara. Malah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pernah berjanji akan meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti yang menyekat pendapat pelajar dan berfikir atau bersuara dalam pertubuhan sosial dan politik, akan tetapi janji ini bukan sahaja masih menjadi omong-omong kosong. Malah ia kini dikuatkuasakan ke atas pelajar-pelajar IPTS.

Kuasa mengongkong dan mengukum kebebasan berpendapat, berfikir dan bersuara, para pelajar institusi pendidikan tinggi swasta sudah ketinggalan zaman dan tidak sesuai dalam suasana pendemokrasian dan liberal dalam peringkat antarabangsa. Adakah kita mahu pelajar yang terbaik kita tidak berhak prihatin ke atas isu-isu penting dalam negara kita? Kalau begitu, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana

Menteri telah membazirkan masa mudanya dan bersalah kerana memegang kepada kepercayaannya bahawa para pelajar mempunyai hak berfikir, berpendapat dan bersuara. Lagi pun Fasal ini boleh membawa kesan yang begitu negatif sekali, contohnya dalam pertukaran pendapat dalam Internet. Kalau seorang pelajar IPTS memberikan pandangan mengenai isu semasa dalam 'group discussion' dalam Internet. Dalam Fasal ini, dia boleh dihukum di bawah peruntukan ini, kalau tidak dapat kelulusan daripada Ketua Pendaftar. Maka Malaysia akan menjadi bahan ketawa dunia, kalau keadaan sedemikian berlaku. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kepong.

6.38 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, di dalam pindaan ini saya nampak ada perubahan sedikit daripada rang undang-undang asal iaitu di dalam pindaan ini membenarkan sedikit sebanyak para pelajar menyertai kesatuan-kesatuan ataupun persatuan yang disetujui oleh pihak kementerian di dalam sesuatu IPTS.

Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun, saya bersetuju kita mesti menghakiskan semua unsur perkauman, unsur ekstremisme, unsur pelampau, unsur ajaran sesat dan sebagainya kerana kita tidak boleh membenarkan puak-puak pelampau tumbuh bercambah di Malaysia. Itu saya setuju.

Walau bagaimanapun, kita mesti memberi galakan kepada pelajar-pelajar untuk beraktif, untuk mempunyai sikap liberal kerana dengan era komunikasi ini, kalau kita tidak membenarkan mereka juga, mereka juga boleh mendapat maklumat melalui Internet, melalui cara-cara yang lain. Bahkan juga sekarang ada pelajar-pelajar boleh menjelajah kepada

pelosok-pelosok dunia yang lain untuk menyaksi dengan sendiri apa yang berlaku.

Sebab itu, kita hendak menarik dari segi penarikan untuk pelajar-pelajar asing datang ke Malaysia kita mesti menunjukkan sikap yang lebih liberal. Saya bersetuju kita mesti menghakiskan segala unsur ekstremisme dan ajaran sesat, itu mesti dibuat.

Walau bagaimanapun, selain daripada itu, kita membenarkan pelajar-pelajar ini untuk bergiat aktif di semua bidang, kalau boleh dan yang dipindahkan ini tidak mencukupi kerana Yang Berhormat Tanjong sudah membangkitkan apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai keperluan untuk menjadi Malaysia lebih liberal. Tambahan pula pemimpin-pemimpin sekarang di dalam Kabinet termasuk Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, beliau sendiri semasa di universiti sangat aktif. Kalau tidak aktif dalam universiti dan mempelajari pengalaman di universiti itu, mungkin ia tidak akan menjadi Timbalan Perdana Menteri sekarang. Itu satu hakikat dan kenyataan dan kita mesti membenarkan pelajar-pelajar untuk bergiat aktif dengan suasana yang lebih liberal. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya.

6.42 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong): Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyanjung tinggi usaha kerajaan memasukkan pindaan yang baru ini di dalam rang undang-undang yang telah pun dibahaskan.

Tuan Pengerusi, sebenarnya pihak pembangkang dari semalam telah pun cuba mengaitkan masalah "liberalism" kampus dengan kecemerlangan ilmu. Saya rasa, sebagai orang yang menempuh

alam pendidikan di abad pra Akta Universiti dan Kolej Universiti itu, di mana kami seangkatan dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di mana kami pernah menentang Akta Universiti dan Kolej Universiti sewaktu pertama kali diwujudkan, tetapi saya rasa ini tidak menjadi satu kriteria sama ada suatu bangsa itu akan menjadi cemerlang atau tidak sekiranya perkara ini diwujudkan. Kepada saya ada banyak manfaat dan kebaikannya dan hujah-hujah, umpamanya Ahli dari Machang semalam, dan mungkin juga daripada Kota Melaka baru-baru tadi, hujah ini hanya menyempitkan apa erti liberalism, apa erti kebebasan dan perkara ini pastinya akan dibangkang oleh pihak pembangkang, oleh kerana tidak ada satu standard kriteria mengenai kebebasan. Kita hendak menegaskan mengenai kebebasan peribadi, kebebasan yang berlandaskan kepada kepentingan umum ataupun kita mempersoalkan masalah kebebasan yang berlandaskan kepada kepentingan negara.

Saya tidak mahu berdebat dengan Ahli dari Kepong, cuma saya harus menyatakan di sini bahawa standard ataupun kriteria kebebasan harus diambil kira berlandaskan kepada kepentingan umum, berlandaskan kepada kepentingan masyarakat dan juga berlandaskan kepada hal ehwal ketenteraman dan keselamatan negara.

Dengan itu saya menyokong penuh pindaan yang dikemukakan pada hari ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Tanjong.

6.44 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong berkata bahawa sekatan terhadap pelajar-pelajar dan universiti-universiti tidak akan menentukan bahawa sesuatu bangsa itu cemerlang atau tidak, tetapi

hakikat sekarang ialah bahawa bangsa kita tidak cemerlang oleh kerana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri ada membuat rungutan bahawa universiti-universiti kita tidak pernah melahirkan buah fikiran yang kritikal, yang original, yang bernas- itulah satu hakikat. Tetapi saya mahu bertanya kepada Yang Berhormat Menteri mengenai satu soalan yang tepat. Mengikut Fasal 47 yang sebenarnya datang dari UUCA mengenai sekatan-sekatan yang dikenakan ke atas pelajar-pelajar universiti awam, kenapa sekatan-sekatan yang ada untuk IPTS lebih ketat daripada sekatan-sekatan yang dikenakan kepada pelajar-pelajar IPTA.

Oleh kerana mengikut UUCA, ada satu peruntukan di mana sungguhpun ada larangan terhadap pelajar-pelajar, walaupun ada 'association', ada badan-badan politik, tetapi ada satu peruntukan di mana, dengan izin, Naib Canselor, seorang pelajar boleh menjadi ahli parti-parti politik atau badan-badan yang lain - dengan izin, sungguhpun peruntukan ini tidak pernah digunakan oleh kerana sampai sekarang kita tidak apa-apa maklumat daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan, tetapi di dalam Rang Undang-undang ini tidak ada peruntukan yang sama di mana kebenaran boleh diberikan oleh Ketua Eksekutif yang setaraf dengan Naib Canselor untuk institusi pendidikan tinggi IPTA untuk membenarkan seseorang pelajar untuk menjadi ahli politik. Peruntukan ini ada dalam UUCA tetapi tidak ada peruntukan ini dalam rang undang-undang ini? Adakah oleh kerana kerajaan merasa lebih yakin Naib Canselor untuk IPTA bahawa mereka tentulah akan mengikut hasrat dan arahan Kementerian Pendidikan tetapi tidak begitu yakin mengenai Ketua Eksekutif IPTS. oleh kerana mungkin mereka akan lebih mengikut apa yang adil dan mungkin boleh membenarkan digunakan peruntukan semacam

ini dan membenarkan pelajar-pelajar IPTS untuk menjadi ahli-ahli politik. Kenapa ada perbezaan ini?

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Satu point sahaja.

Tuan Pengerusi: Satu sahaja! Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, dari dua dekad ini, saya nampak pada mulanya universiti- universiti kita sekarang, termasuk Universiti Malaya, pelajar-pelajar dahulu sangat minat bila kita adakan simposium, adakan kolokium, adakan perhimpunan untuk membincangkan sesuatu isu - Yang Berhormat Parit Sulong sekarang menjadi Parit Bongsu.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Dia masih ingat semasa dahulu para pelajar ramai yang berminat tetapi sekarang tidak ramai. Saya dipelawa untuk menyertai seminar dan sebagainya tetapi mereka tidak berminat untuk menyertai, kadangkala dalam satu dewan kuliah yang besar tetapi yang hadir itu tidak ramai sehingga tempoh hari, saya nampak pihak penganjur mencari dewan kuliah yang kecil sahaja untuk menunjukkan ada kehadiran. Jadi, apakah sebabnya? Saya percaya, salah satunya ialah kerana sekatan yang terlalu ketat dan mungkin Yang Berhormat

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat dari Kepong sedar bahawa sekarang penyertaan warga siswa dalam masyarakat yang menyeluruh adalah lebih luas - dia terus pergi ke grassroot, dia menganjur-

kan kegiatan kemasyarakatan, oleh kerana mungkin ini adalah 'current demand' daripada pensusarahan. Saya pernah menghadiri satu majlis dengan pihak DAP dan sebagainya, tetapi mereka mungkin sudah tahu apa corak DAP, apa corak pembangkang, jadi tidak membabitkan dan tidak mengundang minat, tetapi kalau saudara tahu bahawa sekarang kegiatan masyarakat ke akar umbi adalah amat dipuji dan ini adalah tidak pernah disekat. Adakah ini tidak ada kesedaran masyarakat yang meningkat itu sebagai satu kriteria bangsa yang mahu mencemerlangkan bangsanya sendiri. Perkara ini harus diambil kira. Jangan kita ambil kira cemerlang dan tidak cemerlang satu bangsa sekiranya di kampus pandai menjerit - itu menjadi cemerlang.

Kita harus mengira sama ada satu bangsa itu knowledge triumphant atau tidak sebagaimana yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kenapa tidak disebut oleh Ahli dari Tanjong?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Parit Sulong ini memang lagunya tidak serupa dengan lagu yang dahulu. Lagu yang dahulu enak dan cantik, sekarang kurang sedikit. Semasa dia berada di universiti dia memang saya berminat, sangat ghairah dan sangat dinamik tetapi sekarang kurang dah.

Jadi, ada anggapan yang salah kerana sesuatu seminar memang ada. UMNO pun ada, DAP pun ada, PAS pun ada, memang itu biasa. Kalau hujah Yang Berhormat itu yang betul, maka dia bosan dengan DAP. Ini bermakna dia bosan dengan UMNO jugalah kerana pihak UMNO pun ada. Sama tetapi cuma saya hendak minta Yang Berhormat Menteri mempertimbang, apakah sebab bilangan yang menyertai seminar dan sebagainya tidak begitu ramai pada beberapa tahun ini. Apakah sebabnya?

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Adakah kerana ada disko dan sebagainya yang lain?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat berulang-ulang yang itu sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, kerana ini masalah berulang. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi: Sila, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Pengerusi, tujuan pindaan ini dilakukan ialah supaya kegiatan pelajar yang bermanfaat digalakkan dan sebenarnya kita akan galakkan sebarang kegiatan pelajar yang akan membawa kepada percambahan pelajar berfikir, bersuara dan sebagainya dan mengadakan kegiatan-kegiatan yang berfaedah seperti kegiatan yang turun sampai ke kampung, kegiatan dalam bentuk persatuan ekonomi, persatuan debat dan sebagainya.

Ini semua kegiatan yang berfaedah dan kita akan masukkan ini dalam Perlembagaan IPTS itu apa syarat-syaratnya tetapi tidaklah sampai ia boleh menjadi ahli kepada mana-mana parti politik ataupun kesatuan sekerja. Itu had dia. Sebab kita hendak kampus ini aman dan kita hendak kampus ini tumpu kepada kecemerlangan akademik.

Saya percaya, Tuan Pengerusi, tidak inkonsisten, tidak bercanggah dengan hasrat kita sebab sekiranya kampus-kampus kita ini timbul banyak masalah dan tidak tenteram, ini lebih merugikan kita.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah pindaan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri itu tadi hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Rang Undang-undang ini adalah dipinda dalam fasal 47—

(a) dalam subfasal (1), dalam perenggan (a) dan (b)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan “lain”, perkataan “, melainkan jika dibenarkan oleh Ketua Pendaftar”;

(ii) dengan memasukkan selepas koma bernoktah di hujung subperenggan (i), perkataan “dan”;

(iii) dengan memotong subperenggan (ii) yang sedia ada; dan

(iv) dengan menomborkan semula subperenggan (iii) sebagai (ii); dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (6), subseksyen yang berikut:

“(7) Bagi tujuan mengelakkan keraguan, pertubuhan, persatuan, organisasi, badan dan kumpulan yang disebutkan dalam perenggan (1)(a) tidaklah termasuk pertubuhan, persatuan, organisasi, badan dan kumpulan yang ditubuhkan oleh pelajar institusi pendidikan tinggi swasta mengikut mana-mana peruntukan berkenaan dengannya dalam perlembagaan institusi pendidikan tinggi swasta itu.”

6.53 *ptg.*

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):

Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan bahawa Fasal 47(4) dipinda dan menggugurkan perkataan “yang dikehendakki supaya diperuntukkan dalam Perlembagaan di bawah subseksyen (1),” dan menggantikan perkataan “ribu” dengan “ratus” dan Fasal baru adalah seperti berikut:

“Seseorang pelajar yang melanggar atau tidak mematuhi peruntukan Perlembagaan adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan didenda tidak melebihi satu ratus ringgit.”

Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat Menteri telah mencadangkan dan telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini satu pindaan di mana melainkan Ketua Pendaftar memberikan kelulusan, seseorang pelajar boleh dianggap sebagai seorang pelajar robot. Dia tidak boleh bersuara, berfikir atau menyertai apa-apa organisasi masyarakat dan kalau pelajar tersebut melanggar syarat yang diberikan oleh Ketua Pendaftar, dia boleh dihukum dengan denda RM1,000.00 dan ini merupakan satu kesalahan.

Di sini saya tidak tahu sama ada ia merupakan satu kesalahan dalam bentuk jenayah atau tidak kerana kalau untuk seorang pelajar perundangan, adakah ini merupakan satu faktor di mana ia akan dikira, dengan izin, ‘black mark’ apabila dia memohon untuk mendapat kelulusan menjadi seorang peguam.

Oleh yang demikian, saya rasa peruntukan sebegini adalah keterlaluan dan tidak menyumbang ke atas usaha untuk memupuk seorang pelajar yang kritikal, yang boleh berfikir dengan diri sendiri. Saya tidak nampak di sini, apakah perlunya Fasal 47(4). Mengapakah

ia dianggap, yang pertama sebagai satu kesalahan? Yang kedua, mengapa pula denda mesti dikenakan dan sampai RM1,000.00. Pelajar bukan golongan yang kaya. Pelajar ialah golongan yang bergantung kepada ibu bapa untuk meneruskan pengajian mereka dan kalau mereka melakukan kesalahan, saya rasa itu bukanlah cara untuk menghukum mereka.

Kalau dengan denda, ini saya rasa mencerminkan aspek materialistik pihak kementerian bahawa semua perkara boleh diatasi dengan cara wang. Mungkin kerana kerajaan ada gejala politik wang sekarang. Dalam pendidikan pun ada masalah pendidikan wang.

Oleh sebab itu, saya harap, Tuan Pengerusi, kita mestilah konsisten dalam perkara ini. Kalau Ketua Pendaftar mempunyai kuasa mutlak untuk menentukan apakah organisasi yang boleh disertai oleh para pelajar, di manakah sekatan, di manakah kawalan ke atas kuasa Ketua Pendaftar ini?

Tadi, beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain telah memberikan satu contoh mengapakah Kelab UMNO boleh ditubuhkan di luar negara. Di sini, dalam Fasal 47(1), "sama ada ia di dalam atau di luar Malaysia." Ia termasuk juga, Tuan Pengerusi, bahawa pertubuhan luar negara pun mungkin diharamkan macam Amnesty International, sebuah pertubuhan hak asasi manusia.

Kalau seseorang pelajar menjadi ahli Amnesty International dan mereka dibenarkan berbuat demikian sebagai seorang ahli antarabangsa, mereka telah menyalahi peraturan ini. Kalau mereka menjadi ahli Amnesty International, mereka boleh dihukum denda RM1,000.00 kerana tidak diluluskan oleh Ketua Pendaftar dan bukankah ini satu perkara yang amat aneh?

Bila sebuah pertubuhan macam Amnesty International bukanlah sebuah parti politik tetapi kalau mereka menjadi ahli UMNO, sebuah parti politik, Kelab UMNO di London, di Tokyo, di negara-negara asing, tidak ada sebarang tindakan diambil ke atas mereka sebaliknya, mereka mungkin akan mendapat lebih banyak insentif, lebih banyak ganjaran dan sebagainya.

Oleh sebab itu, saya rasa ini menunjukkan bahawa kerajaan terus ingin mengongkong, menguasai, menyekat dan menindas hak pelajar untuk bebas berpendapat dan berfikir untuk diri sendiri. Dan ini saya rasa, bercanggah dengan apa-apa janji yang dibuat oleh pihak Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Menteri ada merujuk perkara ini dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana saya rasa ini dari segi semangat dan dari segi pendirian Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bercanggah dengan janji yang dibuat olehnya dan di sini saya ingin melahirkan perasaan amat kesal bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri boleh bersetuju dengan pindaan, dengan sesuatu perjuangan yang dia usahakan semasa dia muda.

Saya rasa ini menunjukkan dia telah mengorbankan idealisme semasa dia menjadi pelajar universiti. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah pindaan sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka itu tadi sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ya, Tanjong Karang.

6.57 ptg.

Tuan Noh bin Omar (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, saya ingin memberi pandangan di sini. Sesungguhnya bagi pandangan saya, denda RM1,000.00 ini terlampau rendah.

Sepatutnya denda yang patut dibuat bukannya RM1,000.00, patut dipecat daripada IPT yang dia belajar kerana tujuan pelajar-pelajar ini memasuki IPT ialah untuk belajar, bukannya untuk berpolitik kerana kita tahu dalam negara kita yang berbilang kaum dan juga kadang-kadang isu-isu sensitif selalu ditimbulkan oleh khasnya pihak pembangkang yang mana mudah mempengaruhi pelajar-pelajar. Lebih-lebih lagi berkemungkinan ramai pelajar di IPT ini bukan sahaja terdiri daripada pelajar-pelajar Malaysia sahaja, mungkin daripada negara-negara luar.

Apabila mereka ini tidak dikawal, dan mereka ini mungkin terpengaruh dengan rakan-rakan mereka daripada negara luar, daripada segi politiknya, daripada segi kefahaman kebangsaannya yang mungkin berbeza dengan negara kita, kita khuatir mereka juga terbawa-bawa dengan rakan-rakan mereka dari luar negara itu. Oleh itu, kawalan ketat mesti diadakan kepada pelajar-pelajar di IPTS. Kalau kita bandingkan dengan pelajar-pelajar di IPT awam, di mana majoriti pelajar-pelajarnya adalah terdiri daripada rakyat Malaysia sendiri.

Oleh itu, saya rasa denda yang dikenakan RM1000 ini bagi saya rendah dan kalau boleh mesti ditinggikan lagi.

Yang kedua, saya ingin menjawab daripada jawapan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka dan juga banyak parti pembangkang menimbulkan fasal Kelab UMNO. Saya hendak menegaskan di

sini bahawa akta yang kita gunakan ini ataupun undang-undang di dalam mana-mana negara sekali pun hanya dikuatkuasakan di dalam negara yang berkenaan.

Di luar negara seperti di United Kingdom ataupun di Tokyo atau di mana-mana negara, di antara negara-negara tersebut, tidak ada undang-undang seperti yang ada di negara kita. Sebab itu kalau pelajar kita menyertai Kelab UMNO dan saya ingin menegaskan, Kelab UMNO ini bukannya ahli UMNO. Mereka yang menjadi ahli Kelab UMNO ini bukannya automatik menjadi ahli UMNO di Malaysia. Tidak termasuk pun di dalam senarai ahli UMNO 2.8 juta ini. Mereka kena memohon - apabila balik ke Malaysia kena memohon menjadi ahli UMNO.

Walau bagaimanapun, saya hendak tegaskan bahawa undang-undang di dalam satu-satu negara kita kena kaji. Sebagai contoh, apabila Akta ini wujud di negara kita, saya penuh yakin Akta ini akan mengikat, bukan sahaja pelajar-pelajar di dalam negara kita, malah pelajar-pelajar luar. Sebagai contoh, kalau ada pelajar-pelajar daripada Singapura ingin menubuhkan Kelab ataupun menyokong parti DAP di Singapura, kalau mengikut tafsiran saya, mereka tidak boleh kerana kita telah ikat dengan peraturan-peraturan ini.

Di London, sebagai contoh, kalau ada undang-undang yang mengatakan bahawa pelajar-pelajar ataupun undang-undang itu bunyinya sama seperti IPTS. Ini saya yakin, Kelab UMNO juga tidak boleh ditubuhkan di luar negara. Jadi, penjelasan ini yang saya nampak dari semalam pihak pembangkang amat keliru mengenai peranan dan juga aktiviti Kelab UMNO. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kepong.

7.03 m/m.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, mengenai usul ini dan penjelasan daripada Kota Melaka dan Tanjong Karang. Tanjong Karang memang dia keliru seperti biasa. Kelab UMNO di United Kingdom memang mendapat sokongan daripada Suruhanjaya juga. Kadangkala MSD memberi sumbangan wang dan sebagainya. Dan apabila ada Perhimpunan UMNO, ada wakil ke UMNO pula datang.

Yang Berhormat dari Tanjong Karang, dia suka kerana di United Kingdom tidak ada sekatan seperti ini. Dia memang suka galakkan itu. Tetapi di negara sendiri, dia tidak mahu. Itu tidak mahu. Saya hendak enjoy atau menikmati kebebasan di United Kingdom dari segi ini, tetapi di dalam negara, orang lain tidak boleh. Macam mana fikiran? Fikiran itu tidak betul. Tidak betul.

Tuan Noh bin Omar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Noh bin Omar: Hendak minta penjelasan. Yang Berhormat Kepong ini cakap, tahukah apa yang dia cakap? Ini satu tuduhan liar. Pembangkang ini selalu cakap tidak ada fakta. Saya sendiri, daripada Kelab UMNO. Mana ada Jabatan Penuntut membiayai ataupun membayar yuran ataupun memberi peruntukan kepada Kelab UMNO? Ini tidak betul! Itu yang pertama.

Yang kedua, saya hendak tanya, bukan kita hendak mengatakan mengapa negara di sana boleh, negara di sini tidak boleh. Tetapi kita kena berdiri pada hakikat yang sebenarnya. Saya hendak tanya, adakah cara dan corak masyarakat, politik dan sosial di United Kingdom sama dengan keadaannya di Malaysia?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, pokok perbincangan kita ataupun perbincangan kita ini adakah kita hendak minta mengurangkan daripada RM1,000 kepada RM100?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, saya faham. Pokoknya.....

Tuan Pengerusi: Pokoknya, Rang Undang-undang 47(1) tadi telah pun dipersetujui.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi: Hendak RM1000kah, hendak bubuh RM50? Itu sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, yang penting sekali kerana kekeliruan Tanjong Karang, saya terpaksa meringankan keadaan yang sebenar. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Baiklah. Yang Berhormat Menteri hendak jawab?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Pengerusi, ringkas sahaja. Jika ada larangan, perlu ada penalti untuk dikenakan dalam hal larangan dilanggar. RM1,000 adalah denda maksimum. Denda yang kurang daripada itu boleh dikenakan, terpulang kepada mahkamah, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Masalah ialah pindaan sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka itu tadi dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak setujukan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Fasal 47, sebagaimana yang dipinda yang telah pun dipersetujui sekarang terbuka untuk dibahas sekali lagi. Ya, Kota Melaka.

7.06 m/m.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):
Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Fasal 47 di mana;

“(1) Perlembagaan hendaklah mengandungi larangan -

(c) ke atas seseorang, sewaktu dia menjadi pelajar institusi pendidikan tinggi swasta, dan sesuatu pertubuhan, persatuan organisasi, badan dan kumpulan pelajar institusi pendidikan tinggi swasta yang menyatakan atau melakukan apa-apa perkara yang boleh dianggap sebagai -

(i) menyatakan sokongan dan simpati kepada atau tentangan terhadap mana-mana parti politik atau kesatuan sekerja; atau

(ii) menyatakan sokongan atau simpati kepada mana-mana organisasi, badan atau kumpulan orang yang tak sah.”

Di sini saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, apakah salahnya kalau seseorang pelajar memberikan pandangan, sama ada dalam bentuk sokongan atau simpati? Adakah kalau seseorang pelajar sahaja membuat sedemikian, adakah ini akan memudaratkan keselamatan negara?

Saya tidak faham macam mana kita boleh memupuk sistem atau suasana pendidikan yang liberal dengan peruntukan yang saya anggap sebagai kejam dan zalim. Kalau kita lihat jika seseorang yang bukan pelajar di IPTS, usia yang sama, 21 tahun atau 22 tahun, kalau dia bukan seorang pelajar, dia berhak memberikan pendapat dan pandangan. Tetapi kalau dia adalah seorang pelajar di IPTS, dia tidak berhak berbuat demikian. Saya rasa

ada sesuatu contradiction in terms yang amat besar dalam keadaan sedemikian.

Itu bermakna, kalau seseorang adalah pelajar di IPTS menunjukkan dia mempunyai kemampuan intelektual yang lebih tinggi, dia tidak berhak memberikan pandangan, memberikan sokongan atau simpati tentang apa-apa isu negara. Berbanding dengan seorang yang tidak layak atau tidak berkemampuan atau tidak berpeluang masuk ke IPTS, dia bebas berbuat apa yang dia suka! Dia bebas menikmati hak-hak yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Tetapi tidak kalau dia seorang penuntut di IPTS. Saya anggap ini amat karut sekali!

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Eh, bapa ada, kuat sikitlah!

Tuan Lim Guan Eng: Saya harap Yang Berhormat dari Parit Sulong, Ron, berbudi sedikit. Jangan mencelah seperti ini. Saya rasa, itu pun bukan cara dia hendak berbahas.

Perkara ini amat penting. Saya rasa Yang Berhormat sendiri semasa belajar di luar negara pun telah memberikan pandangan tentang isu-isu tertentu. Tidak semestinya itu isu politik! Itu mungkin sesuatu isu sosial atau isu alam sekitar! Mengapa dia tidak boleh memberikan pandangan, sokongan atau simpatinya? Ini yang saya tidak faham.

Kalau peruntukan ini masih dikekalkan, peruntukan 47(1) dan akan dihukum di mahkamah, itu merupakan satu kesalahan jenayah. Memberikan pandangan dan memberikan pendapat merupakan satu kesalahan jenayah di mahkamah! Saya tidak tahu apakah kebebasan yang diperjuangkan oleh negara Malaysia di peringkat antarabangsa atau di peringkat dunia. Amat memalukan kepada negara Malaysia! (*Tepuk*)

Oleh sebab itu, saya harap pejuang-pejuang kebebasan intelektual, termasuk Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan pengikutnya, Yang Berhormat dari Parit Sulong, search your conscience! Search your conscience deeply. Adakah peruntukan ini munasabah dan adakah peruntukan ini memenuhi hasrat kebebasan, dengan izin, in whatever denomination we wish to classify.

Ini saya rasa bercanggah dengan kebebasan yang terhad yang dibenarkan oleh Perlembagaan negara kita tetapi disekat dengan begitu ketat sekali dan saya tidak nampak macam mana Yang Berhormat dari Parit Sulong dan pejuang-pejuang yang sama dengan dia boleh berkata negara kita ada demokrasi dengan peruntukan seperti ini. Bersuara - kesalahan jenayah. Mahkamah boleh hukum RM1,000. Dia akan ada rekod, dia akan ada satu kesalahan jenayah seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi terpulang kepada mahkamah dan saya harap perkara ini boleh dibetulkan.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang. Sekian, terima kasih.

7.11 mlm.

Tuan Noh bin Omar (Tanjong Karang): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh 47(c), (i) dan (ii) daripada Yang Berhormat dari Kota Melaka yang bercakap berapi-api tetapi tidak faham apa yang dicakap. Saya minta Yang Berhormat dari Kota Melaka baca betul-betul ayat ini. Yang dilarang di sini, "mengambil bahagian menyokong dan memberikan simpati kepada dua pertubuhan - parti politik dan kesatuan sekerja". Kalau dianya pelajar, apa hal yang dia hendak cakap pasal politik, pasal kesatuan sekerja? Mana ada dikatakan di sini, tidak boleh menyokong alam sekitar, tidak boleh menyokong persatuan belia? Mana ada? Tidak faham! Cakap mengambil masa...

Tuan Lim Guan Eng: (Bangun)

Tuan Noh bin Omar: Duduk dulu! Okay.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hanya ingin ingatkan Yang Berhormat dari Tanjong Karang, parti-parti politik bukan terhad kepada isu-isu politik sahaja. Mereka juga ada menyatakan pendirian tentang isu alam sekitar, isu hak asasi manusia. Takkan kalau sebuah parti politik menyatakan macam ujian nuklear (nuclear testing) di Lautan Pasifik Selatan, kalau parti politik semua mempunyai pendapat yang bersama bahawa mengecam negara Perancis, adakah kalau pelajar menyatakan pendirian yang sama, mereka juga akan dihukum? This is the ridiculous extreme of this Clause, dengan izin, Tuan Pengerusi. Saya harap faham sedikit. Jangan mengelirukan keadaan lagi.

Tuan Pengerusi: Tanjong Karang, sila, sila ya. Beri jawapan ya.

Tuan Noh bin Omar: Sebab dia, saya beri dia jalan. Kalau kita tafsirkan di sini, "memberi sokongan dan simpati kepada atau tentangan kepada mana-mana parti politik" - bermakna parti politik, pandangan parti politik. Kalau misal kata pandangan itu isu-isu dunia, yang mana di dalam perlembagaan persatuan itu, mesti persatuan ada perlembagaannya. Kalau dalam perlembagaan persatuan itu mengatakan boleh memberi pandangan mengenai isu-isu dunia, isu-isu belia, isu-isu alam sekitar, saya rasa mereka bercakap sebagai mewakili persatuan mereka. Dia tidak boleh berkata oleh kerana parti DAP menyokong ini, kita sokong DAP. Itu yang tidak boleh. Ini tidak faham.

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Noh bin Omar: Dalam negara kita juga telah pun ada klasifikasi. Kalau hendak daftar dalam Pendaftar Pertubuhan, kita kena mengatakan pertubuhan kita ini pertubuhan politik-kah, pertubuhan belia-kah atau kesatuan sekerja? Itu yang pertama.

Dan yang kedua ini pun jelas, kalau sesuatu pertubuhan membuat kenyataan sedangkan pertubuhan itu pertubuhan yang tidak sah, saya tidak nampak mengapa mesti disokong kalau tahu pertubuhan itu tidak sah. Jadi, saya tengok apabila pembangkang membahaskan akta ini, mereka sebenarnya tidak faham apa yang dicakap. Terlalu emosi. Bercakap tanpa membaca, tanpa teliti. Apabila kita beri short notice, tidak setuju. Kita tangguh Dewan suruh baca betul-betul, pun tidak faham. Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Menteri sila jawab.

7.14 mlm.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Saya hendak jawab sedikit sahaja, Tuan Pengerusi. Meminjam kata-kata Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, yang ridiculous dan extreme, dengan izin Tuan Pengerusi, ialah beliau sendiri sebenarnya. (*Tepuk*)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Fasal 47 dengan pindaan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 47 sepertimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 49 -

7.15 mlm.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, saya ingin memohon bahawa Fasal 49 dipinda dengan menambah satu subseksyen baru yang dinamakan Fasal 49(5) seperti berikut:

“sebelum sebarang tindakan yang diambil di bawah subseksyen (1), (3) dan (4) boleh dilaksanakan, pihak yang terjejas berhak membuat permohonan mahkamah mempertikaikan keputusan Ketua Pendaftar tetapi permohonan mahkamah ini mestilah dibuat dalam masa 20 hari.”

(Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, adalah merupakan satu asas undang-undang untuk memohon keadilan daripada mahkamah ke atas sesuatu keputusan yang mungkin tidak adil. Adalah tidak adil dan tidak memenuhi prinsip national justice kalau keputusan Ketua Pendaftar mempunyai kuasa mutlak membubarkan mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, mengkenselkan pendaftaran Ketua Eksekutif IPTS atau pendaftaran IPTS itu sendiri dan membuang pelajar. Untuk kuasa sebegitu besar yang mempunyai kesan negatif penting kepada kewujudan sesebuah IPTS dan masa depan seseorang pelajar, mahkamah harus mempunyai kuasa mengulang kaji keputusan Ketua Pendaftar. Kalau tidak, kemungkinan besar ia akan disalahgunakan untuk memenuhi hasrat politik tertentu dan wujudnya double standard dalam pelaksanaannya sepertimana yang kita lihat tadi oleh jawapan Yang Berhormat Menteri ke atas satu peruntukan yang amat penting yang berkaitan dengan kebebasan akademik dan pelajar-pelajar di IPTS di mana dia menjawab dengan begitu tidak bertanggungjawab sekali.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka itu terbuka untuk dibahas sekarang. Kepong.

7.17 m/m.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, memang usul Yang Berhormat dari Kota Melaka ini akibat daripada kuasa yang terlalu besar yang diberi kepada Ketua Pendaftar yang boleh mengarahkan Ketua Eksekutif untuk menggantung atau membubarkan sesuatu persatuan, badan atau kumpulan pelajar.

Tuan Pengerusi, saya menganggap pindaan itu dengan menambahkan satu subseksyen baru 49(5) seperti yang diterangkan itu, adalah munasabah kerana kuasa yang saya pun ada sebutkan tadi mengenai kuasa yang terlalu besar. Saya bukan mempertikaikan kita hendak adakan satu kawal selia yang ketat, yang baik, yang berkesan, yang efisien. Walau bagaimanapun, kita mesti ada jalan untuk memperbetul perbuatan keputusan yang tidak betul. Ini memang satu usaha dari Yang Berhormat Kota Melaka untuk mencari satu kaedah di mana pihak yang disalahkan dapat peluang untuk membuat rayuan untuk mencari saluran yang lain membela diri dan inilah satu caranya untuk berbuat demikian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tanjong Karang.

7.18 m/m.

Tuan Noh bin Omar (Tanjong Karang): Terima kasih. Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya rasa lagi sekali parti pembangkang ini keliru dan tidak faham Fasal 50 ini. Izinkan saya baca dulu.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Fasal 49.

Tuan Noh bin Omar: Minta maaf.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Fasal 49.

Tuan Noh bin Omar: Saya minta maaf, saya ingat Fasal 50 tadi. Saya akan cakap dalam Fasal 50.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Belum sampai lagi Yang Berhormat, sabar.

Tuan Noh bin Omar: Fasal 50 nanti saya hendak bercakap.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Kuala Pilah.

7.19 m/m.

Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang (Kuala Pilah): Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengambil bahagian dalam Fasal 49 tadi. Saya sendiri berpendapat bahawa peruntukan yang ada dalam akta ini telah mencukupi kerana kuasa yang diberi kepada Ketua Pendaftar mestilah mempunyai sesuatu yang boleh beliau melaksanakan. Peruntukan-peruntukan itu kalau sudah ada kuasa yang diberi dan kalau ada pihak yang melanggar tentu sekali mesti ada peruntukan-peruntukan berbentuk penalti bagi untuk membuat sesuatu sebagai melaksanakan tindakan yang telah pun diadakan dalam undang-undang itu.

Hendak menyatakan sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka, seolah-olah peruntukan itu telah merampas kuasa-kuasa hak asasi. rule of natural justice. saya fikir tidak berasas. Justeru itu. saya tidak bersetuju dengan pandangan yang telah disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Menteri diminta jawab.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Pengerusi, saya tidak bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat dari Kota Melaka sebab bidang kuasa mahkamah tidak terjejas sebenarnya, walaupun Ketua Pengarah ada kuasa-kuasa sedemikian, tetapi hak untuk membuat aduan kepada mahkamah tetap boleh ditunai-kan dan terpulanglah kepada mahkamah kalau ada sesuatu yang dilakukan, yang disifatkan sebagai kezaliman, maka hak asasi itu masih kekal, tetapi peruntukan untuk Ketua Pendaftar ini perlu diwujudkan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Fasal 49 sekali lagi terbuka untuk dibahas. (*Tiada perbahasan*)

Fasal 49 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 50 hingga 99 -

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kota Melaka. Sebenarnya Yang Berhormat, Fasal 50 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu saya rasa sudah...

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak ambil bahagian.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): ..ditolak, tetapi saya belum kemukakan.

Tuan Lim Guan Eng: Oh, baik, baik.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Fasal 50 hingga 99 terbuka untuk dibahas. Kota Melaka.

7.22 mlm.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Fasal 50 di mana Ketua Pendaftar boleh menetapkan, selepas berunding dengan Menteri, peraturan-peraturan bagi pembuangan pelajar dalam hal-hal tertentu. Di sini sekali lagi Tuan Pengerusi, saya rasa kuasa ini adalah terlalu luas dan terlalu am di mana semua perkara boleh dimasukkan sebagai kriteria pembuangan seseorang pelajar daripada IPTS.

Seperti yang saya sebutkan tadi, sekatan ke atas seseorang pelajar, menyatakan apa-apa yang boleh dianggap sebagai menyatakan sokongan atau simpati kepada satu-satu parti politik, boleh memerangkap mana-mana pelajar kalau dia membuka mulutnya untuk memberikan pandangan tentang isu-isu tertentu. Dan saya tidak nampak macam mana peruntukan seperti ini boleh disetujui oleh pihak Yang Berhormat Menteri kalau beliau benar-benar mahu pelajar-pelajar yang berfikir secara bernas.

Seperti yang saya sebutkan tadi, sebagai contoh. Kalau seorang pelajar di IPTS, dia dikenakan sekatan sedemikian tetapi kalau dia bukan pelajar, dia tidak dikenakan sekatan apa-apa. Di manakah logiknya? Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh menjawab perkara ini. Di manakah logiknya? Adakah kerana seseorang pelajar menuntut di IPTS dia dianggap sebagai satu ancaman? Bahaya! Ancaman yang amat besar yang mungkin memudaratkan keselamatan negara? Di manakah logiknya? Kalau seseorang yang menuntut di IPTS dikenakan banyak sekatan tetapi kalau dia bukan pelajar dia diberikan hak untuk berkempen, berpolitik dan bersuara.

Kalau dia tidak mahu menyatakan sokongan ke atas mana-mana parti politik, hanya mengeluarkan pendapatnya, ini tidak bersalah, tetapi kalau untuk pelajar, kalau dia menyatakan pandangan tentang isu-isu tertentu dan dia boleh dianggap sebagai sokongan ke atas parti politik, dia bersalah, boleh dihukum sampai RM1,000 oleh mahkamah. Di manakah logiknya? Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh menjawab perkara ini. Where is the logic? Kalau tidak, ini lebih mirip kepada perverse logic.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga merujuk kepada Fasal 72 iaitu mengenai pengiklanan dan 72, 73, 74 dan 75, saya hendak bahas secara sekali gus untuk jimatkan masa.

Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ada institusi pengajian atau kolej-kolej yang sedia ada sekarang telah membuat iklan yang palsu atau tidak tepat. Apakah tindakan yang diambil oleh pihak kementerian? Saya difahamkan bahawa baru-baru ini ada laman buah institusi pengajian swasta yang telah membuat iklan palsu tentang prestasi mereka, contohnya, bahawa mereka mempunyai rekod kelulusan yang amat tinggi, sampai seratus peratus dalam peperiksaan tertentu, tetapi ini bukanlah keadaan sebenarnya. Sungguhpun mereka harus didakwa di mahkamah tetapi ini tidak dibuat oleh pihak kementerian. Adakah perkara ini benar? Adakah hanya laman institusi swasta yang terlibat atau lebih daripada itu? Dan bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini nama laman institusi pengajian ini yang baru didenda kerana membuat iklan palsu bahawa mereka mempunyai prestasi dan rekod akademik yang amat baik?

Saya rasa ini satu perkara penting kerana ibu bapa dan pelajar-pelajar bergantung kepada rekod sesebuah kolej untuk menentukan sama ada

mahu menuntut di kolej tersebut dan kalau tidak ada sebarang pengawalan, tidak ada sebarang pengawalseliaan di bawah kementerian, saya takut nanti penuntut-penuntut tertentu mungkin tertipu oleh iklan-iklan yang tidak betul ini dan saya harap pihak menteri boleh menjelaskan mengapakah tindakan yang dianggap sebegitu ringan diambil ke atas laman institusi pengajian swasta yang telah membuat iklan palsu dan adakah beliau rasa penalti atau hukuman yang dikenakan memuaskan? Dan adakah ini juga akan dijadikan sebagai garis panduan untuk kes-kes serupa oleh IPTS yang melakukan kesalahan yang sama apabila rang undang-undang ini dikuatkuasakan. Itu sahaja, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tanjong Karang.

7.27 mlm.

Tuan Noh bin Omar (Tanjong Karang): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak cakap seksyen 50 mengenai persoalan yang ditimbulkan sama ada mengapa pelajar tidak boleh aktif politik, mengapa bukan pelajar boleh aktif politik. Saya hendak tegaskan di sini supaya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ini biar open minded sedikit.

Bukannya soal kerajaan takut dengan pelajar. Di dalam negara kita ini, bukan sahaja pelajar, kakitangan kerajaan kumpulan 'A' pun tidak dibenarkan aktif dalam politik. Polis, tentera tidak boleh aktif dalam politik. Jadi, apa yang kerajaan buat ini ada sebab-sebab yang tertentu. Macam pelajar, sudah tentu kalau dia pelajar dengan bukan pelajar ada bezanya. Orang pegawai kumpulan 'A' dengan bukan kumpulan 'A', ada bezanya. Jadi, saya harap Yang Berhormat dari Kota Melaka ini jangan terlalu sempit. Hendak politik, habis belajar hendak politik, politiklah.

Kemudian mengenai menyatakan sokongan. Saya tidak tahulah kalau ada pemimpin pelajar yang tidak reti bila hendak memimpin. Kalau saya jadi pemimpin pelajar saya sudah faham kenyataan ini. Kalau katalah untuk menyokong, kata contoh yang diberi tadi, isu nuklear, kalau hendak menunjukkan sokongan kepada bantahan isu nuklear, kalau saya jadi pemimpin pelajar, saya tidak ikut parti DAP membuat tunjuk perasaan, membuat kumpulan, kerana sebagai pemimpin pelajar saya ada pengikut-pengikut saya sendiri. Saya boleh buat di atas nama persatuan universiti saya, tidak perlu saya hendak joint venture dengan DAP, dengan UMNO ataupun sebagainya.

Ini yang dimaksudkan dalam akta ini. Hanya pemimpin pelajar macam Kota Melaka yang tidak faham, yang tidak tahu hendak memimpin yang mungkin hendak ikut-ikut apa yang parti politik buat.

Jadi, itu sahaja yang hendak saya sampaikan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepong.

7.29 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, memang Yang Berhormat dari Tanjong Karang tidak begitu memperbahas mengenai Fasal 50 tadi. Cuma meluahkan perasaan sahaja.

Tuan Pengerusi, Fasal 51 dan Bahagian IX mengenai permit mengajar. Seseorang hendaklah mendapatkan permit mengajar dikeluarkan oleh Ketua Pendaftar sebelum dia boleh dibenarkan mengajar di mana-mana institusi pendidikan tinggi swasta. Saya ada dengar hujah Yang Berhormat Menteri mengenai tenaga pengajar. Beliau menyebutkan bahawa dengan tertubuhnya IPTS yang menarik guna tenaga daripada IPTA, ini tidak dibenarkan.

Maksudnya ialah kita hendak adakan IPTS tanpa menjejaskan kekurangan tenaga pengajar di IPTA. Adakah ini bermakna di dalam Bahagian IX, kalau seseorang pensyarah, Profesor hendak meletak jawatan dan menyertai sesebuah IPTS, permit tidak akan diberikan, kerana daripada kenyataan Yang Berhormat Menteri kata "tidak gunalah kita ada IPTS yang bersaing dengan IPTA" dan dengan kelulusan. Sebelum ini tidak ada syarat, tidak ada permit mengajar untuk IPTS seperti yang disebutkan termaktub di dalam rang undang-undang ini. Adakah ini bermakna dengan kelulusan rang undang-undang ini, pensyarah ataupun kakitangan IPTA tidak boleh menyertai IPTS? Ini saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat menjawab.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Gelang Patah.

Tuan Chang See Ten: Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan tentang seksyen 55, yang mana kuasa Ketua Pendaftar sangat besar, "untuk mengkenselkan pendaftaran institusi pendidikan tinggi swasta."

Dalam seksyen 56(4), "keputusan Ketua Pendaftar di bawah perenggan (3)(a) untuk mengkenselkan pendaftaran institusi pendidikan tinggi swasta hendaklah dibuat dengan persetujuan menteri". Adakah kedua-dua seksyen ini ada bercanggah, saya harap dapat penjelasan daripada Menteri Pendidikan?

Dalam seksyen 59 - Pemberhentian kegiatan perniagaan. Yang mana dalam 59(a):

"59(a) kelulusan bagi penubuhannya telah dibatalkan oleh Menteri;"

Ini adalah wajar.

Mengenai 59(b), saya ingin mendapat penjelasan iaitu "pendaftarannya telah dikenselkan oleh Ketua Pendaftar". Adakah ini patut atau lebih baik dikenselkan oleh Menteri Pendidikan, kerana Menteri Pendidikan yang memberi kelulusan dan Menteri Pendidikan yang berhak mengkenselkan pendafтарыnya?

Seksyen 59(d) berbunyi:

"59(d) syarikat yang dengannya institusi pendidikan tinggi swasta itu ditubuhkan telah digulung -

(i) oleh lembaga pengarah syarikat;"

Bagaimana kepentingan pemegang saham dijaga kerana di sini cuma disebut oleh "lembaga pengarah syarikat", tetapi pemegang saham adalah silence, dengan izin. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Hulu Langat.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya cuma hendak menyentuh sedikit mengenai seksyen 99, yang mana 99(1) menyebut seseorang yang sedang bertugas sebagai guru di IPTS hendaklah memohon untuk mendapatkan permit mengajar dalam masa sebulan. Manakala seksyen 99(2) pula menyebut, sementara menunggu permohonan bagi mendapatkan permit diputuskan, orang itu boleh terus mengajar di IPTS berkenaan.

Soalannya saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah makna kedua-dua peruntukan ini? Yang pertama, dia kata "hendaklah memohon", tetapi dalam pada memohon itu dibenarkan pula meneruskan tugas. Ini bermakna seolah-olah permit yang dikeluarkan

oleh Ketua Pendaftar mengikut seksyen 51, seolah-olah macam tidak ada makna, hendaklah memohon dalam masa sebulan, tetapi di dalam masa memohon itu boleh terus mengajar. Jadi, kewibawaan permit itu macam tidak ada, mungkin saya silap, tetapi itulah persoalan yang hendak saya tanya pada Yang Berhormat Menteri.

Dalam masa sebulan sementara keputusan dibuat itu, macam-macam boleh terjadi, macam-macam boleh dibuat oleh guru, jadi macam mana kita hendak mengawasi guru-guru ini? Adakah guru-guru itu guru tulen atau guru-guru yang dipinjamkan untuk memesongkan pemikiran anak-anak kita di IPTS, barangkali sebulan tidak lama, tetapi saya percaya dalam masa 20 hari pun macam-macam boleh terjadi. Hendak memesongkan pemikiran anak-anak bukan lama, dua jam pun boleh, inikan pula peruntukan ini membenarkan sehingga satu bulan ataupun 30 hari.

Apa yang saya hendak menarik perhatian ialah mengenai seksyen 99(2) pula menegaskan bahawa pemohon ataupun guru yang sedang memohon dan sedang mengajar tanpa diketahui sama ada permohonannya lulus ataupun tidak. Hak dia seolah-olah terlindung pula oleh seksyen 99(2) yang menekankan "bahawa pemohon itu hendaklah disifatkan sebagai mengajar secara sah" sedangkan permit tidak dikeluarkan lagi. Jadi, seolah-olah macam ada satu pertentangan antara seksyen 99(1) dan 99(2). Jika demikianlah ada pertentangan mungkin perlu dibetulkan. Sekian.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kuala Pilah.

Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Pengerusi, hanya satu point sahaja iaitu seksyen 59(b), perkara ini saya fikir untuk rekod dan

minta Yang Berhormat Dato' Menteri merujuk semula dari segi istilah bahasa dan nahunya sahaja saya fikir, ayat seperti "pendaftarannya telah dikenselkan oleh Ketua Pendaftar". Kalau hendak gunakan pun perkataan "kensel" dalam istilah Bahasa Melayu sekarang kita guna perkataan 'dibatalkan'.

Sekarang ini kalau hendak menggunakan 'dikensel'-dikensel sahajalah, tetapi tidak 'dikenselkan'. Saya rasa perkataan 'dikenselkan' itu tidak kena di situ dari segi nahunya, kerana perkataan ini kalau kita tidak tegur sekarang ini, saya rasa kalau sudah menjadi undang-undang besok, permasalahan ini akan wujud dari segi pentafsiran dan penterjemahan, apabila digunakan di mahkamah nanti. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Menteri diminta jawab.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Pengerusi, pertamanya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bertanya tentang iklan palsu. Sebenarnya iklan palsu yang berjalan sekarang ini tidak boleh diambil tindakan sebab tidak ada peruntukan undang-undang di bawah Kementerian Pendidikan, cuma boleh dikawal ialah di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sahaja boleh mengambil tindakan.

Walau bagaimanapun dengan adanya rang undang-undang yang baru ini, maka kalau ada iklan palsu dan kalau ada sesuatu kenyataan yang tidak benar, maka mereka boleh disabitkan kesalahan di bawah rang undang-undang ini dan kesalahan itu boleh dihukum dengan hukuman yang lebih berat lagi.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong menyebut tentang sama ada dengan perjalanan IPTS nanti tidak ada seorang pun daripada IPTA boleh masuk. Ini saya tidak katakan demikian. Saya kata "boleh dikawal". ertinya

terpulanglah kepada pihak kementerian untuk menentukan sama ada baik atau tidak, ada pemindahan dari segi seseorang individu itu, daripada IPTA kepada IPTS. Walau bagaimanapun, perkara ini akan ditentukan mengikut 'the merit of each case', dengan izin, Tuan Pengerusi.

Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah telah membangkitkan tentang seksyen 55. Sebenarnya sebarang pembatalan itu adalah satu perkara yang serius, maka sebarang perkara yang serius dan besar hendaklah dilakukan bersama-sama dengan keputusan menteri. Oleh sebab itulah dimasukkan peruntukan sedemikian.

Ahli Yang Berhormat dari Hulu Langat telah menyentuh tentang Fasal 99. Fasal 99 sebenarnya dimasukkan untuk tempoh peralihan. Jadi, kita tidak mahu pengajaran di IPTS yang sudah diluluskan tergendak, sebab itu kita beri tempoh sebulan dan saya fikir tempoh sebulan itu munasabah demi keadilan. Oleh itu, yang mana sedang mengajar boleh mengajar, tetapi dalam masa sebulan kena mohon permit mengajar daripada pihak Ketua Pendaftar.

Bersabit dengan perkara yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Pilah, saya telah menyatakan pada peringkat awal, perkara ini kita sedang berunding dengan pihak Peguam Negara.

Fasal 50 hingga 99 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, rang undang-undang yang berkenaan telah pun diluluskan. (*Tepuk*)

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian atas kerjasama dan kematangan

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dalam perbahasan ini.

Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga ke satu tarikh yang belum ditetapkan lagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.43 malam.